

POTENSI MERENTAS SEMPADAN

LAPORAN TAHUNAN 2011



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

Dana Yang Berkat

Usia tua sesantainya angin nyaman yang sihat,
renyai hayat anugerah Tuhan yang teramat nikmat.

Kini kita maruahi lagi sejarah kebajikan,
Menyemainya dengan benih jerih perih pendapatan
agar usia tua akan waras terpelihara:
damai di tangan, nikmat di hati dan indah di mata.

Dan tarikh lahirnya badan dana yang amat bertuah -
Mac - kini bulan yang molek, cahaya manis sejarah;
dengan wang dirancang untuk ranum ke usia sarat
peluh jujur rezeki subur mengisi dana berkat.

Sopan di tangan, jernih di mata dan santun di kalbu,
peranum labur jimat tercermat yang mengembang gebu.
Diurus tangan canggih amanah yang tulus berhemah
sehingga pepohon rezeki sempat merimbun buah.

Tulus petugas setia serasi bakti pekerja
ringani bahu pentadbir, suburi harta pesara,
alir pencen sumber harta yang luhur sepanjang hayat
tersimbah tuahnya ke yatim diri, ke badan sihat.

Dengan tekun berilmu, tindakan yang bersanubari,
yakini dipasti taman labur terindah harum ini.

5 - 15, Februari, 2007

A. SAMAD SAID



RASIONAL KULIT DEPAN

POTENSI MERENTAS SEMPADAN

Gabungan bakat dan sumber, serta berbekalkan semangat, ketekunan dan wawasan yang dimiliki KWAP memberikan potensi merentas sempadan.

KANDUNGAN

003 Profil Korporat • **006** Tahun 2011 Sepintas Lalu • **007** Sorotan Pencapaian Sejak Tahun 2007
009 Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun • **010** Mesej Daripada Pengerusi
014 Mesej Daripada Ketua Pegawai Eksekutif • **020** Lembaga : Ahli dan Profil • **024** Panel Pelaburan : Ahli dan Profil
026 Jawatankuasa Lembaga • **028** Carta Organisasi • **029** Jawatankuasa Eksekutif
029 Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Menyeluruh • **030** Coretan Impian

035 Pengurusan Risiko • **050** Penyata Tadbir Urus • **061** Penyata Kawalan Dalamann

065 Persekitaran Operasi Kami • **067** Rumusan Operasi dan Pencapaian 2011
107 Kad Skor Korporat Untuk 2012 • **110** Ringkasan Pelan Korporat 2012-2014

113 Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga • **114** Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2011
115 Pensijilan Ketua Audit Negara • **116** Lembaran Imbangan • **117** Penyata Pendapatan • **118** Penyata Perubahan Rizab
120 Penyata Aliran Tunai • **122** Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

145 Ketua Pegawai Eksekutif KWAP: 25 Orang Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset
147 Statistik-Sumber Manusia • **150** Kepentingan ISO9001:2008 Untuk KWAP • **151** Aktivisme Pemegang Saham
152 SPARC

155 Berkongsi Nilai Kita • **156** Tanggungjawab Sosial Korporat

161 Kalendar Korporat Untuk 2011

167 Glosari Istilah

SEKSYEN I
PENGENALAN

SEKSYEN II
TADBIR URUS
KORPORAT

SEKSYEN III
PERINCANGAN
DAN ANALISIS
PENGURUSAN

SEKSYEN IV
PENYATA
KEWANGAN

SEKSYEN V
ARTIKEL

SEKSYEN VI
TANGGUNGJAWAB
SOSIAL
KORPORAT

SEKSYEN VII
KALENDAR
KORPORAT

SEKSYEN VIII
LAMPIRAN

Seksyen I PENGENALAN

- 003** Profil Korporat
- 006** Tahun 2011 Sepintas Lalu
- 007** Sorotan Pencapaian Sejak Tahun 2007
- 009** Ringkasan Keputusan Kewangan 5 Tahun
- 010** Mesej Daripada Pengerusi
- 014** Mesej Daripada Ketua Pegawai Eksekutif
- 020** Lembaga : Ahli dan Profil
- 024** Panel Pelaburan : Ahli dan Profil
- 026** Jawatankuasa Lembaga
- 028** Carta Organisasi
- 029** Jawatankuasa Eksekutif
- 029** Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa
Pengurusan Risiko Menyeluruh
- 030** Coretan Impian

PROFIL KORPORAT

VISI

Organisasi berprestasi tinggi menjamin faedah pencen yang berterusan

MISI

Memaksimumkan pulangan melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik dan pengurusan risiko yang bijak

NILAI-NILAI KORPORAT

Berorientasikan Kecemerlangan

- Mewujud dan mengekal budaya peningkatan berterusan, supaya semua ahli organisasi, secara individu atau berpasukan, berinisiatif, gigih dan cekal untuk melakukan yang terbaik
- Bersungguh-sungguh untuk mencapai keputusan yang disasarkan
- Sentiasa berusaha menghasilkan keputusan yang mengatasi tanda aras

Profesionalisme

- Berpegang teguh kepada nilai moral dan etika yang tinggi
- Mengutamakan kepentingan organisasi daripada kepentingan diri
- Menunjukkan komitmen yang berterusan terhadap kecemerlangan
- Mengkaji secara kritikal semua tindakan dan keputusan untuk penambahbaikan
- Menerima maklum balas dan respons secara positif
- Kompeten dalam bidang yang dipertanggungjawabkan

Integriti

- Berpegang teguh kepada nilai-nilai murni dan akhlak mulia
- Muhasabah diri
- Berfikiran terbuka, menghormati pandangan, idea dan pengalaman orang lain

Ketelusan

- Komunikasi dan akauntabiliti yang jelas serta amalan berterus terang
- Bertindak dengan nyata dan konsisten

Semangat Kerja Berpasukan

- Bekerjasama untuk mencapai satu matlamat
- Mewujudkan persekitaran yang menggalakkan pencapaian potensi sepenuhnya dengan menerima perbezaan dan kelainan
- Kolaborasi di antara kumpulan dan berkongsi idea untuk mencapai kecemerlangan

Pembelajaran Berterusan

- Menambah dan mengemaskini pengetahuan secara berterusan dan belajar dari kesilapan

PROFIL KORPORAT

LATAR BELAKANG

Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) telah digubal untuk membantu pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan. Dengan penggubalan Akta tersebut, Kumpulan Wang Amanah Pencen telah ditubuhkan pada 1 Jun 1991 dengan geran pelancaran sebanyak RM500 juta dari Kerajaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah Pencen ditadbir oleh Majlis Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Pada 1 Mac 2007, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) atau KWAP, telah ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) menggantikan Akta Kumpulan Wang Amanah Pencen 1991 (Akta 454) yang dimansuhkan. Dengan penubuhan KWAP, kesemua kuasa, fungsi, aktiviti, aset dan liabiliti Kumpulan Wang Amanah Pencen diambil alih sepenuhnya oleh KWAP. Misi KWAP ialah untuk menguruskan dana yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) ke arah mencapai pulangan maksimum melalui penanda aras, rangka kerja pelaburan yang dinamik, dan pengurusan risiko yang bijak. Dana tersebut akan digunakan untuk membantu Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembiayaan liabiliti pencennya.

FUNGSI

Fungsi-fungsi KWAP adalah seperti berikut:

Pengurusan caruman daripada Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-Agensi lain; dan

Pentadbiran, pengurusan dan pelaburan Dana dalam ekuiti, sekuriti pendapatan tetap, instrumen pasaran wang dan bentuk-bentuk pelaburan lain yang dibenarkan di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662). Peranan KWAP dalam konteks kakitangan sektor awam berpencen adalah seperti berikut:

Menguruskan Kutipan Caruman

Kerajaan Persekutuan menyumbang 5% daripada jumlah emolumen tahunan yang dibajetkan bagi kakitangan Kerajaan Persekutuan manakala Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi-agensi lain menyumbang 17.50% daripada gaji hakiki pekerja berpencen masing-masing kepada KWAP setiap bulan.

Menetapkan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan

Panel Pelaburan dan Lembaga bertanggungjawab meluluskan dan menyemak semula Polisi dan Garis Panduan Pelaburan KWAP secara berkala.

Pengurusan dan Pengawasan Pelaburan

KWAP melabur dananya di dalam kelas-kelas aset mengikut Alokasi Aset Strategik dan Garis Panduan Pelaburan seperti yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Aktiviti pelaburan dilakukan oleh sepasukan warga kerja pelaburan profesional yang cekap dan berpengalaman. Status dan prestasi pelaburan KWAP dilaporkan secara bulanan kepada Panel Pelaburan dan Lembaga. Analisis prestasi termasuk prestasi relatif berbanding indeks penanda aras serta pulangan sasaran mutlak bagi setiap kelas aset.

PROFIL KORPORAT

KWAP dalam Sistem Pencen Malaysia

	Pembentukan Dasar	Sistem Caruman Ahli	Dasar Pelaburan & Garis Panduan	Pengurusan Pelaburan & Pengawasan	Pentadbiran Ahli	Faedah Bayaran
	Tetapkan dasar untuk pencen / dana persaraan	Mengurus kutipan caruman ahli individu	Tetapkan dasar pelaburan dan garis panduan	Melaksana & mengawas pelaburan	Mengurus akaun ahli	Mengurus pentadbiran kewangan & bayaran
Kakitangan Sektor Awam Berpencen	Perbendaharaan Mengira impak kewangan & meluluskan dasar	 KWAP Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) RETIREMENT FUND INCORPORATED		 JPA		
	JPA Membentuk & mengkaji semula dasar					
Angkatan Tentera	MINDEF Membentuk & mengkaji semula dasar	 • Memungut caruman dari kakitangan angkatan tentera & kerajaan • Mengira bayaran balik LTAT kepada KWAP		Hal Ehwal Veteran (MINDEF) • Berkomunikasi dengan pesara • Mengira faedah • Berkomunikasi dengan ahli aktif • Mentadbir akaun ahli • Mengagihkan pengeluaran • Memindahkan bayaran balik kepada KWAP		
Kakitangan Sektor Swasta dan Awam Tidak Berpencen, Sendiri	KWSP Memberi input untuk pembentukan dasar					
Perbendaharaan : Perbendaharaan, Kementerian Kewangan JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam MINDEF : Kementerian Pertahanan KWSP : Kumpulan Wang Simpanan Pekerja LTAT : Lembaga Tabung Angkatan Tentera						

Pada 2011, satu perkembangan utama dalam sektor pencen Malaysia adalah kelulusan perundangan dan rangka kerja peraturan yang telah ditubuhkan sebagai pengenalan kepada Skim Persaraan Swasta (PRS). Pengenalan rangka kerja PRS ini akan memberikan orang ramai pilihan untuk membuat caruman sukarela jangka panjang tambahan untuk menampung simpanan persaraan mereka dalam rangka kerja yang lebih tersusun dan dikawal selia.

TAHUN 2011

SEPINTAS LALU

Sorotan Pencapaian

- Jumlah saiz dana meningkat sebanyak 12% daripada RM70.52 bilion kepada RM78.93 bilion pada Disember 2011.
- Pendapatan pelaburan kasar meningkat kepada RM4.66 bilion pada Disember 2011 daripada RM4.62 bilion yang dicatat pada 2010.
- Pendapatan pelaburan bersih menyusut sebanyak RM550 juta daripada RM4.85 bilion kepada RM4.30 bilion pada 2011 berikutan peningkatan elaun penyusutan saham sebanyak RM590.67 juta.
- Pulangan Bersih Atas Pelaburan (ROI) yang dicapai adalah 5.75% dan Jumlah Kadar Pulangan Berwajaran (TWRR) adalah 5.30%.
- Pada peringkat kumpulan, pendapatan pelaburan kasar meningkat sebanyak RM200 juta kepada RM5.20 bilion pada 2011. Pendapatan pelaburan bersih menurun kepada RM4.81 bilion dari RM5.23 bilion pada tahun 2011.
- Kadar pulangan kasar yang dicatat pada peringkat kumpulan ialah sebanyak 6.75% manakala kadar pulangan bersih ialah sebanyak 6.25%.

	TWRR (%)	Penanda Aras	Lebih / (Kurangan) Prestasi (%)
--	-------------	-----------------	---------------------------------------

Ekuiti

Tempatan	7.22	FBM100	5.28
Antarabangsa			
Pengurusan Dalam	11.30	MSCI All Country World	20.71
Pengurusan Luaran*	(18.45)	MSCI AC Asia ex Japan	(0.43)

Pendapatan Tetap

Tempatan			
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	5.37	Quantshop MGS (All) Yield	1.91
Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)	6.40	Quantshop Corp (Medium) Yield	2.01
Pendapatan Tetap			
Pengurusan Luaran	7.23	Quantshop MGS (All) Index + 130 bps	0.95
Pinjaman	5.02	Quantshop MGS (All) Yield + 50 bps	1.06
Pasaran Wang	2.58	3-month KLIBOR	(0.61)
Antarabangsa			
Pengurusan Luaran (G7)	1.92	BofA Merrill Lynch Global Government Bond Index	0.04
Pengurusan Luaran (Sukuk Global)*	(0.40)	Dow Jones Citigroup Sukuk	(0.46)

* Ini adalah portfolio baharu (< 1 tahun)

SOROTAN PENCAPAIAN SEJAK TAHUN 2007

2007

- Penubuhan KWAP pada 1 Mac 2007
- Penempatan semula dari Putrajaya ke pejabat baru di Menara Yayasan Tun Razak
- Memperkenalkan Kad Skor Seimbang untuk mewujudkan budaya yang didorong oleh prestasi
- Membangunkan dasar utama atau prosedur seperti Piagam Lembaga, Prosedur Kewangan dan Dasar Pelaburan dan Garis Panduan
- Penggubalan Nilai-nilai Korporat
- Melancarkan Siri Kepimpinan, Siri *Golden Hour* dan laman web korporat

2008

- Menghalusi semula Nilai-nilai Korporat dan menggubalkan Visi dan Misi
- Menggubalkan Alokasi Aset Strategik
- Melancarkan Program Transformasi yang melibatkan pelaksanaan 20 inisiatif dengan matlamat mempertingkatkan pengurusan organisasi, risiko dan tatacara pengurusan pelaburan
- Menubuhkan Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan untuk menerajui penerapan budaya pengurusan risiko yang kukuh dalam organisasi
- Melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia
- Memulakan kolaborasi dengan sekolah-sekolah terpilih luar bandar

2009

- Bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam melaksanakan Kajian *Pension Liability* dengan tujuan mewujudkan pilihan-pilihan bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan dalam membiayai tanggungan pencen
- Dealing Room baharu telah dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, YB Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah

- Mengadakan sesi dialog dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia berkenaan tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan dengan ekuiti dan pasaran pendapatan tetap
- Menggunakan pakai model operasi baharu untuk Jabatan Ekuiti dan Jabatan Pendapatan Tetap
- Jabatan Strategi Portfolio diwujudkan untuk memantau dan mengawal selia pelaksanaan Pelan Utama Peralihan Alokasi Aset Strategik
- Jabatan Prestasi Perniagaan mula beroperasi bagi membolehkan prestasi jabatan-jabatan pelaburan diukur secara objektif dan bebas
- Sistem Pengurusan Pelaburan Kewangan Bersepadu (IFIMS) mula ditubuhkan
- Melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Perniagaan Berterusan
- Melaksanakan Laporan Insiden Operasi (ORE)
- Jabatan Penyelesaian Pelaburan dan Jabatan Kustodian ditubuhkan untuk mempertingkatkan pengagihan tugas-tugas dan kawalan dalaman
- Menyumbang artikel kepada penerbitan perniagaan utama untuk mempromosikan pemahaman tentang subjek-subjek berkaitan pelaburan
- Seminar Perancangan Kewangan Persaraan tahunan mula diadakan untuk kakitangan kerajaan yang menghampiri umur persaraan
- Memperkenalkan Skim CFA Financial Assistance kepada kakitangan pelaburan

2010

- Kabinet meluluskan cadangan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan
- Lawatan ke California Public Employee's Retirement System (CalPERS) dan California State Teachers' Retirement System (CalSTRS)

SOROTAN PENCAPAIAN SEJAK TAHUN 2007

- Pengumuman Keputusan Kewangan KWAP yang pertama dan pelancaran laman portal oleh Menteri Kewangan II, YB. Dato' Seri Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah
- State Street Global Advisors dan World Bank Treasury telah dilantik sebagai pengurus dana luaran untuk mengurus dana ekuiti dan pendapatan tetap antarabangsa
- Membeli hartanah antarabangsa pertama di Melbourne, Australia dan memulakan kongsi niaga bersama KWSP untuk membeli hartanah di UK
- Melantik BNY Mellon untuk memberi perkhidmatan kustodian global
- Model Skor Penarafan Kredit Dalamann telah diwujudkan
- Menyempurnakan pemerolehan Sistem Pengurusan Risiko Menyeluruh
- Pelan Kesinambungan Perniagaan untuk semua fungsi kritikal dan tidak kritikal telah dibangunkan dan diuji
- Menyertai Program *Cross Fertilisation* anjuran Kementerian Kewangan
- Bengkel Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah terpilih luar bandar dijalankan untuk meningkatkan minat kalangan pelajar untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris
- Mohamed Izwan Moriff Bin Mohamed Shariff, Pengurus Dana Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Quasi Kerajaan dicalonkan sebagai Pengurus Dana Bon Ringgit Malaysia Yang Bijak Bagi Tahun 2011 oleh The Asset Benchmark Research
- USD100 juta telah dilaburkan dalam mandat Global Sukuk
- Membeli hartanah antarabangsa kedua di Sydney, Australia
- Melanggan Bon Matawang Asing Islamik dan melindungi nilainya menerusi Pertukaran Matawang Bersilang oleh pengurus dana dalaman
- Memperolehi Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkuasa Cukai UK
- Menerima ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti untuk Pengurusan Pelaburan bagi ekuiti domestik
- Menjalankan operasi fungsi kustodian global untuk memudahkan pelaburan antarabangsa oleh pengurus luaran dan dalaman
- Kustodian domestik luaran telah dirasionalkan dari enam ke hanya satu kustodian yang membuat laporan terus ke KWAP
- Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blowing*) dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik telah diwujudkan

2011

- Mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai pelaksanaan keputusan Kabinet meluluskan KWAP untuk menanggung pembiayaan liabiliti pencen Kerajaan Persekutuan
 - Menjadi hos bersama untuk Persidangan *Asian Pension Fund Roundtable* yang dianjurkan oleh Pacific Pension Institute dengan menghantar dua wakil KWAP sebagai penceramah
 - Dato' Azian Mohd Noh dinamakan salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset di Rantau Asia Pasifik oleh AsianInvestor
 - Menyediakan laporan perkembangan prestasi secara bulanan untuk ekuiti dan pendapatan tetap dalaman serta pengurus dana luaran domestik
 - Mewujudkan Manual Kredit untuk memproses penilaian mentadbir kredit pendapatan tetap
 - Melaksanakan Tadbir Urus KWAP serta Prinsip dan Garis Panduan Pengundian
 - Tiga program pembangunan tenaga kerja telah dilancarkan seperti Program *Talent Exchange*, Pelan *Individual Development* dan Program *Performance Improvement*
-

RINGKASAN KEPUTUSAN KEWANGAN 5 TAHUN

	2011 (1 Jan- 31 Dis)	2010 (1 Jan- 31 Dis)	2009 (1 Jan- 31 Dis)	2008 (1 Jan- 31 Dis)	2007 (1 Mac- 31 Dis)
Saiz Dana sehingga 31 Disember pada Kos (RM Bilion)	78.93	70.52	61.50	52.04	48.08
Pendapatan dan Perbelanjaan (RM Bilion)					
Pendapatan Pelaburan Kasar	4.66	4.62	3.24	2.98	3.44
Perbelanjaan Mengurus	43.77	40.07	25.63	28.17	18.33
Pendapatan Bersih Pelaburan	4.30	4.85	5.70	0.56	3.67
Pendapatan dan Perbelanjaan (%)					
Pulangan Ke atas Pelaburan (ROI)	6.30	7.07	5.62	5.86	9.21
Kadar Pulangan Perakaunan (ROI Bersih)	5.75	7.34	10.04	1.12	9.79
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Pendapatan Kasar	0.94	0.87	0.79	0.95	0.53
Nisbah Perbelanjaan Operasi berbanding Purata Dana	0.06	0.06	0.05	0.06	0.04
Pulangan dan Risiko (%)					
Kadar Pulangan Berwajaran Masa (%)	5.30	8.88	11.64	NA	NA
Volatiliti (%)	3.80	1.97	2.64	NA	NA
Caruman Pencen (RM Bilion)					
Caruman Bersih Majikan	2.52	3.18	2.67	1.77	1.29
Caruman Kerajaan Persekutuan	1.50	1.00	1.10	1.65	1.18
Komposisi Portfolio Pelaburan pada Kos (RM Bilion)					
Tempatan					
Ekuiti	23.73	16.08	16.16	13.52	11.54
Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) dan Pinjaman	16.42	17.74	18.16	15.85	13.66
Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM)	18.04	15.64	14.72	10.06	8.74
Pasaran Wang	16.97	18.31	11.69	14.17	13.00
Ekuiti Swasta	0.43	0.43	0.52	0.52	0.48
Antarabangsa					
Ekuiti	0.81	0.63	NA	NA	NA
Pendapatan Tetap	1.02	NA	NA	NA	NA
Ekuiti Swasta	0.23	0.13			
Hartanah	1.00	0.38	NA	NA	NA
Pengurusan Dana (%)					
Pengurusan Dana Dalam	92.60	94.69	95.25	94.69	94.98
Pengurusan Dana Luar	7.40	5.31	4.75	5.31	5.02
Bilangan Majikan Mencarum	601	568	538	493	475
Bilangan Ahli	134,055	128,384	121,572	106,944	104,081
Bilangan Kakitangan KWAP	152	126	108	99	93
Pendapatan Setiap Kakitangan (RM Juta)	30.68	36.25	30.33	30.41	39.99

MESEJ DARIPADA PENGGERUSI

"Bagi pihak lembaga,
saya dengan sukacitanya
membentangkan Laporan
Tahunan bagi tahun
kewangan 31 Disember 2011."

TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
Pengerusi



MESEJ DARIPADA PENGURUS

SOROTAN 2011

Tahun 2011 merupakan suatu tempoh yang begitu mencabar. Pemulihan ekonomi global pada tahun 2010 yang telah menyaksikan suntikan sentimen yang positif pada awalnya telah mula kehilangan momentum.

Dasar kerajaan-kerajaan di negara maju yang kerap kali menemui jalan buntu telah memberi kesan yang amat ketara terhadap keyakinan para pelabur dan sekaligus menyemarakkan kadar volatiliti pasaran di sepanjang tahun. Tanggapan seperti ekonomi di negara-negara Asia tidak akan terjejas daripada kemelut ekonomi negara maju disebabkan permintaan domestik yang kian meningkat adalah masih terlalu awal. Jelasnya, ekonomi global masih mempunyai pengaruh yang penting terhadap ekonomi di negara-negara Asia berikutan kelembapan ekonomi yang seiring dengan perkembangan di negara-negara maju.

Pada tahun 2011, ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 5.10%. Prestasi ini banyak disumbangkan oleh faktor permintaan domestik terutamanya pertumbuhan daripada perbelanjaan swasta iaitu sebanyak 6.89% manakala perbelanjaan awam menunjukkan pertumbuhan yang lebih pesat iaitu 16.77%. Secara ringkasnya, ekonomi Malaysia masih menunjukkan prestasi yang memberangsangkan walaupun dibayangi oleh kelembapan sektor luaran.

Pasaran ekuiti pula terus mencatatkan sedikit kenaikan walaupun terpaksa berhadapan situasi yang sukar. Ini berdasarkan indeks FBM KLCI yang telah menunjukkan kenaikan sebanyak 0.78% untuk ditutup pada paras 1,530.73 pada akhir tahun 2011. Faktor-faktor seperti krisis hutang kerajaan di negara Eropah serta kemelut politik di Amerika Syarikat telah memberi kesan negatif kepada sentimen pasaran saham. Walau bagaimanapun, pasaran bon mengalami kesan yang agak berlainan terutamanya di antara dua tempoh iaitu separuh tahun pertama dan kedua 2011. Bagi tempoh enam bulan pertama 2011, sentimen pasaran banyak dipengaruhi oleh dasar kewangan bank pusat yang menjurus kepada kenaikan kadar faedah berikutan pemulihan ekonomi semasa di awal tahun. Manakala faktor kelembapan ekonomi dunia telah mendapat perhatian bagi tempoh berikutnya dan disokong pula oleh kadar inflasi yang kian berkurangan. Ini telah menjurus sentimen pasaran ke arah pengurangan kadar faedah bagi menyokong ekonomi domestik. Perkara ini telah menyebabkan keluk pulangan bon menjadi lebih rendah dan landai berikutan sentimen pasaran yang sebegini. Secara umumnya, pasaran bon telah

MESEJ DARIPADA PENERUS

mencatatkan prestasi yang lebih stabil terutamanya apabila keadaan volatiliti pasaran berlaku di negara-negara membangun.

PRESTASI KEWANGAN

Walaupun menghadapi suasana yang mencabar, saya dengan sukacitanya mengumumkan KWAP telah mencatatkan prestasi yang cemerlang. Pada tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2011, KWAP telah mencatatkan pulangan kasar pelaburan (ROI) sebanyak 6.30% manakala pulangan bersih ROI pada tahap 5.75%. Saiz dana KWAP juga meningkat sebanyak 12% pada akhir 2011 iaitu RM78.93 bilion. Peningkatan ini banyak disumbangkan oleh pendapatan pelaburan iaitu sebanyak RM4.66 bilion, caruman majikan berjumlah RM2.52 bilion serta caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.50 bilion.

Saya ingin berkongsi beberapa inisiatif utama yang telah dijalankan KWAP sepanjang tahun 2011.

KAJIAN JOINT PENSION LIABILITY

Pada laporan tahunan yang lepas, saya ada menyebut bahawa KWAP telah menjalankan Kajian *Joint Pension Liability* bersama Kementerian Kewangan (MOF) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada tahun 2010. Kajian ini akan menjadi asas kepada KWAP untuk merencana pelan apabila ia mengambil peranan dana pencen seperti yang telah diamanahkan. Sepanjang tahun 2011, beberapa perbincangan telah diadakan di antara KWAP, MOF dan JPA mengenai pelaksanaan terhadap beberapa syor di dalam kajian tersebut.

MENILAI PENCEN DAN JAMINAN SOSIAL

Pihak KWAP telah dijemput sebagai ahli di dalam jawatankuasa kerja yang diketuai oleh pihak kerajaan bagi membuat penilaian terhadap sistem pencen dan jaminan sosial di peringkat nasional. Penilaian yang menyeluruh ini adalah berikutan cadangan pihak kerajaan untuk melakukan reformasi terhadap jaminan sosial dan pencen, seiring dengan syor yang

diberikan oleh pihak Bank Dunia. Antara perkembangan yang utama pada tahun 2011 adalah kelulusan perundangan bagi rangka kerja yang telah mewujudkan Skim Pencen Swasta (PRS).

PERSIDANGAN ASIAN PENSION FUND ROUNDTABLE

Persidangan ini telah diadakan di Kuala Lumpur dan dianjurkan oleh Pacific Pension Institute yang berpangkalan di San Francisco dengan KWAP dilantik sebagai hos bersama. Program ini telah mendapat sambutan yang baik apabila disertai lebih daripada 170 peserta yang mewakili lebih daripada 20 buah negara. Tema bagi persidangan ini bertajuk "Investing When Change is Fundamental". Persidangan seperti ini memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi serta bertukar-tukar pendapat mengenai isu yang dibahas selain dapat melebarkan jaringan hubungan profesional. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, Dato' Azian Mohd Noh dan warga kerja KWAP kerana telah menjayakan program berprestij ini dengan cemerlang.

PELABURAN ANTARABANGSA

Usaha ke arah melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa telah diteruskan terutamanya di dalam pelaburan sektor hartanah. Perkara ini terbukti dengan penubuhan syarikat luar pesisir iaitu Prima Harta Trust (Jersey) di Jersey. Pada bulan Disember 2011, KWAP telah berjaya membeli sebuah bangunan ikon di Australia iaitu ASX di Bridge Street, Sydney dengan harga AUD185 juta. Selain itu, KWAP juga telah memulakan usaha untuk menubuhkan pejabat urusan di London melalui penubuhan anak syarikat iaitu Prima Ekuiti (UK) Limited. Entiti ini akan membantu urusan pelaburan di dalam pasaran saham di United Kingdom.

MESEJ DARIPADA PENERUS

PELAN MASA HADAPAN

Suasana ekonomi global dijangka akan berada pada tahap yang mencabar pada tahun 2012 berikutan kelembapan ekonomi di negara Eropah yang berterusan, pertumbuhan yang lemah di AS serta kebimbangan terhadap prospek ekonomi negara China. Walau bagaimanapun, bank-bank pusat di serata dunia dijangka akan mengekalkan dasar kewangan yang mengembang serta keadaan mudah tunai yang tinggi di dalam sistem kewangan bagi memberi sokongan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi dalaman. Selain itu, ekonomi Malaysia di jangka akan dapat menangkis ancaman kelembapan yang disebabkan faktor luaran memandangkan keadaan permintaan domestik yang masih stabil serta mempunyai asas-asas yang kukuh.

Kadar pertumbuhan KDNK benar pada tahun 2012 dijangka akan berada pada sekitar 4% hingga 5%. Permintaan ekonomi domestik dilihat mampu untuk memberi sokongan kepada prestasi ekonomi secara keseluruhan dan sekaligus bertindak sebagai agen bagi menghalang kelembapan ekonomi luaran. Program pembangunan melalui projek-projek ETP dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan permintaan domestik pada tahun 2012.

Inisiatif kerajaan di bawah Model Baru Ekonomi juga di jangka akan memberi anjakan terhadap pertumbuhan ekonomi apabila usaha untuk mengenal pasti sumber-sumber baru terhadap pertumbuhan ekonomi akan diteruskan. Program ETP merupakan tanggungjawab ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi yang meliputi segenap lapisan masyarakat serta pertumbuhan yang mapan. Sehubungan dengan itu, usaha bagi membangunkan pelan strategik tiga tahun KWAP untuk tempoh 2012 – 2015 akan sejajar dengan inisiatif kerajaan.

Saya yakin terhadap keupayaan KWAP yang jelas terbukti untuk melaksanakan tanggungjawabnya untuk empat tahun kebelakangan ini bagi menghadapi cabaran yang mendatang. Iklim pelaburan yang serba volatil telah menuntut sesebuah organisasi untuk menjadi lebih teguh dan fleksibel. Dalam hal ini, program pelaburan antarabangsa KWAP telah dijalankan dengan berhemah serta mengambil faktor risiko yang bersesuaian. Secara umumnya, halatuju strategik KWAP akan tertumpu usaha untuk meningkatkan pertumbuhan saiz dana, melihat peluang-peluang bagi memperkasakan dana persaraan serta melakukan kajian terhadap meningkatkan perkhidmatan pelaburan.

PENUTUP

Saya dengan sukacita ingin mengumumkan bahawa Dato' Azian Mohd Noh telah dinamakan oleh *AsianInvestor* sebagai salah seorang dari 25 wanita yang berpengaruh di dalam industri pengurusan aset di rantau Asia Pasifik. Bagi pihak ahli lembaga KWAP serta Panel Pelaburan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Azian di atas penganugerahan ini.

Akhir kata, saya bagi pihak ahli lembaga ingin mengucapkan syabas kepada Dato' Azian, pihak pengurusan yang berdedikasi serta warga kerja KWAP kerana telah menunjukkan tahap komitmen yang jitu dan diharap dapat mengharungi masa hadapan yang lebih mencabar dengan cecal.

Dengan sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada pihak ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan semua warga kerja, saya yakin KWAP akan dapat mencatatkan kejayaan yang lebih besar lagi bagi tahun-tahun yang mendatang.

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Sebagai pembuka kata, ingin saya nyatakan bahawa suasana gawat yang di luar norma telah membelenggu pasaran kewangan pada keseluruhan tahun 2011. Walaupun terdapat tanda-tanda pemulihan, masih terlalu awal bagi kita untuk berada di zon selesa pada ketika ini.”

DATO' AZIAN MOHD NOH

Ketua Pegawai Eksekutif



MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Adalah tidak keterlaluan sekiranya terdapat pandangan bahawa terlalu awal untuk menganggap ekonomi dunia telah melepasi tahap kritikal. Apatah lagi jika kebimbangan ini dilihat dari sudut apa yang telah berlaku pada tahun 2011. Imbauan terhadap kesukaran yang melanda pasaran kewangan masih lagi jelas kelihatan dan sekaligus memungkinkan kita mempersoalkan kestabilan proses pemulihan ini yang sedang berlaku.

Jelasnya, terdapat pelbagai peristiwa yang penting berlaku pada tahun 2011. Antaranya adalah revolusi di negara-negara timur tengah, gempa bumi di negara Jepun serta krisis hutang kerajaan Greece yang memberi impak langsung terhadap ekonomi dan pasaran kewangan dunia. Justeru, ekonomi global mula menunjukkan kelembapan pada bulan April.

Kesan kenaikan harga minyak akibat daripada keadaan geopolitik yang tidak menentu di negara-negara Arab telah mengembalikan kebimbangan terhadap kenaikan kadar inflasi yang mendadak seperti yang berlaku pada tahun 2008. Selain itu, krisis hutang kerajaan di negara-negara Eropah juga telah menyukarkan lagi suasana makro ekonomi apabila ahli-ahli politik di negara Amerika Syarikat (AS) tidak mencapai kata sepakat di dalam hal berkenaan paras siling hutang. Perkara ini telah menyebabkan penurunan di dalam penarafan kredit AAA bagi negara AS. Di samping itu, kebimbangan terhadap kelembapan ekonomi di negara China juga telah menyebabkan sentimen pasaran yang lemah berpanjangan.

Malapetaka yang menimpa negara Jepun pada bulan Mac 2011 pula memberi kesan negatif terhadap rantai perniagaan. Akibatnya, kebanyakan kegiatan ekonomi di rantau Asia dan juga global terjejas berikutan pautan yang begitu rapat dengan negara Jepun. Fenomena ini menambahkan lagi kesulitan terhadap masalah yang sememangnya begitu kompleks untuk ditangani.

Secara ringkasnya, tahun 2011 merupakan tahun yang begitu mencabar walaupun ekonomi secara umumnya tidak menjurus kepada tahap kelembapan seperti yang dialami pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, ianya tetap memberi kesan yang besar kepada pasaran kewangan dan juga keyakinan para pelabur. Justeru, ekonomi global akan terus dibayangi oleh isu hutang kerajaan di negara Eropah yang dijangka akan terus berpanjangan.

PRESTASI KEWANGAN

Walaupun menghadapi situasi yang sukar serta volatiliti sektor luaran, pasaran kewangan Malaysia masih lagi kukuh pada keseluruhan tahun 2011 lantaran sokongan yang jitu daripada asas-asas domestik yang positif.

Pasaran saham Malaysia mencatatkan prestasi yang baik bagi tempoh 7 bulan pertama pada tahun 2011 apabila indeks komposit Kuala Lumpur (KLCI) mencapai tahap tertinggi kepada 1,594.74 mata pada bulan Julai. Aliran menaik di dalam pasaran tempatan adalah sejajar dengan kenaikan matawang Ringgit Malaysia yang berterusan, hasil dari persepsi yang positif terhadap ekonomi negara. Walau bagaimanapun, persekitaran ekonomi mengalami kemerosotan apabila petunjuk-petunjuk ekonomi dunia mula menunjukkan tanda-tanda kelembapan yang bakal berlaku. Selain itu, suasana politik di negara maju juga menunjukkan prospek yang kurang memberangsangkan apabila terdapat beberapa persetujuan di kalangan ahli-ahli politik mengenai dasar fiskal yang tidak dapat dicapai dalam tempoh yang singkat.

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Akibatnya, pasaran saham negara merosot ke aras terendah iaitu di bawah paras 1,300 mata berikutan kebimbangan para pelabur terhadap kemungkinan berlakunya semula kemelesetan ekonomi dunia. Namun, kebimbangan ini bersifat sementara berikutan kerajaan di negara-negara Eropah telah bersetuju untuk meningkatkan Dana Kestabilan Kewangan Eropah (EFSF) pada bulan Oktober dengan saiz dana di tambah kepada 1 trilion Euro. Di samping itu, para pelabur swasta juga bersetuju untuk menyerap kerugian di dalam pelaburan hutang kerajaan Greece sebanyak 50 peratus daripada nilai prinsipalnya.

Sehubungan dengan itu, pasaran saham telah mendapat reaksi yang positif apabila indeks KLCI ditutup pada paras 1,530.73 mata pada akhir tahun berbanding 1,331.80 mata sebelumnya. Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan kenaikan indeks sebanyak 11.82 mata atau 0.78% berbanding pada akhir tahun 2010.

Perkembangan dasar kewangan oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) pula menunjukkan kadar faedah semalaman (OPR) telah di naikkan sebanyak 25 asas mata kepada 3 peratus pada bulan Mei manakala Keperluan Rizab Berkanun (SRR) telah ditingkatkan ke paras 4 peratus berbanding 3 peratus sebelum ini. Polisi yang sedemikian adalah bertujuan bagi memastikan dasar kewangan sentiasa berada pada paras yang selari dan sejajar dengan pertumbuhan ekonomi dan kadar inflasi semasa.

Meskipun berhadapan dengan cabaran yang berterusan dan ketidakpastian terhadap prospek ekonomi dunia, saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa KWAP telah berjaya menjana pulangan pelaburan (ROI) kasar sebanyak 6.30% pada tahun 2011.

Pecahan ROI menunjukkan pelaburan Ekuiti Persendirian mencatatkan ROI yang tertinggi iaitu sebanyak 13.39% dan diikuti pula oleh pelaburan Ekuiti Domestik sebanyak 10.94%. Di dalam kategori pelaburan pendapatan tetap, Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) serta portfolio Bon Kerajaan mencatatkan kadar pulangan sebanyak 5.37% manakala Sekuriti Hutang Persendirian (SHP) dan portfolio pinjaman mencatatkan kadar pulangan sebanyak 5.82%. Manakala, kadar pulangan pelaburan di dalam sektor hartanah telah meningkat kepada 1.91%.

Walaupun menghadapi situasi pasaran yang tidak menentu pada tahun 2011, namun strategi kepelbagaian portfolio telah banyak membuahkan hasil yang memberangsangkan. Perkara ini jelas kelihatan di dalam portfolio ekuiti kami yang mampu mengharungi keadaan pasaran yang sentiasa volatili dan pada masa yang sama dapat menghasilkan pulangan yang konsisten. Selain itu, kajian semula yang berterusan ke atas pegangan ekuiti juga membolehkan kami memanfaatkan keadaan turun-naik pasaran.

Bagi aset pendapatan tetap pula, strategi pelaburan adalah tertumpu kepada bon-bon yang mempunyai tempoh matang yang lebih panjang dengan memberi penekanan terhadap aspek pengurusan portfolio yang lebih aktif. Justeru, fokus pelaburan diberikan terhadap SKM serta bon separa kerajaan manakala portfolio SKM pula adalah tertumpu kepada tempoh matang pertengahan seperti tiga tahun hingga tujuh tahun.

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pada tahun 2011, KWAP telah berjaya mengutip RM2.52 bilion caruman bersih dari majikan yang terdiri daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi. Walau bagaimanapun, caruman bersih ini adalah lebih rendah berbanding pada tahun 2010, iaitu sebanyak RM3.18 bilion. Ini adalah disebabkan permohonan pertukaran secara berperingkat daripada skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada skim pencen kerajaan.

Selain itu, tahun 2011 juga menyaksikan penglibatan kami yang berterusan di dalam pasaran antrabangsa. Antara inisiatif utama kami adalah pelaburan di dalam Suku Global sebanyak USD100 juta yang diurus oleh pengurus dana luaran. Di samping itu, perantikan State Street Global Advisors sebagai pengurus dana juga telah dilakukan bagi mengurus portfolio ekuiti antarabangsa yang berjumlah USD100 juta di bawah mandat pasif bertanda araskan Indeks MSCI Asia tidak termasuk Jepun.

PENCAPAIAN OPERASI

Sepanjang tahun 2011, KWAP terus berusaha untuk menambahbaik operasinya. Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan ke arah kecekapan operasi, KWAP telah memulakan langkah untuk mencapai Pengiktirafan ISO pada 2011. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa KWAP telah berjaya mendapat pensijilan ISO 9001:2008 bagi salah satu daripada proses pelaburan utama berkaitan dengan ekuiti domestik.

Salah satu daripada inisiatif utama yang telah dibuat pada 2011 melibatkan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) yang direka bagi menyediakan satu platform berpusat untuk meningkatkan pengurusan, pengawasan dan pengesanan kutipan caruman dan pengurusan KWAP.

Tahun 2011 juga telah menyaksikan pelaksanaan Bahagian Penyelesaian Pra-Perdagangan yang juga dikenali sebagai *Middle Office* yang bertujuan bagi memperkemarkan lagi proses dalaman dan mewujudkan pengasingan tugas dan tanggungjawab yang jelas. Unit ini berada di bawah Jabatan Penyelesaian Pelaburan.

Sebagaimana yang saya jangkakan pada tahun lepas, Jabatan Teknologi Maklumat (IT) yang kini dilengkapi dengan sumber warga kerja yang mencukupi, memainkan peranan utama dalam beberapa inisiatif bagi tahun 2011. Salah satu daripada inisiatif teras yang telah dicapai dan dilaksanakan pada tahun 2011 ialah penubuhan tadbir urus IT KWAP dan rangka kerja sekuriti. Jabatan IT juga terlibat secara besar-besaran di dalam beberapa projek termasuk Projek Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS) dan Projek Strategi Prestasi Risiko (RPS). Ini adalah pertambahan kepada projek yang sedia ada iaitu dua pengkalan data penyelidikan yang dikenali sebagai Pusat Pengurusan Maklumat Ekonomi dan Ekuiti.

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pusat-pusat maklumat ini menyediakan akses yang mudah untuk sebilangan kertas kajian, laporan dan hasil kajian penyelidikan yang semakin bertambah bilangannya yang banyak digunakan oleh jabatan-jabatan pelaburan.

Untuk menguatkan lagi amalan pengurusan risiko KWAP, kami telah membuat kajian semula ke atas proses kitaran hidup bagi enam proses utama termasuk jual beli ekuiti yang tersenarai, pelaburan kami di dalam dana ekuiti persendirian dan pelaburan bon. Projek RPS adalah projek kerjasama utama antara beberapa jabatan seperti Jabatan Pengurusan Risiko, Jabatan Prestasi Perniagaan dan Jabatan Strategi Portfolio, dengan disokong oleh Jabatan IT bagi menyediakan penyelesaian kelas berbilang aset bersepadu bagi KWAP.

Selain itu, penambahbaikan operasi tahun lepas juga termasuklah pelancaran Pengawasan Pelaburan Dalam KWAP yang dibangunkan dengan usahasama Jabatan Prestasi Perniagaan dan Jabatan Strategi Portfolio. Platform ini membolehkan jabatan yang berkaitan mengawasi secara dekat aliran pendapatan KWAP serta juga mengesan kedudukan Alokasi Aset Strategik (SAA).

SUMBER MANUSIA

Beberapa inisiatif juga turut dijalankan oleh Jabatan Sumber Manusia untuk pembangunan modal insan di KWAP. Program *Talent Exchange* (TEx) yang telah dilancarkan pada 2010 telah diteruskan pada tahun 2011 dengan peminjaman salah seorang daripada warga kerja yang berkaliber kepada sebuah syarikat penerima pelaburan KWAP. Program ini bertujuan untuk melatih warga kerja KWAP menjadi seorang pemimpin serta mengukuhkan keupayaan serta membolehkan mereka mendapat pendedahan yang lebih luas. Pengalaman seperti ini amat penting bagi menggalas tanggungjawab yang lebih besar pada masa hadapan.

Program *Job Rotation* juga dilakukan bagi memastikan warga pekerja KWAP berpeluang untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta keupayaan melalui pengalaman yang diperolehi di setiap jabatan. Program seperti ini adalah penting untuk membantu warga kerja di dalam menentukan hala tuju kerjaya mereka.

Bagi meningkatkan budaya integriti yang tinggi di kalangan warga kerja, KWAP telah memperkenalkan polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistle Blowing). Dasar ini membolehkan warga kerja, tanpa perlu memperkenalkan diri membangkitkan hal berkaitan kebimbangan, melaporkan amalan penyelewengan atau salah laku yang disedari oleh mereka, dengan jaminan bahawa mereka akan dilindungi dari sebarang dakwaan, penganiayaan atau kesan daripada tindakan mereka itu.

Di KWAP, kami percaya Pembelajaran Berterusan adalah amalan yang penting. Dalam usaha meningkatkan kejayaan dan kemajuan kerjaya individu, kami telah menganjurkan beberapa sesi *Golden Hour* serta Perkongsian Pengetahuan (Knowledge Sharing) di sepanjang tahun ini. Dua sesi Kajian Kes Pengurusan telah turut diadakan pada tahun 2011. Melalui sesi-sesi ini warga kerja diberi peluang mengambil bahagian secara aktif di dalam perbincangan serta mereka digalakkan berkongsi buah fikiran dan pendapat berkaitan dengan tajuk yang disampaikan.

MESEJ DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami juga telah mengambil bahagian di dalam Program *Cross Fertilisation* yang telah dilancar serta dianjurkan oleh Kementerian Kewangan.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Di samping memberikan fokus kepada menjalankan fungsi teras, kami juga menumpukan perhatian secara lebih khusus kepada aktiviti CSR sepanjang tahun 2011. Saya dengan sukacitanya memaklumkan bahawa bilangan aktiviti CSR kami kian bertambah. Pada tahun 2011 beberapa program CSR yang dijalankan merangkumi komitmen di dalam 4 bidang teras seperti tanggungjawab terhadap pasaran, tempat kerja, persekitaran dan masyarakat umum.

Selain daripada menjalankan aktiviti teras CSR di KWAP, kami juga memberikan penumpuan ke arah usaha menjaga kebajikan masyarakat melalui lawatan serta sumbangan kepada mereka yang kurang bernasib baik. Sementara itu, satu seminar mengenai Perancangan Kewangan Untuk Persaraan telah diadakan secara percuma bagi mereka yang akan bersara. Mereka yang dijemput hadir terdiri daripada pelbagai badan kerajaan. Dalam usaha menjadikan KWAP sebagai sebuah organisasi yang mesra alam dan mementingkan kesihatan, program alam sekitar dan kesihatan yang baru telah turut dilancarkan demi untuk memberi manfaat kepada semua warga kerja.

Aktiviti ini menyediakan platform yang terbaik bagi KWAP untuk menyumbang bakti kepada masyarakat, bekerja dengan produktif dan berdaya saing. Pada masa yang sama, pekerja-pekerja KWAP dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan menjadi insan yang lebih berjaya pada masa akan datang.

Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, saya berasa amat berbangga dengan usaha-usaha yang dijalankan yang akan dapat meningkatkan prestasi KWAP sebagai organisasi yang disegani, seiring dengan peningkatan saiz dananya. Apa yang menjadi keutamaan saya adalah komitmen terhadap nilai-nilai murni yang boleh menyemai perasaan tanggungjawab serta meningkatkan kepekaan terhadap kebajikan masyarakat di kalangan warga kerja KWAP.

PENUTUP

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi kami, ahli-ahli Lembaga dan Panel Pelaburan di atas komitmen serta tahap profesionalisme yang tinggi melalui nasihat dan perkongsian pengalaman yang dapat membantu KWAP mencapai objektif pelaburannya dengan lebih berhemah. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga kerja KWAP di atas kesungguhan mereka bekerja dengan penuh dedikasi pada sepanjang tahun kewangan 2011.

LEMBAGA : AHLI DAN PROFIL



TAN SRI DR.WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Pengerusi

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 1 Mac 2010.

Beliau merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan juga antara lainnya merupakan Ahli Lembaga Pengarah bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Malaysia International Shipping Corporation Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia Airline System Berhad, Petroliaam Nasional Berhad, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd., Pembinaan BLT Sdn. Bhd., Cyberview Sdn. Bhd., BNM, Pelaburan Hartanah Bumiputera Berhad dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia. Beliau juga mewakili Kementerian Kewangan sebagai ahli PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan), Iskandar Malaysia, Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah Sarawak, Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Mesyuarat Majlis Ekonomi.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya, Sarjana Falsafah (Pengajian Pembangunan) dari University of Sussex, UK dan Doktor Falsafah (Ekonomi Perniagaan) dari University of Leeds, UK. Beliau juga telah menyempurnakan Program Pengurusan Lanjutan di Havard Business School, Harvard University, AS.

LEMBAGA : AHLI DAN PROFIL

**DATO' DR. MOHD. IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH**

Wakil Kementerian Kewangan

Dato' Dr Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Januari 2011. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan. Beliau kini berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Bernas Berhad, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kumpulan Wang Amanah Negara, Lembaga Tabung Haji, Yayasan Inovasi Malaysia, GovCo Holdings Berhad,

Dana Pembangunan Pasaran Modal, dan Malaysian Development Holdings Sdn Bhd. Beliau juga merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja Pemantapan dan Pemantauan Projek Perumahan Terbangkalai. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya, Sarjana Sains dari University of Pennsylvania, USA dan Doktor Falsafah dalam bidang Ekonomi dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

**DATUK IDRUS BIN HARUN**

Wakil Kerajaan Persekutuan

Datuk Idrus Bin Harun telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau adalah Peguam Cara Negara Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai ahli Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional dan Pengarah Amanah Raya Capital. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dengan kepujian dari Universiti Malaya.

**DATO' YEOW CHIN KIONG**

Wakil Kerajaan Persekutuan

Dato' Yeow Chin Kiong telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 September 2010. Beliau merupakan Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan, JPA. Beliau telah memegang pelbagai jawatan semenjak menyertai JPA pada tahun 1979 sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomati. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah dari Universiti Malaya pada tahun 1978.

LEMBAGA : AHLI DAN PROFIL

**DATO' MUHAMMAD BIN IBRAHIM**

Wakil Bank Negara Malaysia

Dato' Muhammad Bin Ibrahim telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau merupakan Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia dan juga Ahli Jawatankuasa Dasar Kewangan. Beliau juga merupakan Pemegang Amanah Majlis Kerusi Tun Ismail Ali, ahli Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Amanah SEACEN, ahli Lembaga Pengarah Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank Pusat Asia Tenggara, ahli Lembaga INCEIF (Pusat Pendidikan Antarabangsa dalam Kewangan Islam), Fellow Bersekutu di Institut

Jurubank Malaysia. Beliau juga merupakan pengarah bebas Petroliaam Nasional Berhad.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Malaya, Diploma Lanjutan dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Sarjana dari Harvard University. Beliau juga menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

**DATO' SIOW KIM LUN**

Wakil Sektor Swasta

Dato' Siow Kim Lun telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Citibank Berhad, UMW Holdings Berhad, WZ Steel Berhad, Eita Resources Berhad, Hong Leong Assurance Berhad dan Mainstreet Advisers Sdn. Bhd.. Beliau juga merupakan ahli Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Catholic University of Leuven, Belgium dan menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

**DATO' SERI AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN**

Wakil Sektor Swasta

Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers Malaysia. Beliau ialah ahli Lembaga Perbadanan Putrajaya dan Kuala Lumpur Business Club. Beliau merupakan Ahli Panel Penasihat Antarabangsa - Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan Offshore dan Lembaga Pertubuhan Pemegang Amanah Tun Suffian dan Yayasan Sultan Azlan Shah. Beliau adalah Presiden Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia. Beliau adalah Fellow Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Ekonomi dan Perakaunan dari UK. Beliau juga merupakan Fellow Eisenhower.

LEMBAGA : AHLI DAN PROFIL

**ENCIK CHEAH TEIK SENG**

Wakil Sektor Swasta

Encik Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Malayan Banking Berhad dan juga kini merupakan pengarah di dalam syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Mayban Ventures Sdn Bhd, Mayban-JAIC Capital Management Sdn Bhd, Mayban Ventures Capital Company Sdn Bhd, Mayban Agro Fund Sdn Bhd, Mayban-JAIC Management Sdn Bhd serta Pengarah Maybank Investment Bank Berhad. Encik Cheah juga merupakan Pengarah Kim Eng Holdings Ltd. di Singapore. Kim Eng Holdings Ltd merupakan

anak syarikat milik penuh Kumpulan Maybank dan ia mengendalikan perkhidmatan sekuriti pembrokeran di Singapura, Thailand, Indonesia, Hong Kong, Vietnam dan lain-lain pusat antarabangsa seperti New York dan London.

Beliau juga adalah Pengarah serta rakan kongsi Aktis Capital Singapore Pte Ltd dan menjadi anggota Lembaga pelbagai syarikat ekuiti swasta di Hong Kong, China dan Malaysia. Beliau juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi dua dana lindung nilai.

**DATO' OMAR BIN OSMAN**

Wakil Pencarum

Dato' Haji Omar Bin Haji Osman telah dilantik semula sebagai ahli Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan Presiden CUEPACS, Penasihat Kehormat Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra Malaysia dan Pengerusi Gabungan Presiden / Setiausaha Kehormat Kesatuan-Kesatuan Universiti. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Majlis Sains dan Teknologi Malaysia dan wakil CUEPACS di dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan, Kementerian Sumber Manusia dan ahli Majlis Kebangsaan bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.

**DATO' AZIAN MOHD NOH**Ketua Pegawai Eksekutif
Ex-Officio

Dato' Azian Mohd Noh telah dilantik semula sebagai anggota ex-officio Lembaga pada 1 Mac 2010. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga i-VCAP Management Sdn. Bhd.. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah di dalam Valuecap Sdn. Bhd. dan Malakoff Corporation Berhad. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) pengkhususan dalam jurusan Perakaunan dari Universiti Malaya dan Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau telah menghadiri Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.

PANEL PELABURAN : AHLI DAN PROFIL



TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan
Pengerusi

Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah telah dilantik semula sebagai Pengerusi Lembaga dan Panel Pelaburan pada 1 Mac 2010.



DATUK NOZIRAH BINTI BAHARI

Wakil Kementerian Kewangan

Datuk Nozirah Binti Bahari telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010. Beliau adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kewangan. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam Pengajian Bandar dari Universiti Sains Malaysia dan telah menghadiri beberapa kursus pentadbiran kanan seperti Program Pembangunan Kepimpinan Global yang telah dianjurkan oleh International Centre for Leadership in Finance (ICLIF) dan Program Pengurusan Lanjutan di Harvard Business School, Harvard University, AS.



CIK CHE ZAKIAH BINTI CHE DIN

Wakil Bank Negara Malaysia

Cik Che Zakiah Binti Che Din telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, BNM. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah Jabatan Penguatkuasaan Peraturan Institusi Kewangan. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya.



DATO' SRI ABDUL WAHID BIN OMAR

Wakil Sektor Swasta

Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, kumpulan perbankan terbesar Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Bank-bank di Malaysia, Naib Pengerusi Institut Bank-bank Malaysia dan ahli Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga merupakan Pengerusi Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd dan Pengarah Cagamas Holdings Berhad.

Beliau merupakan Fellow Persatuan Akauntan Berkanun, UK dan ahli Institut Perakaunan Malaysia.

PANEL PELABURAN : AHLI DAN PROFIL

**DATO' MOHAMMED AZLAN BIN HASHIM**

Wakil Sektor Swasta

Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim telah dilantik sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010. Dato' Azlan juga merupakan Pengerusi D&O Green Technologies Berhad, SILK Holdings Berhad dan Pengarah Scmi Group Bhd. Beliau juga adalah ahli Lembaga Pengarah bagi pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan Labuan. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan KWSP.

Dato' Azlan memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Monash University, Australia dan berkelayakan sebagai Akauntan Bertauliah (Australia). Beliau adalah ahli Fellow Institut Akauntan Berkanun, Australia, ahli Institut Perakaunan Malaysia, Ahli Fellow Institut Pengarah Malaysia, Ahli Fellow Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia dan Ahli Kehormat Institut Juruaudit Dalamann Malaysia.

**ENCIK CHEAH TEK KUANG**

Wakil Sektor Swasta

Encik Cheah Tek Kuang telah dilantik semula sebagai ahli Panel Pelaburan KWAP pada 1 Mac 2010. Beliau kini merupakan Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings Berhad dan ahli Lembaga Pengarah anak syarikat bank dan syarikat broker saham AMMB Holdings Berhad. Beliau juga merupakan pengarah Bursa Malaysia Berhad dan Cagamas Holdings Berhad. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengerusi Silih Ganti Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia dan Ahli Majlis Persatuan Bank-bank di Malaysia. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya.

**DATO' AZIAN MOHD NOH**Ketua Pegawai Eksekutif
Setiausaha Panel Pelaburan

Dato' Azian Mohd Noh telah dilantik semula sebagai setiausaha Panel Pelaburan pada 1 Mac 2010.

JAWATANKUASA LEMBAGA



dari kiri ke kanan

JAWATANKUASA AUDIT

1. Encik Cheah Teik Seng (Pengerusi)
2. Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan
3. Datuk Idrus Bin Harun
4. Dato' Siow Kim Lun
5. Dato' Azian Mohd Noh



dari kiri ke kanan

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

1. Dato' Muhammad Bin Ibrahim (Pengerusi)
2. Encik Cheah Teik Seng
3. Dato' Siow Kim Lun
4. Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim
5. Dato' Azian Mohd Noh

JAWATANKUASA LEMBAGA



dari kiri ke kanan

JAWATANKUASA IMBUHAN

1. Datuk Idrus Bin Harun (Pengerusi)
2. Dato' Siow Kim Lun
3. Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan
4. Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim
5. Dato' Omar Bin Osman
6. Dato' Azian Mohd Noh




dari kiri ke kanan

JAWATANKUASA PEROLEHAN

1. Dato' Dr. Mohd. Irwan Serigar Bin Abdullah (Pengerusi)
2. Datuk Idrus Bin Harun
3. Dato' Yeow Chin Kiong
4. Dato' Azian Mohd Noh

CARTA ORGANISASI



JAWATANKUASA EKSEKUTIF



dari kiri ke kanan

- | | |
|---|--|
| 1. Ahmad Norhisham Bin Hassan
Pegarah Pendapatan Tetap | 7. Ambalagam R. Marappan
Pegarah Jabatan Akaun
dan Pengurusan Perkhidmatan |
| 2. Aznam Bin Shahuddin
Pegarah Perancangan Korporat
dan Pembangunan | 8. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
Pegarah Pengurusan Risiko dan Pematuhan |
| 3. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
Pegarah Strategi Portfolio | 9. Mohd Zaki Bin Hamdan
Ketua Pegawai Operasi |
| 4. Md. Saffi Bin Nadzir
Pegarah Jabatan Caruman | 10. Nik Amlizan Binti Mohamed
Pegarah Ekuiti |
| 5. Dato' Azian Mohd Noh
Ketua Pegawai Eksekutif | 11. Tai Kim Fong
Pegarah Jabatan Teknologi Maklumat |
| 6. Zalman Bin Ismail
Pegarah Pelaburan Alternatif | |

JAWATANKUASA PELABURAN DAN JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

JAWATANKUASA PELABURAN

1. Dato' Azian Mohd Noh
2. Nik Amlizan Binti Mohamed
3. Ahmad Norhisham Bin Hassan
4. Zalman Bin Ismail
5. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
6. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH

1. Dato' Azian Mohd Noh
2. Mohd Zaki Bin Hamdan
3. Nik Amlizan Binti Mohamed
4. Ahmad Norhisham Bin Hassan
5. Zalman Bin Ismail
6. Nazaiful Affendi Bin Zainal Abidin
7. Khairul Azwa Bin Kamalul Bahrin
8. Aznam Bin Shahuddin
9. Md. Saffi Bin Nadzir
10. Tai Kim Fong

CORETAN IMPIAN

Sebagai sebuah organisasi cemerlang yang masih boleh di anggap baru di arena pelaburan, KWAP telah diterajui oleh modal insan yang berkelayakan, berkeupayaan tinggi serta inovatif. Beberapa warga kerja berdedikasi KWAP telah tampil berkongsi pengalaman berkerja di KWAP dan menyatakan mengapa mereka memilih untuk mengembangkan kerjaya bersama KWAP.



A. Nama : **EEH CHONG BAN**
 Jabatan Pendapatan Tetap
 Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda
 Kewangan dari La Trobe
 University, Australia.
 Chartered Financial Analyst
 (CFA) dari CFA Institute,
 USA. Financial Risk Manager
 (FRM) dari Global Association
 of Risk Professionals, AS.

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Saya bertugas di dalam Unit Strategik Kredit di Jabatan Pendapatan Tetap. Tanggungjawab utama saya termasuk memberikan penilaian kredit bebas keatas Sekuriti Hutang Persendirian dan permohonan pinjaman, serta menilai kadar bunga untuk pengurus portfolio bagi tujuan kedudukan pasaran.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Tugas ini memerlukan keupayaan untuk menganalisis dari segi kualitatif dan kuantitatif. Objektif pekerjaan ini adalah untuk memastikan segala risiko portfolio Pendapatan Tetap terkawal dan di masa yang sama, membantu portfolio kami mendapat profil risiko / hasil yang lebih baik.

3. Apa yang paling anda gemari berkenaan pekerjaan anda?

Usaha bagi mencari peluang-peluang pelaburan melalui penelitian terhadap risiko nilai aset yang tidak konsisten dengan nilai sebenar samada di pasaran kredit ataupun

pasaran wang. Saya akui, saya cukup bertuah kerana memiliki pasukan berdedikasi yang membantu saya menjalankan tugas harian saya.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?

Sejak dahulu lagi, saya bertekad untuk berkhidmat untuk firma pengurusan aset terbesar dan berdaya saing di tanahair. Selain itu, peluang memperkayakan perspektif pelaburan saya dari sudut pandang sektor awam membuatkan saya lebih tertarik untuk menyertai KWAP.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Kepentingan jaringan perniagaan (networking), di mana kerjasama berpasukan adalah lebih baik dari berseorangan. Kita harus sentiasa membina hubungan antara rakan kerja sedia ada dan baharu, dan menggunakannya sebaik mungkin.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di 2011, dan mengapa?

"The Upside of Irrationality" oleh Dan Ariely. Penulis memberikan pemahaman baharu mengenai sifat manusia dalam membuat keputusan dari sudut yang tidak rasional. Saya sukakan contoh figura benar yang dipaparkan dalam buku ini dan cabaran merungkai cara membuat keputusan yang lebih 'rasional' bila didatangi masalah dengan pilihan yang sama.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak berkerja?

Saya gemar membaca kerana ia menghiburkan dan pada masa yang sama, membuka minda. Selain itu, membaca pelbagai genre dapat menjadikan kita lebih berinformasi, ia membina imaginasi dan memupuk kreativiti.

CORETAN IMPIAN



B. Nama : **RAIHANA AMINUDDIN**
 Jabatan Strategi Portfolio
 Pendidikan : Ijazah Sarjana Muda Sains
 Aktuari dari University of Illinois
 Urbana - Champaign.

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Tugas saya melibatkan kajian berkaitan cara memformulasi Alokasi Aset Strategik KWAP. Secara khususnya, saya bertanggungjawab memberikan sokongan untuk analisis portfolio, makro-ekonomi dan unit strategi yang turut berada di bawah seliaan Jabatan ini.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Tugas saya memerlukan keupayaan analisis kuantitatif dan statistik. Pengetahuan dalam pengaturcaraan Visual Basics For Applications (VBA) amat penting terutamanya dalam menyediakan asas bagi membangunkan dan menambahbaik simulasi model kami.

3. Apa yang paling anda gemari berkenaan pekerjaan anda?

Tugas Jabatan saya adalah strategik dan saya lebih tertumpu pada kajian, generasi ide dan projek. Rangka kerja sering berubah, dan kami mempunyai keupayaan meneliti semua kelas aset serta memahami kerumitan dan kelebihan setiap kelas tersebut. Kami harus neutral menganalisa setiap kelas aset dari segi sumbangan terhadap portfolio secara keseluruhannya. Suasana pekerjaan yang saling membantu menggalakkan perkongsian ilmu dan kepakaran secara tidak formal. Pelbagai perkara baharu dapat dipelajari pada kadar yang lebih pantas.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?

Atas cadangan rakan-rakan, saya memilih KWAP untuk menjadi tapak pembinaan kerjaya saya kerana saat saya menyertainya, KWAP masih merupakan organisasi baharu. Oleh kerana Jabatan saya masih agak kecil, kami semua perlu melakukan pelbagai tugas berlainan. Saya telah melalui pengalaman yang cukup menarik sepanjang setahun bersama KWAP.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Proses perkembangan berterusan, baik dari segi karakter mahupun kerjaya. KWAP mengajar saya yang kita perlu menjadi seorang yang berkeupayaan-pelbagai untuk berjaya. Untuk mencapai tahap ini, berkerjasama dengan pelbagai individu, menyedari keupayaan sendiri, kekal rendah diri dan belajar tanpa henti. Inilah masanya motto 'padamkan pengetahuanmu untuk terus menimba pengetahuan' memberi makna. KWAP turut mempunyai ramai mentor yang hebat.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di 2011, dan mengapa?

Saya kagum membaca 'The Shadow Market' oleh Eric J. Weiner. Ia menceritakan bagaimana negara kaya seperti China dan Arab Saudi meluaskan kehadiran global serta agenda politik mereka melalui pemberian dana berdaulat. Kepentingan ekonomi mereka meningkat selepas krisis 2008 bila kuasa besar ekonomi dunia merudum di 2009/2010. Ia mengimbau semula laporan akhbar dan menyiasat faktor belakang tabir yang menyebabkan fenomena politikal ini. Dunia, sebagaimana saya ketahui, ibarat berubah sepenuhnya. Ia bacaan yang cukup membuka minda!

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak berkerja?

Saya suka mengembara kerana ia menggalakkan sifat ingin tahu sambil menikmati keajaiban dunia. Saya percaya, sebahagian dari pembangunan pengenalan peribadi sendiri boleh dikecapi saat kita melihat dan mengalami pekara di luar kebiasaan kita.

CORETAN IMPIAN



C. Nama : **Taufiq Iskandar Jamingan**
 Jabatan Ekuiti
 Pendidikan : LLB (Law) dari London School of Economics. Ahli Lincoln's Inn.

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Saya berkerja dalam bidang pengurusan dana, dengan fokus kepada ekuiti antarabangsa.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Memandangkan pelaburan ekuiti antarabangsa merupakan bidang baru di KWAP, tugas saya memerlukan perancangan strategik, pembinaan rangka kerja dan infrastruktur pelaburan yang berkaitan bagi strategi pelaburan jangka panjang KWAP. Saya turut mengenalpasti syarikat-syarikat serantau yang berpotensi dengan menganalisa dasar serta model perniagaan mereka, dan memadankan analisa tersebut dengan unjuran dan perkembangan terkini di dunia. Fokus, kerja keras dan pemikiran analitikal amat penting bagi tugas saya.

3. Apa yang paling anda gemari berkenaan pekerjaan anda?

Setiap hari di KWAP terasa bak satu cabaran, dan saya mencintai tugas saya di sini. Saya cukup teruja bila berpeluang menubuhkan rangka kerja dan infrastruktur pelaburan ekuiti antarabangsa KWAP serta membina keupayaan dalaman. Perancangan dan pengurusan strategik merupakan minat saya sejak dahulu dan saya berpeluang untuk menceburinya di KWAP.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?

KWAP merupakan tempat terbaik untuk saya memanfaatkan pengalaman saya sebagai penganalisis pelaburan dan pengurus portfolio ekuiti di awal pekerjaan. Saya dahagakan cabaran baharu dan mahu menjadi sebahagian dari penubuhan awal pasukan Ekuiti Antarabangsa KWAP. Pada masa yang sama, KWAP mengangkat budaya praktikal dan dinamis yang menjadikan persekitaran kerja lebih produktif, ceria dan penuh bertenaga.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Pemikiran dan sikap yang positif. Ia membenarkan saya menyelesaikan masalah-masalah kompleks dalam cabaran tugas seharian yang berjadual ketat. Sifat positif ini datangnya dari amalan KWAP yang menitikberatkan prestasi dan pelaksanaan tugas. Fokus KWAP ini memastikan saya terus berkembang dan senantiasa maju ke hadapan.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di 2011, dan mengapa?

'Jack: Straight From The Gut' oleh Jack Welch bukanlah buku perniagaan sebenar, dan ia bukannya juga buku baharu. Saya membacanya pada tahun lalu dan ia merupakan bacaan terbaik yang menguatkan kepercayaan saya bahawa dengan semangat membara, kita mampu mencapai pelbagai impian.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak berkerja?

Saya banyak meluangkan masa melakukan tugas sukarelawan untuk pendidikan dan khidmat sosial, dan cukup bertuah kerana mempunyai rakan-rakan yang berkongsi minat yang sama. Saya juga sukakan politik dan sering mempraktikkannya melalui penyertaan dalam forum umum serta perbincangan berkenaan belia dan polisi awam.

CORETAN IMPIAN



D. Nama : **Lim Hui Si**
 Jabatan Pengurusan Risiko
 & Pematuhan
 Pendidikan : MBA dari Hitotsubashi
 Universiti, Tokyo (di bawah
 tajaan Program Pemimpin
 Muda Kerajaan Jepun),
 B.Sc Decision Science dari
 Universiti Utara Malaysia.

1. Apakah skop pekerjaan anda?

Saya bertugas dalam Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan, dengan pengkhususan bagi risiko pasaran terhadap sebarang pelaburan yang dibuat contohnya Pendapatan Tetap, Ekuiti, Aset Alternatif dan Instrumen Derivatif. Ini merupakan tanggungjawab yang besar kerana risiko pelaburan merupakan sebahagian besar dari profil risiko KWAP.

2. Apakah yang diperlukan dalam tugas anda?

Tugas saya memerlukan perancangan rangka kerja, polisi, sistem, laporan dan garis panduan dalam memantau dan mengurangkan risiko yang terjadi akibat perubahan dalam sentimen pasaran dan/atau ciri-ciri sesebuah aset/instrumen. Saya perlu meneliti dan mengesyorkan metodologi serta sistem yang terbaik untuk pendedahan pelaburan selirangan dengan peringkat perkembangan KWAP. Oleh itu, sifat analitikal, boleh berikhtiar dan teruja untuk mendalami bidang ini amatlah penting.

3. Apa yang paling anda gemari berkenaan pekerjaan anda?

Saya sukakan cabaran memulakan sesuatu inisiatif baru – dari pembentukan kes perniagaan, ke perancangannya, dan melaksanakan projek tersebut sehingga ia berjaya.

4. Apa yang menyebabkan anda memilih KWAP untuk perkembangan kerjaya anda?

Saya menceburi industri perbankan sejak tahun 2004 dan ingin meluaskan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kewangan. Selepas menamatkan MBA, saya diperkenalkan dengan KWAP. Keupayaan untuk mendalami serta menguruskan bidang pengurusan risiko dari perspektif yang berbeza telah menambat minat saya.

5. Apakah antara pengalaman terbaik yang dipelajari sepanjang kerjaya anda bersama KWAP?

Menjalankan tugas seharian adalah mudah. Sebaliknya, menguruskan sesebuah projek bersama pasukan rakan kerja dengan kepakaran yang berbeza, sumber yang terhad dan jangkaan yang berlainan merupakan cabaran terbesar. Di KWAP, saya belajar bagaimana untuk berkerja secara berpasukan dan melalui rakan kerja lain bagi melunaskan matlamat yang sama.

6. Apakah buku perniagaan pilihan anda di 2011, dan mengapa?

'Portfolio Construction and Risk Budgeting' oleh Bernd Scherer. Ianya bagus kerana penuh dengan penerangan terperinci mengenai pengurusan portfolio, topik yang sememangnya menjadi sebahagian dari bidang kerja saya dalam dunia pengurusan aset.

7. Apakah aktiviti kegemaran anda saat tidak berkerja?

Saya suka membaca di masa lapang, dan meminati genre fiksi jenayah. Bila berpeluang, saya akan bercuti ke lokasi eksotik di luar negara untuk merehat minda dan meluaskan horizon peribadi. Cita-cita saya adalah untuk melawat semua lokasi menarik di dunia.

Seksyen TADBIR URUS KORPORAT

- 035** Pengurusan Risiko
- 050** Penyata Tadbir Urus
- 061** Penyata Kawalan Dalaman

PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO MENYELURUH (ERM)

Pengurusan Risiko Menyeluruh melibatkan proses bersepadu untuk mengenal pasti, menilai, mengurus dan melapor risiko yang signifikan berkaitan dengan aktiviti pelaburan dan operasi KWAP. Dalam tahun 2011, KWAP menjalankan analisis jurang perbezaan ke atas Rangka Kerja Pengurusan Risiko sedia ada dengan Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000:2009 untuk memastikan amalan pengurusan adalah sejajar dengan piawaian. Pelan tindakan telah dirumuskan untuk merapatkan jurang yang dikenalpasti dan pelaksanaan akan berterusan sehingga penghujung tahun 2012.

STRUKTUR PENYEMAKAN ERM KWAP



PENGURUSAN RISIKO

Lembaga adalah bertanggungjawab atas pengurusan risiko secara keseluruhannya. Lembaga, melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") mengekalkan tanggungjawab keseluruhan atas pengawasan risiko dalam KWAP. Tanggungjawab RMC termasuklah mengkaji semula dan memastikan kecukupan polisi dan prosedur pengurusan risiko, menyemak dedahan risiko, dan memastikan bahawa infrastruktur, sumber dan sistem dilaksanakan bagi aktiviti pengurusan risiko.

Lembaga juga disokong oleh Jawatankuasa Audit yang bertanggungjawab untuk menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan ketahanan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman serta pematuhan kepada polisi risiko dan keperluan pihak berkuasa.

Fungsi kawalan dan pengurusan risiko yang berdedikasi dan bebas iaitu Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan serta Jabatan Audit Dalaman bertanggungjawab dalam memastikan rangka kerja dan polisi pengurusan risiko yang diluluskan dilaksanakan dan dipatuhi. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk memudahkan proses pengurusan risiko dengan unit operasi yang merangkumi pengenalan, penilaian, pengurangan dan pengawalan risiko.

Di barisan hadapan, unit operasi bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko dalam operasi mereka. Unit operasi juga bertanggungjawab untuk memastikan semua aktiviti harian mematuhi polisi, garis panduan dan prosedur yang telah diluluskan.

PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Laporan Insiden Operasi (ORE)

Risiko operasi adalah risiko kerugian berpunca dari kegagalan dan ketidakcukupan proses, sumber manusia, sistem dan juga kejadian luaran. Pada tahun 2011, tiada insiden operasi yang memberi impak negatif kepada operasi KWAP kerana kebanyakannya telah diselesaikan dalam masa yang singkat. Kebanyakan laporan insiden operasi adalah terdiri daripada kategori dibawah:

1. Amalan perniagaan, pihak berkepentingan dan perkhidmatan
2. Pelaksanaan, penghantaran dan proses pengurusan
3. Gangguan perniagaan dan kegagalan sistem

Dalam menangani ORE yang dilaporkan, tindakan proaktif diambil seperti mengkaji semula proses utama dimana sistem kawalan dalaman telah diperbaiki. Peranan dan tanggungjawab pihak terlibat juga telah diperjelaskan dengan lebih terperinci.

Semakan Kitaran Proses (LPR)

Semakan Kitaran Proses (LPR) telah diperkenalkan sebagai satu dari langkah proaktif untuk menguruskan risiko operasi. Ianya bertujuan untuk memastikan risiko operasi yang terdapat pada proses utama diurus dengan sempurna dan berkesan. Kajian melibatkan dokumentasi dan analisis aliran proses untuk mengenal pasti dan mengkaji punca risiko, aktiviti pengawalan dan ruang untuk penambahbaikan. Semakan yang dijalankan meliputi proses yang melibatkan jabatan-jabatan seperti operasi bahagian hadapan, pengesahan penjelasan, penjelasan, pentadbiran dana, kustodian dan perakaunan.

Perbincangan telah diadakan dengan jabatan yang berkenaan untuk mengenal pasti, merumus dan bersetuju dengan pelan tindakan untuk mengurangkan risiko operasi. Bidang utama yang terlibat adalah pelaburan Bon, Pasaran Wang, Saham Tersenarai dan Dana Ekuiti Persendirian.

PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN (BCM)

Pada 2011, KWAP terus melaksanakan rangka kerja BCM dan mengenal pasti bahagian di mana penambahbaikan boleh dilakukan terhadap keupayaan dalaman dan kecukupan untuk mengurangkan risiko gangguan operasi yang besar.

Latihan Pemulihan Bencana kekal sebagai agenda utama dimana latihan tersebut telah diadakan sebanyak dua kali bertempat di pusat pemulihan bencana yang dilengkapi dengan keperluan infrastruktur bagi memulihkan fungsi perniagaan yang penting. Semasa latihan, Pasukan Pemulihan Perniagaan telah dipertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti simulasi terhadap pemulihan fungsi-fungsi utama.

PENGURUSAN RISIKO STRATEGIK

Pengurusan risiko strategik adalah proses untuk mengenal pasti, menilai, mengurus risiko dan ketidakpastian yang terjejas dari kejadian atau senario dalaman dan luaran, yang mungkin menghalang keupayaan organisasi untuk mencapai strategik serta matlamat strategik. Matlamat utama adalah untuk menambah dan melindungi nilai pemegang saham dan pihak berkepentingan. Ini adalah komponen utama di dalam pengurusan risiko menyeluruh.

Pada tahun 2011, KWAP telah menggunakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik bagi memastikan risiko tersebut diurus secara menyeluruh. Jabatan Perancangan dan Pembangunan Korporat selaku koordinator utama, memantau dan menilai pelaksanaan matlamat strategik. KWAP juga turut melaporkan kepada Lembaga secara berkala dan sentiasa mengkaji dan menilai kemajuan yang dicapai serta menilai secara meluas keadaan ekonomi makro dan mikro. Semakan berkala terhadap Pengagihan Aset Strategik berlandaskan penilaian kemahiran dan keupayaan adalah penting untuk mencapai matlamat strategik.

PENGURUSAN RISIKO PASARAN

Carta di bawah menggambarkan kategori utama risiko pasaran.

Punca utama risiko pasaran adalah Risiko Kadar Faedah, Risiko EKuiti dan Risiko Keuntungan Kredit. Pada Disember 2011, Risiko Matawang adalah minimum disebabkan pendedahan kepada pelaburan antarabangsa hanya pada kadar 3.26% dari jumlah pelaburan keseluruhan.




Pengukur utama Risiko Pasaran yang digunakan oleh KWAP ialah Risiko-pada-Nilai (VaR). KWAP kini mengukur VaR sebagai kemungkinan kerugian paling besar yang boleh berlaku pada kebarangkalian 5%, selama tempoh sepuluh (10) hari. Keseluruhannya, kadar purata VaR KWAP ialah 1.61% dari nilai pasaran dana. Dalam erti kata lain, untuk tempoh 2 minggu, terdapat kebarangkalian 95% menunjukkan bahawa KWAP tidak akan rugi lebih dari 1.61% dari nilai pasaran dana yang disebabkan oleh risiko pasaran.

PENGURUSAN RISIKO



KWAP juga mengukur ketidaktentuan pasaran portfolio, yang didefinisikan sebagai ramalan perubahan portfolio selepas tempoh masa satu (1) tahun, berdasarkan kepada satu (1) Sisihan Piawai (atau 68% kebarangkalian). Secara purata, ketidaktentuan portfolio KWAP adalah $\pm 4.57\%$, model meramalkan bahawa portfolio boleh berubah pada nilai sebanyak 4.57% dalam masa satu (1) tahun. Peningkatan angka menggambarkan ketidaktentuan dan risiko yang lebih tinggi. Penambahbaikan proses pemantauan dan pemahaman terhadap ketidaktentuan portfolio dilakukan dengan ukuran pulangan-risiko seperti Nisbah Sharpe di carta berikutnya:


PENGURUSAN RISIKO



Nisbah Sharpe KWAP menurun kepada 1.89% pada Disember 2011. Penurunan ketara pasaran saham dalam bulan September 2011 menyumbang kepada penurunan Nisbah Sharpe. Keseluruhannya, portfolio KWAP mampu untuk menambah nilai dengan 189 mata asas ke atas kadar tanpa risiko.


Pendedahan Risiko Ekuiti

Nilai pegangan keseluruhan portfolio Ekuiti mewakili purata 31% dari jumlah keseluruhan nilai pasaran portfolio, Pendapatan Tetap 46%, Pasaran Wang 21% dan selebihnya dilaburkan dalam pelaburan alternatif seperti Hartanah, Ekuiti Persendirian, dan Dana Ekuiti Persendirian 2%. Secara keseluruhan, purata VaR Ekuiti KWAP ialah 4.6% dari nilai pasaran portfolio Ekuiti.




PENGURUSAN RISIKO

Tracking Error untuk Ekuiti telah menurun sejak awal tahun dan berada pada kedudukan 3.23% pada Disember 2011.


Tracking Error (%)

Korelasi dengan penanda aras FBM100 adalah agak tinggi bagi sepanjang tahun iaitu pada nilai purata sebanyak 0.98. Beta pada jangkamasa sama adalah pada nilai purata 0.90. Apabila indeks meningkat sebanyak 1%, portfolio akan meningkat pada kadar 0.90%. Ini dilihat sebagai portfolio defensif, sejajar dengan strategi pelaburan berhemah KWAP.

Korelasi**Beta**

PENGURUSAN RISIKO

Carta berikut menggambarkan pendedahan ekuiti berbanding indeks FBM100. Pada penghujung 2011, 3 sektor *overweight* utama ialah Kewangan, Barangan Industri dan Produk Pengguna, Kewangan dan Produk Pengguna, sementara 3 sektor utama yang *underweight* ialah Perdagangan/Perkhidmatan, Perladangan dan IPC.

**Pendedahan Pendapatan Tetap**


Pendedahan Pendapatan Tetap KWAP adalah terutamanya SKM, portfolio Bon Quasi-Kerajaan, portfolio SHP dan Pasaran Mata Wang.

SKM dan Bon Quasi-Kerajaan

Sebagai sebuah dana persaraan, strategi pendapatan tetap mengambil kira objektif risiko, keperluan kecairan dan jangka masa liabiliti. Oleh itu, profil kematangan SKM dan Bon Quasi-Kerajaan KWAP lebih ke arah tempoh satu (1) hingga tujuh (7) tahun matang.


PENGURUSAN RISIKO

Carta berikut menunjukkan KWAP adalah *underweight* di dalam semua baki tempoh kematangan kecuali satu (1) hingga tiga (3) tahun matang dan lebih dari sepuluh (10) tahun berbanding Quantshop MGS All Index.




SHP

Pada penghujung 2011, profil kematangan SHP menumpu kepada tempoh sederhana tiga (3) hingga tujuh (7) tahun. Pada penghujung 2011, KWAP adalah pada purata *underweight* dibawah satu (1) hingga tiga (3) tahun, dan kategori berbaki kematangan lebih atau sama dengan 10 tahun, sementara *overweight* pada kategori berbaki kematangan lain berbanding penanda aras Quantshop All Index.




PENGURUSAN RISIKO

Sepanjang tahun 2011, KWAP telah mengambil purata tempoh perubahan 5.2 berbanding tanda aras Quantshop All Index 4.67 untuk SKM. Permintaan yang tinggi mengatasi penawaran untuk SKM. Aliran anjakan keselamatan akan terus memberi sokongan untuk SKM. KWAP memiliki purata modified duration sebanyak 3.86 berbanding tanda aras 4.55. Ini menggambarkan strategi pelaburan KWAP lebih berhema berbanding Quantshop All Index.



Tracking Error berterusan tiga (3) tahun portfolio Pendapatan Tetap Luaran menurun ke 1.79% disebabkan oleh pengasingan data *outliers* semasa *Krisis Subprime*.



PENGURUSAN RISIKO

Pelaburan Alternatif

Pada Disember 2011, Pelaburan Alternatif kekal sebagai sebahagian kecil daripada jumlah dana KWAP pada 2.08%. Pelaburan-pelaburan termasuk hartanah, ekuiti persendirian, dana ekuiti persendirian yang dilaburkan di dalam dan luar negara.


Hartanah (Antarabangsa)

Pendedahan dalam pelaburan matawang asing adalah dalam AUD. Hartanah dilaburkan terutamanya untuk pendapatan sewaan dan jangka masa panjang; risikonya adalah risiko struktur dibandingkan dengan risiko transaksi. Kami juga menyediakan provisi untuk FX pada kadar bulanan ke atas kos terendah atau amalan nilai pasaran untuk menunjukkan ketelusan.

Dana Pelaburan Alternatif (Tempatan dan Antarabangsa) dan Pelaburan Alternatif (Domestik)

Pada Disember 2011, terdapat sepuluh (10) dana pelaburan alternatif yang dilaburkan dalam USD and AUD berbanding dengan dua (2) pelaburan terus yang dilaburkan dalam matawang MYR. Bagi pelaburan alternatif, KWAP memantau prestasi pelaburannya melalui mesyuarat yang dijalankan secara berkala bersama *General Partners* dan melawat syarikat di bawah portfolio. Bagi pelaburan terus, KWAP mempunyai wakil di dalam lembaga pengarahnya dan turut serta di dalam pelbagai aktiviti jawatankuasa bagi memastikan tadbir urus terbaik. Metriks prestasi untuk pelaburan alternatif termasuk *Internal Rate of Return (IRR)*, *Distribution to Paid-in Capital (DPI)*, *Residual Value to Paid-in Capital (RVPI)*, *Total Value to Paid-in Capital (TVPI)* dan nilai saksama setiap syarikat di bawah portfolio.

Pada kebiasaannya, dana pelaburan alternatif dilaburkan secara beransur-ansur dimana pembayaran balik modal dan keuntungan dilakukan secara progresif. Portfolio yang matang biasanya terdiri daripada modal yang telah dan belum dilaburkan. Pengurusan risiko pelaburan alternatif semasa pemilihan pengurus dana tertumpu kepada penilaian pengurus dana dan sejauh mana pengurus dana mencapai sasaran pelaburan dengan mematuhi strategi pelaburan yang ditetapkan untuk mandat mereka yang terdahulu.





Nota: Kiraan berdasarkan jumlah alokasi aset untuk setahun.

PENGURUSAN RISIKO

Risiko Matawang

Jumlah keseluruhan portfolio pelaburan terdiri dari 4.01% pelaburan dalam (Ekuiti, Pendapatan Tetap, Pelaburan Alternatif dan Hartanah) matawang asing, manakala selebihnya di dalam matawang tempatan.

Komponen matawang terbahagi kepada tiga (3) jenis seperti di bawah:




PENGURUSAN RISIKO

PENGURUSAN RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah risiko kehilangan hasil dari deposit oleh *counterparty* dengan KWAP, iaitu pengeluar bon, institusi pengambil deposit, broker dan perantara lain. KWAP, sebagai pemain aktif dalam pasaran berpendapatan tetap tempatan dan pasaran mata wang dengan penglibatan di dalam kedua-dua pasaran utama dan peringkat kedua, dasar kredit yang kukuh diwujudkan untuk mengurus risiko ini. Amalan terbaik industri diamalkan di dalam pengemaskinian yang berterusan terhadap dasar risiko kredit. Tujuan pengurusan risiko kredit ialah untuk mengekalkan keterbukaan kredit kepada tahap yang boleh diterima berhubung dengan modal, dan untuk memastikan pulangan adalah bersesuaian dengan risiko.


KWAP secara aktif menyediakan kecairan kepada pasaran melalui penempatan deposit yang mendedahkan KWAP kepada risiko kredit. Pendedahan dalam deposit tetap, deposit instrumen boleh runding dan instrumen seumpamanya adalah bersih dari keterbukaan sandaran kepada institusi penerbitan, yang terutamanya dilesenkan atau institusi kewangan yang dikawal. Tambah lagi, KWAP sedang mengembangkan pelaburan mereka kepada tukaran asing dan keterbukaan terbitan lebih kredit risiko *counterparty*. Garis Panduan Had *Counterparty* telah diperkenalkan untuk mengurus risiko kredit *counterparty* dalam pendekatan holistik. Garis panduan ini akan memberitumpuan kepada had untuk diagihkan kepada pendedahan pasaran mata wang, pertukaran asing dan derivatif berdasarkan kelayakan kredit institusi kewangan dalam penarafan kredit atau penilaian kredit KWAP.

Mengikut Sektor Bank



Dalam mengurus risiko penumpuan kredit, KWAP telah memperkenalkan Had Penarafan Portfolio SHP untuk portfolio berpendapatan tetap, sebagai sebahagian dari polisi had risiko kredit. Dengan mengenakan had ini, ia akan memastikan kepelbagaian merentasi penarafan kredit yang diluluskan dan menghalang kerugian besar kredit. Ini akan meningkatkan ketelusan dan pengurusan aktif portfolio SHP.

Portfolio SHP Dalaman Mengikut Kedudukan (Nilai Nominal) pada 31 Disember 2011



PENGURUSAN RISIKO

Untuk bertindak proaktif dalam mengurus risiko SHP, KWAP telah melaksanakan pengawasan berferusan ke atas SHP yang dibawah Pemerhatian Penarafan Negatif. Pemerhatian Penarafan ialah penilaian yang dikeluarkan oleh agensi penarafan untuk memaklumkan pelabur kemungkinan perubahan dalam penarafan jangka panjang dan jangka pendek sedia ada yang mereka peruntukkan. Pemerhatian penarafan memberi tumpuan ke atas kejadian yang dikenalpasti dan arah aliran jangka pendek (seperti penggabungan, pengambilalihan, perubahan peraturan, pembangunan operasi) yang mungkin merubah asas kualiti kredit isu penarafan. Pemerhatian penarafan “negatif” menggambarkan kemungkinan penarafan akan diturun taraf. Mekanisma ini bertindak sebagai langkah pencegahan untuk menangani kemungkinan turun taraf dan/atau *bon default*. Ini akan meningkatkan ketelusan dan menggalakkan pengurusan risiko yang lebih baik dalam portfolio SHP.

Pendedahan Pelaburan Berkumpulan

Selain dari mengurus risiko *counterparty* melalui kelas aset, KWAP juga menjalankan pengawasan ke atas pendedahan pelaburan berkumpulan merentasi semua kelas aset, Pendapatan Tetap, Ekuiti, Pinjaman dan Ekuiti Persendirian. Pengawasan pendedahan di dalam setiap kumpulan *counterparty* berdasarkan petunjuk dan analisis dibuat.

PEMATUHAN

Fungsi pematuhan dalam organisasi semakin terserlah berpunca dari sifat dan saiz kerugian kewangan dan kehilangan reputasi berpunca dari ketidakpatuhan. Pematuhan bertindak sebagai fungsi tersendiri yang mengenal, menilai, menasihati, memerhati dan melaporkan risiko pematuhan iaitu, risiko sekatan perundangan dan peraturan, kerugian kewangan, atau kehilangan reputasi yang akan dialami organisasi akibat daripada ketidakpatuhan kepada undang-undang berkaitan, peraturan, kod etika dan standard atau amalan baik.

Objektif utama pematuhan adalah untuk mengekalkan reputasi KWAP supaya kedudukan persaingan, reputasi dan nilai saham tidak hanya dikekalkan, bahkan juga dipertingkatkan. Untuk mencapai objektif ini, KWAP menilai dan mengurus secara berkesan risiko pematuhan organisasi untuk memenuhi jangkaan kesemua pihak berkepentingan. Risiko pematuhan dalam KWAP ditafsirkan sebagai risiko kemerosotan kepada model perniagaan organisasi, reputasi dan kedudukan kewangan hasil dari kegagalan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan, polisi dalaman dan jangkaan pihak berkepentingan. Sebagai asas, Rangka Kerja Pematuhan dilaksanakan pada 2010; di mana ia membentuk fungsi pematuhan. Dalam mengurus Rangka Kerja Pematuhan, Pematuhan telah menggunakan Model Pertahanan Tiga Baris (“Three Lines Defense Model”) dalam mengurus risiko pematuhan KWAP.

PENGURUSAN RISIKO



Model pertahanan tiga garis diguna oleh KWAP untuk rangka kerja pengawalan dalaman dalam konteks pengurusan risiko, urus tadbir korporat dan pengurusan risiko. Asas ke atas fungsi, pengurusan tertinggi dan barisan depan membentuk garis pertama pertahanan membendung risiko pematuhan. Sementara itu, mereka secara prinsipnya bertanggungjawab untuk memerhati dan memastikan aktiviti perniagaan dijalankan dalam lingkungan dasar yang diluluskan. Selain itu, Pegawai Perhubungan Pematuhan telah dilantik di setiap bahagian untuk bertindak sebagai pusat merujuk dalam sebarang isu ketidak-patuhan dan untuk memastikan jabatan mereka sentiasa bersaing dalam pelaksanaan dasar dan garis panduan.

Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan membentuk garis kedua pertahanan. Fungsi pematuhan mempunyai tugas utama dalam struktur pengawalan. Pasukan pematuhan hendaklah memastikan pemikiran seimbang di antara perbezaan asas dan langkah proaktif yang diperlukan sebagai "penasihat yang dipercayai" dan sebagai "pemerhati yang tersendiri" yang lebih reaktif. Tugas penasihat yang dipercayai menggalakkan tumpuan ke arah langkah pencegahan. Ini termasuk membantu perniagaan untuk mengenal pasti keperluan peraturan, menilai sepenuhnya kemungkinan risiko pematuhan dan memastikan perniagaan tahu bagaimana untuk memenuhi peraturannya setiap hari.

Garis ketiga pertahanan ialah audit dalaman yang menjalankan penilaian *ex-post* bebas dan biasa ke atas keseluruhan kawalan dalam organisasi; dan risiko dan pematuhan kepada keperluan peraturan. Dengan lain perkataan, audit memastikan keberkesanan pertahanan garis ketiga.

PENGURUSAN RISIKO

Skop Pematuhan

a) Pematuhan Peraturan

Ini melibatkan peraturan dan garis panduan luaran di mana KWAP terikat kepada pematuhan seperti Akta Parlimen yang berkaitan, Perintah Menteri Kewangan dan garis panduan yang berkenaan oleh badan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Pemilik pematuhan peraturan ialah dengan unit operasi transaksi atau aras operasi, di mana sebarang kemungkinan pelanggaran akan dikenal pasti terlebih dahulu sebelum terjadi. Langkah proaktif telah diambil dan ketidak patuhan dalam peraturan pematuhan dianggap serius.

b) Pematuhan Dalam

Ini meliputi pematuhan kepada polisi dalaman dan garis panduan, sebagai contoh, Polisi dan Garis Panduan Pelaburan, Had Kuasa Budi Bicara dan Prosedur Asas Operasi. Pendekatan KWAP dalam memastikan pematuhan dalaman dapat bertahan melalui kawalan had risiko dalam sistem pelaburan dan proses kawalan operasi telah dimasukkan ke dalam Prosedur Asas Operasi.

Proses Pematuhan

Aktiviti pematuhan berkait rapat dengan pembangunan pematuhan pada muka global, keperluan perundangan sedia ada serta polisi dan prosedur KWAP. Gambarajah berikut menggambarkan proses pematuhan dan pendekatan am diambil dalam mengurus risiko pematuhan.

**Peralatan Pematuhan**a) *Self Compliance Checklist*

Senarai pengakuan/pematuhan diri bertindak sebagai peralatan untuk mengukur tahap pematuhan dalam organisasi. Ia telah berjaya dikeluarkan kepada semua Jabatan dalam KWAP sebagai bukti latihan berkala. Perlindungan senarai pematuhan diri termasuklah pematuhan peraturan dan dasar dalaman dan prosedur. Peralatan ini juga bertindak sebagai kesedaran pematuhan.

b) *Analisis Jurang*

Latihan berkala bahagian untuk mengenal pasti keperluan pematuhan dan pihak bertanggungjawab dalam memastikan keperluan pematuhan dipenuhi. Ia membantu dalam memasukkan amalan pematuhan dalam KWAP.

c) *Laporan Pematuhan*

Kemuncak pematuhan ialah pengurusan KWAP, yang menyelia dan menyediakan halatuju pematuhan dalam KWAP. Laporan pematuhan berkala akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Panel Pelaburan. Ini membolehkan pengawalan berkesan aktiviti pematuhan KWAP oleh Pengurusan dimana hala tuju untuk pengurusan risiko yang bersesuaian dan tindakan pengurangan diberi.

PENYATA TADBIR URUS

LEMBAGA

Lembaga KWAP mengakui kepentingan prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat dalam mengendalikan hal-hwal KWAP. Integriti, ketelusan dan profesionalisme merupakan komponen utama yang menyumbang kepada kemajuan dan kejayaan berterusan bagi mencapai rangka tadbir urus yang optimum, memaksimumkan nilai pemegang saham dan memastikan kelancaran perniagaan.

KWAP mengiktiraf kepentingan tanggungjawab yang dipikul oleh ahli Lembaga, ahli Panel Pelaburan dan pihak pengurusan dalam merangka dan mengenal pasti hala tuju dan operasi KWAP. KWAP dikemudi dan diurus oleh ahli Lembaga yang berpengalaman dan berkemahiran dengan latar belakang yang berbeza dari pihak Kerajaan, sektor swasta, Bank Negara Malaysia dan wakil pencarum. Kesemua faktor ini adalah penting untuk pencapaian strategik KWAP.

Sepanjang tempoh tahun kewangan, Lembaga sentiasa memastikan tahap tadbir urus yang tinggi diamalkan untuk menjaga dan menambah nilai pihak berkepentingan.

Komitmen KWAP untuk merealisasikan amalan tadbir urus korporat yang baik terbukti dengan kewujudan "Tadbir Urus Korporat: Prinsip dan Garis Panduan Pemilihan" dan "Polisi Aduan Dalaman" yang telah diluluskan oleh Lembaga pada awal tahun 2011. "Tadbir Urus Korporat: Prinsip dan Garis Panduan Pemilihan" akan menjadi panduan untuk KWAP dalam memantau pengendalian syarikat penerima pelaburan selaras dengan amalan tadbir urus korporat dan kaedah pengundian KWAP ke atas resolusi yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan / Mesyuarat Agung Luar Biasa syarikat terbabit. Sementara

itu, Polisi Aduan Dalaman ialah mekanisme bagi membolehkan pekerja menyuarakan kebimbangan, mendedahkan amalan penyelewengan atau salah laku yang serius tanpa perasaan takut akan menjadi mangsa, dituduh, diskriminasi atau penganiayaan kepada pekerja yang membuat laporan. Polisi ini akan menyediakan saluran yang tepat dan rasmi untuk pekerja menyampaikan aduan supaya laporan tersebut dapat ditangani secara teratur.

Keahlian Lembaga

Lembaga dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- (i) Pengerusi yang merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan;
- (ii) Seorang wakil dari Bank Negara Malaysia;
- (iii) Seorang wakil dari Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif yang merupakan seorang ahli *ex-officio*;
- (v) Tiga (3) orang wakil dari Kerajaan Malaysia;
- (vi) Tiga (3) orang dari sektor swasta yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan; dan
- (vii) Seorang wakil pencarum yang menyumbang kepada Dana selain wakil-wakil dari Kerajaan Malaysia.

PENYATA TADBIR URUS

Tugas utama Pengerusi adalah untuk memastikan keberkesanan dan perjalanan Lembaga. Ketua Pegawai Eksekutif KWAP, yang dilantik oleh Lembaga dengan kelulusan Menteri Kewangan, bertanggungjawab terhadap keseluruhan operasi perniagaan dan pelaksanaan polisi dan keputusan oleh Lembaga dan keputusan pelaburan oleh Panel Pelaburan selaras dengan Akta. Ketua Pegawai Eksekutif dibantu oleh pihak Pengurusan dalam mengurus operasi harian dan pentadbiran warga kerja KWAP.

Profil ringkas setiap ahli Lembaga disediakan di muka surat 20 hingga 23 Laporan Tahunan ini.

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga

Lembaga ditubuhkan untuk mentadbir dan mengurus KWAP dengan kaedah yang akan meningkatkan kepentingan setiap pencarum dan pihak berkepentingan. Fungsi Lembaga adalah untuk merangka polisi dan prosedur pentadbiran dan pengurusan untuk memastikan KWAP mencapai objektifnya dengan berjaya dan cemerlang.

Lembaga melaksana beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan KWAP, mengenalpasti bidang-bidang yang mempunyai risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta dan Piagam Lembaga.

AMALAN-AMALAN TADBIR URUS KORPORAT : TANGGUNGJAWAB UTAMA LEMBAGA

Lembaga menggalas enam tugas khusus bagi memudahkan pelaksanaan tanggungjawab Lembaga seperti berikut:

- Mengkaji dan melaksana pelan strategik organisasi;
- Mengawal selia pentadbiran perniagaan organisasi untuk menilai samada perniagaan diurus dengan baik;
- Mengenal pasti risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko tersebut;
- Pelan penggantian, termasuk melantik, melatih, menetapkan kadar imbuhan dan di mana sesuai, menukar pengurusan atasan;
- Membangun dan melaksana program hubungan pelabur dan polisi komunikasi organisasi; dan
- Mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman organisasi dan sistem pengurusan maklumat, termasuk sistem pematuhan yang diterima pakai oleh undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan.

PENYATA TADBIR URUS

Mesyuarat Lembaga

Takwim Mesyuarat Lembaga ditetapkan pada awal tahun, manakala Mesyuarat Lembaga Khas akan diadakan sekiranya perlu untuk membincangkan perkara-perkara yang memerlukan keputusan segera.

Sepanjang tahun kewangan 2011, sembilan (9) mesyuarat Lembaga dan dua (2) Mesyuarat Lembaga Khas telah diadakan.

Kehadiran Anggota Lembaga:

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Tan Sri Dr. Wan Abd Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi)	11/11
2.	Datuk Idrus Bin Harun	10/11
3.	Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah (*dilantik pada 2 Januari 2011)	7/11
4.	Dato' Yeow Chin Kiong	9/11
5.	Dato' Siow Kim Lun	10/11
6.	Dato' Muhammad Bin Ibrahim	9/11
7.	Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan	7/11
8.	Encik Cheah Teik Seng	8/11
9.	Dato' Omar Bin Haji Osman	7/11
10.	Dato' Azian Mohd Noh	11/11

NO	BIDANG TANGGUNGJAWAB LEMBAGA DAN AKAUNTABILITI SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS / AKTIVITI LEMBAGA PADA TAHUN 2011
1.	Untuk menetapkan prosedur berkaitan kewangan dan perakaunan, termasuk menyimpan, menutup dan mengaudit penyata kewangan KWAP dan mewujudkan prosedur kewangan dan perakaunan tersendiri;	• Pelantikan firma perakaunan menyediakan Laporan Kewangan Standard sebagai kesediaan taksiran untuk KWAP. • Meluluskan Bajet Perbelanjaan KWAP untuk tahun kewangan 2012.
2.	Untuk menggariskan tanggung jawab pekerja KWAP yang merangkumi ganjaran, terma dan syarat perkhidmatan, tempoh perkhidmatan dan cuti pekerja;	• Meluluskan pelaksanaan Dasar Aduan Dalam. • Meluluskan Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Panduan Pemilihan. • Meluluskan kenaikan pangkat dan naik taraf gred jawatan pekerja KWAP. • Meluluskan Skim Bantuan Pelajaran untuk warga kerja KWAP. • Meluluskan pindaan struktur gaji untuk warga kerja bukan eksekutif KWAP.

PENYATA TADBIR URUS

NO	BIDANG TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI LEMBAGA SEPERTI YANG DIPERUNTUKKAN OLEH AKTA	TUGAS / AKTIVITI LEMBAGA PADA TAHUN 2011
3.	Untuk menubuhkan bidang kuasa tindakan disiplin yang bersesuaian berkaitan dengan tingkah laku dan disiplin pekerja-pekerja KWAP;	Tiada prosedur baru diluluskan pada tahun 2011. KWAP sedang menerima pakai Akta Badan Berkanun (Disiplin dan Denda) 2000 untuk menangani masalah berkaitan tingkah laku dan disiplin anggota kerja.
4.	Untuk menubuhkan jawatankuasa dan prosedur untuk jawatankuasa tersebut;	• Penubuhan Jawatankuasa Tetap untuk mengawasi laporan aduan dalaman.
5.	Untuk mengawal selia prosedur dalaman termasuk prosedur berkaitan perkara hal-hal operasi;	• Meluluskan Pelan Perniagaan, Kad Pencapaian Korporat dan Unjuran Pendapatan untuk tahun 2012. • Meluluskan Had Kadar Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negara (SHP). • Meluluskan had baru ke atas pindaan tempoh untuk Portfolio SHP Dalam Negara. • Meluluskan pindaan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan. • Meluluskan Polisi dan Garis Panduan Tukaran matawang asing. • Meluluskan Dasar Pelaburan dan Garis Panduan untuk Pelaburan Ekuiti Antarabangsa. • Meluluskan penubuhan pejabat KWAP di London untuk Pelaburan Ekuiti. • Meluluskan Dasar Penyimpanan Dokumen. • Meluluskan Struktur Strategik Pengurusan Risiko.
6.	Untuk menetapkan kaedah penandatanganan segala dokumen, cek dan instrumen lain dibuat atau dilaksanakan bagi pihak KWAP; dan	Tiada peraturan baru diluluskan pada 2011.
7.	Untuk menyediakan segala perkara yang memerlukan peraturan atau yang perlu atau wajar yang boleh memberi kesan ke atas pelaksanaan peruntukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).	• Meluluskan pelantikan pembekal untuk membekal, memasang, menguji dan mentauliah Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu untuk KWAP. • Meluluskan pelantikan pembekal untuk membekal, memasang, menguji dan mentauliah Sistem Risiko, prestasi dan strategi untuk KWAP. • Pelantikan pemegang Amanah Global, Pengurus Dana Luaran, Panel Broker Saham dan Konsultan Percukaian.

PENYATA TADBIR URUS

PANEL PELABURAN

Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan untuk menentukan hala tuju pelaburan yang strategik dan isu-isu yang berkaitan dengan pelaburan. Panel pelaburan menentukan dan meluluskan dasar dan garis panduan pelaburan, dasar keatas pengurusan risiko, pengagihan aset dan hala tuju pelaburan.

Keahlian Panel Pelaburan

Panel Pelaburan hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli berikut yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan:

- (i) Pengerusi yang merupakan Pengerusi Lembaga atau mana-mana orang lain yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan;
- (ii) Wakil dari Bank Negara Malaysia;
- (iii) Wakil dari Kementerian Kewangan;
- (iv) Ketua Pegawai Eksekutif KWAP yang akan menjadi Setiausaha; dan
- (v) Tiga (3) orang individu dari sektor swasta yang memiliki pengalaman dan kepakaran dalam perniagaan atau kewangan.

Profil ringkas setiap ahli Panel Pelaburan disediakan pada halaman 24 hingga 25 Laporan Tahunan ini.

Tugas Utama dan Tanggungjawab Panel Pelaburan

Panel Pelaburan pada asasnya bertanggung jawab untuk meluluskan antara lain hala tuju strategik perkara berkaitan pelaburan KWAP, dasar dan garis panduan pelaburan, pengagihan aset dan cadangan pelaburan. Dalam menjalankan tugasnya, Panel Pelaburan akan melaporkan segala aktiviti kepada Lembaga berpanduan dasar am yang dikeluarkan oleh Lembaga dan seterusnya diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Mesyuarat Panel Pelaburan

Sepanjang tahun kewangan 2011, sebelas (11) mesyuarat dan satu (1) mesyuarat khas Panel Pelaburan telah diadakan. Ringkasan kehadiran ahli Panel Pelaburan adalah seperti berikut:

Kehadiran Mesyuarat Panel Pelaburan

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Tan Sri Dr. Wan Abd Aziz Bin Wan Abdullah (Pengerusi)	12/12
2.	Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim	10/12
3.	Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar	7/12
4.	Datuk Nozilah Binti Bahari	12/12
5.	Encik Cheah Tek Kuang	11/12
6.	Cik Che Zakiah Binti Che Din	8/12
7.	Dato' Azian Mohd Noh	12/12

PENYATA TADBIR URUS

Rumusan Aktiviti Panel Pelaburan

Dalam keadaan dimana keputusan segera diperlukan, dan mesyuarat tidak dapat diadakan, keputusan boleh dicapai melalui pekeliling kepada setiap ahli Panel Pelaburan. Keputusan yang dicapai melalui pekeliling memerlukan keputusan muktamad dan akan dibentangkan semasa mesyuarat panel yang berikutnya untuk disahkan.

Panel Pelaburan telah mempertimbang dan membincangkan 109 cadangan dimana 104 cadangan telah diluluskan termasuk kelulusan melalui pekeliling.

JAWATANKUASA LEMBAGA

Untuk membantu Lembaga melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga telah melantik beberapa jawatankuasa, seperti Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Imbuan dan Lembaga Perolehan. Kesemua Jawatankuasa Lembaga mempunyai terma rujukan bertulis yang dikaji dari masa ke masa untuk memastikan ianya sentiasa bersesuaian dan terkini.

Aktiviti terperinci Jawatankuasa Lembaga disenaraikan dibawah.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit ditubuhkan untuk memastikan penubuhan dan pelaksanaan sistem kawalan dalaman KWAP.

Keahlian Jawatankuasa Audit

Ketika ini, Jawatankuasa Audit dianggotai oleh empat (4) ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli lain yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Encik Cheah Teik Seng (Pengerusi)
- (ii) YBhg. Datuk Idrus Bin Harun
- (iii) YBhg. Dato' Siow Kim Lun
- (iv) YBhg. Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan

Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan ialah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Enam (6) mesyuarat dan satu (1) mesyuarat khas Jawatankuasa Audit telah diadakan sepanjang tahun 2011.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit:

- (i) Untuk mencadang dan mengkaji peraturan-peraturan kewangan, peraturan perakaunan, dasar dan amalan;
- (ii) Untuk mengkaji dan membincangkan asas dan bidang pelan audit dalaman dan luaran dan memastikan pendekatan selaras antara juruaudit dalaman dan luaran;
- (iii) Untuk mengkaji laporan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan pihak pengurusan dan juruaudit sebelum diluluskan oleh Lembaga;
- (iv) Untuk membincangkan masalah dan keraguan yang timbul daripada audit interim dan audit akhir dan sebarang perkara yang juruaudit mahu bincangkan (bila diperlukan semasa ketiadaan pihak pengurusan);
- (v) Untuk mengkaji pemerhatian audit oleh audit luaran dan tindakan susulan;
- (vi) Mempertimbangkan tindakan susulan pihak pengurusan terhadap keputusan laporan audit dan pengesahan audit;
- (vii) Untuk mengarahkan siasatan khas dijalankan oleh juruaudit dalaman dan mengkaji penemuan juruaudit dalaman;
- (viii) Untuk menimbangkan sebarang urusanniaga pihak berkaitan yang akan muncul didalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan);

PENYATA TADBIR URUS

- (ix) Untuk menyediakan penilaian bebas berkenaan kecukupan dan kebolehpercayaan proses dan sistem pengurusan risiko terhadap pengawalan dalaman dan pematuhan dengan dasar risiko, undang-undang, garis panduan dalaman dan kawal selia;
- (x) Untuk mengkaji perubahan Prosedur Kewangan; dan
- (xi) Untuk mempertimbangkan isu-isu lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

Juruaudit luaran Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ialah Ketua Audit Negara seperti yang ditetapkan oleh Akta Badan-Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240).

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Audit

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Encik Cheah Teik Seng (Pengerusi)	6/7
2.	Datuk Idrus Bin Harun	6/7
3.	Dato' Siow Kim Lun	6/7
4.	Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan	7/7

* Atas sebab tertentu, Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan telah menggantikan Encik Cheah Teik Seng sebagai Pengerusi pada mesyuarat Khas Jawatankuasa Audit.

Rumusan Aktiviti Jawatankuasa Audit

Antara isu utama / cadangan yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit ialah:

- (i) Pelantikan Juruaudit untuk Tahun Kewangan 2011 dan Tahun Kewangan 2012;
- (ii) Pelan Audit Dalaman 2011 dan 2012; dan
- (iii) Penyata Kewangan KWAP bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah ditubuhkan untuk membantu Lembaga menjalankan tugas-tugas berkaitan pengurusan risiko.

Keahlian Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Ketika ini, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dianggotai oleh empat (4) ahli Lembaga dan seorang (1) ahli Panel Pelaburan, iaitu Pengerusi dan empat (4) ahli lain yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Muhammad Bin Ibrahim (Pengerusi)
- (ii) Dato' Siow Kim Lun
- (iii) Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim
- (iv) Encik Cheah Teik Seng
- (v) Dato' Azian Mohd Noh

Empat (4) mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah diadakan sepanjang tahun 2011.

PENYATA TADBIR URUS

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Berikut ialah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

- (i) Untuk membentuk dan menjalankan strategi dan dasar pengurusan risiko;
- (ii) Untuk menilai dan meluluskan cadangan dasar dan prosedur pengurusan risiko dalam perniagaan dan risiko kewangan seperti risiko pasaran, risiko kredit, risiko strategik dan risiko pengendalian;
- (iii) Untuk mengenal pasti keinginan / kemampuan / had pengambilan risiko oleh Lembaga;
- (iv) Untuk mengukur / menilai dasar semasa dan baru, mengawal dan mencadang kepada Lembaga untuk pindaan terakhir, kelulusan dan penerimaan;
- (v) Untuk memastikan kecukupan dasar dan sistem pengurusan risiko dan memastikan takat keberkesanan operasi;
- (vi) Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang ada telah bersedia untuk mengenal, mengukur, memerhati dan mengawal risiko;
- (vii) Untuk menetapkan pendedahan risiko KWAP dan aktiviti pengurusan risiko;
- (viii) Untuk merumuskan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (PKP);
- (ix) Untuk mencadangkan kepada Lembaga sebarang perubahan Rangka Kerja Pengurusan Risiko; dan
- (x) Untuk mempertimbangkan isu berkaitan risiko yang lain mengikut apa yang ditetapkan oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Muhammad Bin Ibrahim (Pengerusi)	4/4
2.	Dato' Siow Kim Lun	3/4
3.	Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim	4/4
4.	Encik Cheah Teik Seng	2/4
5.	Dato' Azian Mohd Noh	4/4

Rumusan Aktiviti Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Antara isu utama yang dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko pada tahun 2011 ialah:

- (i) Profil Risiko Korporat
- (ii) Prestasi Dana dan Laporan Risiko Pasaran Dana
- (iii) Dasar Had 'Counterparty'
- (iv) Cadangan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Strategik
- (v) Pendedahan Pelaburan Kumpulan
- (vi) Laporan Pematuhan
- (vii) Makluman Kejadian Risiko Operasi
- (viii) Laporan Pelaksanaan Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

JAWATANKUASA IMBUHAN

Jawatankuasa Imbuhan ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tugas dengan tanggungjawab utama untuk mengadakan dasar rangka kerja yang berkaitan dalam menentukan pelantikan dan imbuhan pihak pengurusan dan kakitangan KWAP dan mencadangkan kepada Lembaga Imbuhan berkaitan prestasi kepada kakitangan yang berkenaan.

PENYATA TADBIR URUS

Keahlian Jawatankuasa Imbuan

Ketika ini, Jawatankuasa Imbuan terdiri daripada lima (5) ahli Lembaga dan seorang (1) ahli Panel Pelaburan, iaitu Pengerusi dan lima (5) ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Datuk Idrus Bin Harun (Pengerusi)
- (ii) Dato' Siow Kim Lun
- (iii) Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohd Raslan
- (iv) Dato' Seri Mohammed Azlan Bin Hashim
- (v) Dato' Omar Bin Osman
- (vi) Dato' Azian Mohd Noh

Satu (1) mesyuarat dan satu (1) mesyuarat khas Jawatankuasa Imbuan telah diadakan sepanjang tahun 2011.

Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Imbuan

Berikut ialah tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Imbuan:

- (i) Untuk mencadang keperluan minimum kemahiran, pengalaman, kelayakan dan kemahiran utama yang lain untuk pegawai dan kakitangan;
- (ii) Untuk mencadang dan menilai terma dan syarat pekerjaan dan perkhidmatan pegawai dan kakitangan;

- (iii) Untuk mencadang dan menilai tatakelakuan dan disiplin pegawai dan kakitangan;
- (iv) Untuk mencadang mekanisma penilaian formal keatas keberkesanan pegawai dan kakitangan;
- (v) Untuk mencadangkan kenaikan pangkat pegawai dan kakitangan;
- (vi) Untuk mencadang dasar rangka kerja yang berkaitan untuk menentukan imbuan (kewangan dan bukan kewangan) pegawai dan kakitangan;
- (vii) Untuk mencadangkan struktur perjanjian / prinsip perkhidmatan untuk pegawai dan kakitangan termasuk imbuan persaraan dan penamatan perkhidmatan;
- (viii) Untuk membuat penilaian tahunan dan mencadang dasar keseluruhan imbuan pegawai pengurusan utama untuk memastikan imbuan adalah setara dengan sumbangan mereka terhadap perkembangan dan keuntungan KWAP;
- (ix) Untuk membuat penilaian tahunan prestasi pengurusan dan mencadang kepada Lembaga pelarasan khusus imbuan dan / atau bayaran imbuan sekiranya ada, yang setara dengan sumbangan mereka selama setahun; dan
- (x) Untuk menimbangkan isu lain yang dikenal pasti oleh Lembaga.

Kehadiran Mesyuarat Jawatankuasa Imbuan

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Datuk Idrus Bin Harun (Pengerusi)	2/2
2.	Dato' Siow Kim Lun	2/2
3.	Dato' Seri Ahmad Johan Bin Mohammad Raslan	0/2
4.	Dato' Mohammed Azlan Bin Hashim	1/2
5.	Dato' Omar Bin Osman	2/2
6.	Dato' Azian Mohd Noh	2/2

PENYATA TADBIR URUS

Rumusan Aktiviti**Jawatankuasa Imbuhan**

Antara cadangan yang dipertimbang dan disahkan oleh Jawatankuasa Imbuhan pada tahun 2011 adalah:

- (i) Pelantikan kakitangan dan polisi sumber manusia untuk anak syarikat KWAP di United Kingdom, iaitu Prima Ekuiti (UK) Limited;
- (ii) Skim Bantuan Pelajaran KWAP; dan
- (iii) Pindaan Skim Gaji untuk Kakitangan Bukan Eksekutif KWAP.

LEMBAGA PEROLEHAN

Lembaga Perolehan ditubuhkan untuk membantu Lembaga dalam menjalankan tugas berkaitan penilaian cadangan perolehan.

Keahlian Lembaga Perolehan

Ketika ini, Lembaga Perolehan terdiri daripada empat (4) ahli Lembaga, iaitu Pengerusi dan tiga (3) ahli yang dilantik oleh Lembaga:

- (i) Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah (Pengerusi)
- (ii) Datuk Idrus Bin Harun
- (iii) Dato' Yeow Chin Kiong
- (iv) Dato' Azian Mohd Noh

Dua (2) mesyuarat Lembaga Perolehan telah diadakan sepanjang tahun 2011.

Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Berikut adalah antara tugas dan tanggungjawab Lembaga Perolehan:

- (i) Untuk menilai pendaftaran penender dengan Kementerian Kewangan dan Pusat Khidmat Kontraktor, iklan pelawaan tender, spesifikasi tender, dokumen tender (sekiranya perlu), penyediaan jadual tender oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian teknikal dan laporan penilaian kewangan, dan lain-lain;

- (ii) Untuk memastikan proses perolehan mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa;
- (iii) Untuk menilai keupayaan teknikal dan kewangan penender;
- (iv) Untuk menilai dan mencadang pemberian tender yang paling menguntungkan KWAP, setelah mengambil kira faktor-faktor seperti harga, penggunaan produk / barangan dan/atau perkhidmatan, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyenggaraan dan beberapa faktor lain yang berkaitan;
- (v) Untuk memutuskan proses tender semula atau mencadangkan kaedah perolehan yang lain, sekiranya Lembaga Perolehan mendapati prosedur perolehan tidak selari dengan peraturan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku dalam proses tender;
- (vi) Untuk menimbang dan menyetujui terima tender sekiranya mendapat persetujuan sebulat suara selaras dengan had nilai yang dibenarkan;
- (vii) Untuk menimbang dan menyetujui terima sebarang sebutharga yang melebihi had nilai sebut harga setelah diperakui oleh Jawatankuasa Sebutharga; dan
- (viii) Untuk menimbangkan isu perolehan yang lain yang dikenal pasti oleh Lembaga.

PENYATA TADBIR URUS

Kehadiran Mesyuarat Lembaga Perolehan

NO	NAMA	KEHADIRAN
1.	Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah (Pengerusi)	0/2*
2.	Datuk Idrus Bin Harun	2/2
3.	Dato' Yeow Chin Kiong	2/2
4.	Dato' Azian Mohd Noh	2/2

* Ketidakhadiran Dato' Dr. Mohd Irwan Serigar Bin Abdullah untuk kesemua mesyuarat adalah disebabkan oleh tugas rasmi dan mengerjakan ibadah Haji pada November – Disember 2011. Kedua-dua mesyuarat dipengerusikan oleh Pengerusi Gantian, Datuk Idrus Bin Harun.

Rumusan Aktiviti Lembaga Perolehan

Antara cadangan perolehan yang dibincang dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan pada tahun 2011 ialah:

- Pelantikan pembekal untuk membekal, memasang, menguji dan melaksanakan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu KWAP.
- Perlantikan pembekal untuk membekal, memasang, menguji dan melaksanakan Sistem Risiko, Pencapaian dan Strategi KWAP.

PELANTIKAN DAN SARAAN LEMBAGA DAN AHLI-AHLI PANEL PELABURAN

Lembaga dan Panel Pelaburan dilantik untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, dan setelah tamat tempoh layak untuk dilantik semula. Saraan untuk Lembaga dan Panel Pelaburan ditentukan dari masa ke semasa, bergantung kepada kelulusan oleh Menteri Kewangan.

Pada tahun 2011, Lembaga dan Panel Pelaburan menerima elaun dan saraan masing-masing berjumlah RM353,400.00 dan RM319,150.00.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

TANGGUNGJAWAB

Lembaga secara keseluruhannya bertanggungjawab terhadap integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko KWAP. Kedua-dua proses tersebut disediakan untuk mengurus dan mengurangkan risiko dalam lingkungan kadar risiko yang boleh diterima sementara mematuhi segala dasar, objektif dan mandat status pihak berkuasa KWAP.

Sistem kawalan dalaman membantu memberi keyakinan bersesuaian, tetapi bukan jaminan mutlak, terhadap sebarang salah lapor, salah urus atau kerugian dan seterusnya melindungi harta KWAP. Lembaga telah menyediakan proses berterusan untuk menilai keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman melalui pengenalan, penilaian dan pengurusan risiko yang dihadapi oleh KWAP.

Sistem pengurusan dalaman dikaji semula dan dikemaskini, sekiranya perlu, bila berlaku sebarang perubahan persekitaran perniagaan dan profil risiko yang dihadapi oleh KWAP. Pihak pengurusan membantu Lembaga dalam melaksanakan dasar, prosedur dan proses serta penambahan keupayaan kewangan dan operasi sedia ada untuk mengurangkan dan meminimumkan risiko. Lembaga mengesahkan bahawa sistem kawalan dalaman KWAP yang bersesuaian dan mencukupi telah terlaksana.

Proses Kawalan Dalaman Utama

Polisi, proses dan prosedur utama berikut telah dilaksanakan untuk menilai keberkesanan dan integriti sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko KWAP:

- Lembaga KWAP bertanggungjawab terutamanya dalam penubuhan dan kelulusan polisi dan garis panduan pelaburan, pengagihan aset dan arah strategik pelaburan yang selari dengan mandat dan objektif KWAP;
- Jawatankuasa Audit ditubuhkan untuk memastikan penyediaan, kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman serta pelaksanaan tanggungjawab tugas pengurusan;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan untuk membantu Lembaga menjalankan fungsi pengurusan risiko serta penyediaan dan pelaksanaan strategi dan polisi pengurusan risiko. Polisi dan garis panduan tersebut menjadi asas untuk aktiviti pengurusan risiko KWAP;

PENYATA KAWALAN DALAMAN

- Jawatankuasa Pelaburan terdiri daripada kakitangan utama yang bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan mengesyorkan hal-hal pelaburan kepada Panel Pelaburan;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Perusahaan ('Enterprise Risk Management Committee') bertanggungjawab untuk mempertimbangkan strategi, polisi dan garis panduan pengurusan risiko sebelum diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Antara tugas Jawatankuasa ini adalah untuk mengkaji dan menilai pendedahan risiko KWAP sebelum keputusan kawalan risiko yang paling sesuai diambil. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memastikan kesediaan struktur asas, sumber dan sistem untuk pengurusan risiko yang berkesan;
- Jawatankuasa Eksekutif bertanggungjawab terutamanya keatas pelaksanaan dan penilaian serta keberkesanan komunikasi mengenai keputusan utama operasi dan pengurusan KWAP;
- Pelan perniagaan dan bajet tahunan KWAP disediakan dan dibentang untuk kelulusan Lembaga;
- Prestasi sebenar KWAP dinilai secara bulanan berdasarkan pelan perniagaan dan bajet yang telah diluluskan oleh Lembaga dimana perbezaan ketara, sekiranya ada, dijelaskan oleh pihak pengurusan kepada Lembaga KWAP;
- Panduan yang bersesuaian mengenai pengambilan dan penamatan pekerja, penghindaran kepentingan bertindih, pengisytiharan harta dan tanggungan, penilaian prestasi kakitangan pertengahan tahun dan tahunan serta program latihan direka untuk memastikan kecekapan, keupayaan dan prestasi warga kerja dalam menjalankan tanggungjawab secara profesional; dan

- Dasar, peraturan dan proses direkodkan dalam panduan dan garis panduan operasi dan dikaji semula secara berkala. Rekod-rekod tersebut dijadikan panduan untuk memastikan pematuhan terhadap sistem kawalan dalaman.

Audit Dalaman

Audit dalaman merupakan fungsi sokongan kepada Jawatankuasa Audit dalam mengesahkan keberkesanan rekabentuk dan operasi sistem kawalan dalaman. Audit dalaman juga memberi sokongan terhadap pembaikan berterusan keseluruhan sistem dan pengurusan bijaksana operasi KWAP. Ini dijalankan melalui penilaian bebas dan objektif terhadap kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko serta prosedur dan proses lain yang diwujudkan oleh pengurusan. Audit dalaman juga memberi, bila perlu, nasihat terhadap sistem kawalan dalaman, langkah-langkah pengurangan risiko yang dikenal pasti dan pengurusan perniagaan yang bersesuaian dan memastikan rekabentuk dan operasi berkesan telah diwujudkan oleh pihak pengurusan.

Tetuan KPMG telah dilantik oleh Lembaga untuk melaksanakan fungsi audit dalaman KWAP untuk tahun kewangan 2011 setelah dicadangkan oleh pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit. Sebagai juruaudit dalaman yang dilantik, tetuan KPMG melaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit selaras dengan pelan Audit dalaman yang diluluskan oleh Lembaga serta terma dan syarat-syarat audit yang dipersetujui. Pendekatan audit yang dijalankan oleh tetuan KPMG adalah merangkumi prosedur berikut:

- Memahami proses dalaman bidang yang diaudit;
- Gambaran umum operasi perniagaan harian dan prosedur;
- Taksiran risiko perniagaan berkaitan dengan proses;
- Penilaian kawalan sedia ada serta pengenalan jurang prestasi, sekiranya ada; dan

PENYATA KAWALAN DALAMAN

- Mencadangkan kawalan dalaman dan langkah-langkah pengurangan risiko yang dikenal pasti.

Hasil lawatan kerja audit oleh Tetuan KPMG dimasukkan ke dalam laporan audit yang menunjukkan keberkesanan sistem kawalan dalaman keseluruhan dan risiko utama serta tindak balas pengurusan dan tindakan penambahbaikan terhadap isu audit, penemuan dan pemerhatian. Jawatankuasa Audit mengkaji semula secara berkala dan menilai secara keseluruhan perkhidmatan Tetuan KPMG.

Tinjauan Audit Dalaman KWAP untuk Tahun Kewangan 2011

Tinjauan audit dalaman KWAP untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011 dijalankan oleh tetuan KPMG merangkumi aktiviti operasi dan sistem kawalan dalaman aktiviti pelaburan, iaitu ekuiti dan pendapatan pelaburan tetap. Ini meliputi permulaan transaksi pelaburan di jabatan pelaburan sehingga penyudahan transaksi di bahagian operasi KWAP. Kerja lawatan dan audit terhadap bidang yang diaudit dijalankan oleh Tetuan KPMG.

Matlamat utama tinjauan audit oleh Tetuan KPMG adalah untuk mengesahkan dan menilai keberkesanan kawalan dalaman sedia ada, mengemukakan cadangan untuk memperkukuhkan kawalan dalaman sedia ada bagi bidang yang diaudit serta mengenal pasti tindakan pembaikan yang diambil oleh pengurusan ke atas penemuan atau isu audit dalaman tahun sebelumnya, sekiranya ada. Laporan audit yang disediakan oleh Tetuan KPMG dikaji semula dan dinilai oleh Jawatankuasa Audit, dengan memastikan langkah penambahbaikan diambil dan dilaksanakan oleh pihak pengurusan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

KWAP sentiasa memberi fokus kepada peningkatan proses kawalan dalaman dan mekanisma berkaitan sepanjang tahun 2011, dengan mengambil kira penemuan serta isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak audit dalaman dalam tahun sebelumnya. Pembaikan proses dan mekanisma kawalan dalaman adalah selaras dengan jangkaan Tetuan KPMG seperti yang dibincangkan dalam laporan audit mereka. Pengurangan bilangan penemuan audit atau isu yang dibangkitkan membuktikan penambahbaikan keseluruhan sistem kawalan dalaman KWAP. Dasar, prosedur dan mekanisma utama berikut telah dilaksanakan untuk menambahbaikan sistem kawalan dalaman KWAP sepanjang tahun 2011:

- Penambahbaikan ke atas garis panduan pelaburan dan operasi pengurus dana luaran dan Prosedur Operasi perniagaan KWAP;
- Penambahbaikan ke atas struktur pelaporan kedudukan pelaburan;
- Proses pengisytiharan konflik kepentingan oleh ahli Lembaga, Panel Pelaburan dan pekerja KWAP;
- Peningkatan Struktur Pengurusan Risiko untuk pengawalan risiko secara berkesan serta mengurangkan risiko di KWAP; dan
- Melaksanakan etika kerja ('Code of Conduct') untuk pekerja yang terlibat dalam aktiviti pelaburan dan 'Whistle Blowing Policy', bertujuan untuk memupuk suasana korporat yang sihat dan profesional melalui pembentukan kesedaran terhadap etika kerja dan prinsip yang perlu dipatuhi dalam menjalankan tugas secara profesional.

Seksyen PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

- 065** Persekitaran Operasi Kami
- 067** Rumusan Operasi dan Pencapaian 2011
 - 075** Pelaburan
 - 091** Pengurusan Caruman
 - 095** Ulasan Operasi Jabatan
 - 106** Ulasan Operasi dan Pencapaian Tahun 2011
- 107** Kad Skor Korporat Untuk 2012
- 110** Ringkasan Pelan Korporat 2012-2014

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Pasaran kewangan sedunia menyaksikan ketidaktentuan dalam tahun 2011, berpunca dari pelbagai malapetaka serius secara berterusan. Kebangkitan bangsa Arab, gempa bumi yang melanda Jepun dan kebangkitan semula krisis hutang Greek dan Eropah secara kelompok mencetuskan impak ke atas ekonomi dan pasaran sedunia. Penurunan dalam penarafan kredit Negara dari gred AAA dalam bulan Ogos, telah merubah kedudukan dominan Amerika Syarikat (AS).

Pergolakan politik di Afrika Utara dan Timur Tengah telah meningkat secara serius tahun lepas, mengakibatkan peningkatan harga minyak, terutamanya pada bulan Februari, Mac dan April. Harga minyak seterusnya turun semula, kepada kadar harga setanding pada permulaan tahun. Peningkatan harga minyak dan komoditi lain menyumbang kepada penambahan tekanan inflasi, di mana telah memaksa Bank Pusat di negara-negara membangun mengambil langkah berjaga-jaga.

Kejadian gempa bumi berskala besar yang melanda Jepun pada bulan Mac, tidak hanya menyebabkan kemelesetan ekonomi Jepun, malah memberi kesan terhadap rangkaian bekalan komponen, terutamanya industri otomobil dan elektronik. Rentetan peristiwa bencana ini memberi kesan negatif terhadap pengeluaran industri dan menyebabkan tekanan ke seluruh dunia dan tidak ketinggalan juga, Malaysia.

Disebabkan harga minyak yang tinggi dan beberapa bencana melanda Jepun, ekonomi global mula menunjukkan tanda kadar penurunan bermula April. Hasilnya, kebanyakan Bank Pusat di negara membangun meneruskan permulaan polisi pemulihan. Perbezaan ketara dalam aspek ini dapat dilihat dengan Bank Pusat di negara maju, yang menumpukan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi. Cuaca buruk dan kekerapannya serta keadaan luar biasa bencana alam merentasi dunia tahun ini dengan kesan inflasi disebabkan bekalan.

Walaupun demikian, bermula bulan April dan seterusnya, huru-hara muncul semula dan kali ini melibatkan pasaran bon kerajaan di Eropah. Spekulasi penyusunan semula hutang Greek muncul kembali, menyebabkan perbezaan hasil di ekonomi yang tertekan iaitu Greek, Irish dan Portugis mula meningkat dengan ketara berbanding dengan hasil bon kerajaan Jerman yang lebih selamat.

Semenjak dari itu, ekonomi global semakin lemah dan terpesong, menyebabkan penurunan yang ketara terhadap tahap keyakinan perniagaan dan pengguna. Beberapa petunjuk ekonomi utama memuncak dan momentum pusingan menjadi lemah menyebabkan tekanan meningkat ke atas harga bon kerajaan. Pasaran ekuiti menyaksikan pusingan tumpuan dari sektor cyclical ke sektor defensif. Prospek perkembangan yang lebih lemah ini telah mengakibatkan kejatuhan harga minyak.

Dengan kerunsingan berterusan ke atas masalah ekonomi dunia dengan kepelbagaian cabaran dari semua sudut, pasaran kewangan menjadi lebih terumbang ambing, lalu mencetuskan penjualan secara besar dalam aset berisiko diseluruh dunia. Malah, keadaan politik juga tidak dapat membantu keadaan ini.

PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Dengan keadaan persekitaran ekonomi yang mencabar, ekonomi Malaysia terus berkembang pada 2011. KDK sebenar berkembang pada kadar 5.10% dalam tahun 2011 dengan permintaan dalaman menjadi pemangkin pertumbuhan yang utama. Teras utama keadaan ini adalah permintaan swasta dibantu dengan peningkatan pelaburan swasta, sumbangan komitmen kerajaan untuk menyokong program transformasi ekonomi negara, melalui ETP dan GTP.

Bagi separuh tahun pertama 2011, pasaran ekuiti Malaysia menunjukkan ketahanan mudah pulih berbanding kelemahan dan ketidaktentuan ekonomi sedunia. Peningkatan dalam aliran masuk portfolio pelaburan yang ketara pada awal 2011 membuktikan minat pelabur terhadap aset berisiko. Jangkaan pertumbuhan positif di Asia berbanding ekonomi maju meningkatkan lagi permintaan Ringgit serta matawang serantau. Pemulihan aras kadar faedah di Asia memberi dorongan kepada para pelabur terhadap aset di Asia. Dalam pasaran tetap tempatan, jangkaan tersebut menyaksikan minat yang ketara terhadap SKM yang mengakibatkan penurunan jangka pendek.

Walaupun mencapai tahap tertinggi pada 1,594.74 mata di bulan Julai, penjualan besar-besaran terhadap ekuiti global menyaksikan pembetulan pasaran yang ketara di bursa tempatan. Ketidaktentuan yang berterusan di Eropah serta penurunan ketara dalam kedudukan penarafan AS masih berkeluasa di dunia. Perubahan sentimen yang ketara ini diikuti dengan aliran besar dari aset berisiko, kembali kepada aset selamat seperti bil khazanah AS dan matawang dollar AS. Penyusutan dalam nilai Ringgit Malaysia pada kadar terendah 3.20 terhadap matawang dollar AS dari kadar 2.94 menunjukkan kebimbangan para pelabur terhadap keadaan ekonomi global serta impaknya terhadap ekonomi negara khususnya kepada negara-negara membangun.

Prospek pertumbuhan global akan terus berlandaskan kepada pemulihan yang lemah dan momentum tersekat ekonomi negara maju. Sementara prospek untuk negara membangun dijangka positif berbanding dengan negara maju, pertumbuhan ekonomi adalah masih tidak menentu. Seruan untuk kawalan fiskal dan disiplin antara ekonomi negara maju akan terus diberi tumpuan. Walau bagaimanapun, penyelesaian bagi penamatan krisis di Eropah dan AS masih menjadi kemungkinan yang jauh.

Bagi Malaysia, permintaan dalaman akan terus menjadi asas perkembangan bagi tahun 2012 didokong oleh pertumbuhan dalam permintaan swasta dan trend positif dalam pelaburan. Insentif fiskal kerajaan yang diberi melalui Belanjawan 2012 dijangka dapat memberi ketahanan yang mencukupi untuk negara menghadapi cabaran persekitaran luaran yang lemah. Memandangkan keadaan tahap kecairan tinggi, kemungkinan peningkatan volatiliti dalam pasaran kewangan sedunia tidak boleh dinafikan. Sebaliknya, keadaan sedemikian juga memberi peluang pelaburan kepada pelabur jangka panjang seperti KWAP.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Semenjak ditubuhkan pada 2007, KWAP telah mencapai perkembangan pesat kearah menyediakan segala struktur operasi yang diperlukan untuk mengerakkan organisasi ketahap yang seterusnya. Tumpuan pada 2011 adalah kombinasi penambahbaikan terhadap usaha yang dimulakan pada tahun sebelumnya serta inisiatif baru dimana tempoh siapnya melepasi 2012.

Secara umumnya, pencapaian sasaran pulangan keatas pelaburan, langkah meningkatkan penjagaan modal, meningkatkan kepelbagaian portfolio, melaksanakan inisiatif pelaburan baru, menambahbaik amalan pengurusan

pelaburan, memperkukuhkan amalan pengurusan risiko, meningkatkan amalan operasi, amalan tadbir urus dan amalan pengurusan kepakaran adalah objektif utama perniagaan yang telah ditetapkan pada 2011.

Seksyen ini menyediakan rumusan operasi kami pada 2011 dan pencapaian bersandarkan Kad Skor Korporat 2011. Objektif utama perniagaan seperti yang ditetapkan diatas, diguna sebagai asas rumusan Petunjuk Utama Prestasi 2011 yang membolehkan kami memantau kemajuan yang dilakukan ke arah mencapai visi dan misi kami yang mana akhirnya, memenuhi mandat kami.

Pencapaian

Sorotan pencapaian kami dirumuskan dalam Kad Skor Korporat 2011 seperti dibawah:

Objektif Pihak Berkepentingan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
1. Meningkatkan saiz dana	a) Peratusan pertumbuhan saiz dana	a) Saiz dana bertambah (pada kos) sekitar 11% dari anggaran baki pembukaan 2011	a) Mengatasi sasaran Di peringkat syarikat Saiz dana bertambah dari RM70.52 bilion kepada RM78.93 bilion mewakili 11.9% kadar pertumbuhan atau RM8.41 bilion Di peringkat kumpulan Saiz dana bertambah dari RM72.79 bilion kepada RM81.26 bilion mewakili 11.6% kadar pertumbuhan atau RM8.49 bilion
2. Pengurusan liabiliti aset	b) Penyempurnaan inisiatif yang dikenal pasti	b) i) Melaksanakan keputusan Kabinet berkenaan 'Pension Liability Study' ii) Penyempurnaan Fasa 2 Kajian SAA	Inisiatif akan disambung pada 2012 • Pelaksanaan telah ditangguhkan oleh Kerajaan Sebahagian sasaran dicapai 60% disempurnakan setakat 31 Disember 2011 disebabkan perluasan skop tugas

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
1. Mencapai ROI yang disasar	a) ROI di peringkat dana melebihi penanda aras (purata 3 tahun bagi 10 tahun MGS + 100 sistem mata asas) dan KDNK 2011	a) ROI 5.50%	a) Mengatasi sasaran Di peringkat KWAP ROI kasar adalah 6.30%, yang mengatasi: - Penanda aras, sebanyak 133 mata asas (penanda aras asal adalah 4.97% - KDNK 2011, sebanyak 120 mata asas (KDNK 2011 adalah 5.1%) Di peringkat kumpulan ROI kasar adalah 6.75%
	b) Penanda aras khas (purata wajaran dari penanda aras kesemua kelas aset)	b) Mencapai penanda aras khas tersebut	Mengatasi sasaran Jumlah TWRR sebanyak 5.30% mengatasi penanda aras khas sebanyak 203 mata asas (penanda aras khas adalah 3.27%)
2. Meningkatkan langkah-langkah penjagaan modal	% saiz dana dalam nilai dikurangkan secara kekal	Kurang dari 1% dari saiz keseluruhan dana (pada kos)	Mencapai sasaran Tiada pengurangan secara kekal dalam 2011
3. Memperluaskan kepelbagaian portfolio	RM juta	Mencapai sasaran jumlah penggunaan untuk: i) Ekuiti antarabangsa: USD100 juta melalui pengurus dana luaran dan USD100 juta melalui pengurus dalaman ii) Pendapatan tetap antarabangsa: USD100 juta melalui pengurus dana luaran Mencapai sasaran jumlah penggunaan untuk: iii) Hartanah - berjumlah RM945 juta	Mencapai sebahagian sasaran - Melabur USD100 juta menerusi State Street Global Advisor untuk mandat pasif MSCI Asia ex Japan - Mandat aktif bagi pengurus dana luaran untuk MSCI Asia ex Japan: proses pemilihan telah dilengkapkan pada 2011, dan perantikan akan diselesaikan pada suku kedua 2012 - Infrastruktur telah disediakan untuk penggunaan pengurus dana dalaman disasarkan siap di suku kedua 2012 Mencapai sasaran - Melaburkan USD100 juta dalam mandat Sukuk Global Mengatasi sasaran - Pembelian 20 Bridge Street, Sydney bernilai RM623 juta pada Disember 2011 - Usahasama dengan KWSP untuk pembelian hartanah di UK, di mana sejumlah 7 bangunan telah dibeli sehingga Disember 2011 pada nilai RM1.23 bilion berdasarkan 30% penyertaan ekuiti

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
		iv) Dana ekuiti persendirian: USD60 juta Mencapai sasaran jumlah penggunaan untuk: v) Ekuiti Tidak Disenaraikan: RM40 juta	Mengatasi sasaran Melabur dalam empat Dana Ekuiti Persendirian: - Saratoga Asia III L.P: USD20 juta - DragonRider Opportunity Fund II LP: USD20 juta - Advent VI: AUD20 juta - Templeton Strategic Emerging Market IV: USD20 juta Mengatasi sasaran Penyelesaian Perjanjian Langganan Saham disasarkan selesai pada 2012
Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
1. Pelaksanaan inisiatif pelaburan berkaitan pelaburan antarabangsa dan kewangan Islam	a) Bilangan inisiatif yang disempurnakan	a) 5 inisiatif	Mengatasi sasaran Inisiatif yang dilaksanakan berikut: i) Memperluas ekuiti antarabangsa - Menubuhkan Jabatan Ekuiti Antarabangsa - Menubuhkan keperluan kritikal operasi untuk menyokong pelaburan antarabangsa - Menubuhkan Polisi Pertukaran Matawang Asing serta Polisi dan Garis Panduan Pelaburan Ekuiti Antarabangsa - Memulakan penubuhan fungsi pertukaran asing - Memulakan kerja-kerja awal untuk pelaburan dalam pasaran ekuiti UK (FTSE100) - Mendapatkan Pengecualian Imuniti Berdaulat dari Pihak Berkuasa Cukai UK yang mengecualikan KWAP dari cukai pendapatan, cukai korporat dan cukai pendapatan modal bagi sebarang pelaburan yang dilakukan

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
			Melaksanakan inisiatif berikut: ii) Kewangan Islam <i>Berdasarkan Pelan Perniagaan 2011</i> • Memuktamadkan dua transaksi • Melakukan pelaburan melalui dua instrumen baru di bawah Pendapatan Tetap - pelaburan Bon Waqala Sukuk Bhd dan Range Accruals
2. Memperbaiki tatacara pengurusan pelaburan	a) Peratusan (%) cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan b) Jumlah inisiatif yang dijalankan	a) 90% jumlah kelulusan b) 5	Mengatasi sasaran Mencapai 95% jumlah kelulusan (104 dari 109 cadangan) Mencapai sasaran <i>Berdasarkan Pelan Perniagaan 2011</i> i) Menubuhkan Jabatan Pelaburan Alternatif ii) Melaksanakan Analisis Pelaburan & <i>Dashboard</i> Pemantauan iii) Mengeluarkan laporan atribusi prestasi bulanan untuk pengurus ekuiti dalaman dan pendapatan tetap serta pengurus dana luaran domestik iv) Menyiapkan strategi kepelbagaian portfolio ekuiti persendirian <i>Inisiatif baru yang diperkenalkan di tahun 2011</i> i) Menubuhkan Manual Kredit untuk mentadbir proses penilaian kredit bagi Pendapatan Tetap ii) Melaksanakan Tadbir Urus Korporat KWAP: Prinsip dan Garis Panduan Pengundian (garis panduan menyeluruh untuk pengundian di AGM/EGM syarikat-syarikat yang dilabur)

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
3. Memperkukuhkan praktis pengurusan risiko			
a) Keberkesanan Pelan Kesenambungan Perniagaan	a) % hasil yang disasarkan	a) Mencapai 90% hasil sasaran	Mencapai sasaran Mencapai 90% hasil sasaran
b) Keberkesanan Laporan Insiden Operasi (ORE)	b) % ORE yang ditangani	b) 100% ORE yang dilaporkan berjaya ditangani	Mencapai sasaran 21 ORE dilaporkan dan kesemuanya ditangani dalam masa yang diperuntukkan
c) Melaksanakan inisiatif berkaitan risiko	c) Jumlah inisiatif yang dilaksanakan	c) 5	Mencapai sebahagian sasaran i) Strategi Portfolio Prestasi Risiko Pelaksanaan sistem ditunda ke 2012 berikutan tangguhan masa dalam mendapatkan kelulusan tender yang terhad serta mendapatkan vendor luar negara Rundingan dengan vendor dipilih sedang dijalankan dan ia dijangka selesai dalam suku pertama 2012 ii) Menjalankan kitaran risiko audit (LCRA) untuk 6 proses utama perniagaan iii) Menyelesaikan inisiatif IT yang membentuk sebahagian dari tatacara pengukuhan pengurusan risiko: • Mereka semula sistem jaringan IT • Memasang perisian pematuhan dan tadbir urus sekuriti • Menaiktaraf pusat data iv) Menjalankan Sistem Perusahaan Pengurusan Risiko untuk 5 jabatan

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
4. Menambahbaikkan kecekapan operasi & tatacara tadbir urus korporat			
a) Pematuhan	i) % kadar pematuhan ke atas perundangan/peraturan	i) 100% pematuhan ke atas perundangan/peraturan	Mencapai sasaran Tiada ketidak patuhan perundangan/peraturan dilaporkan
	ii) % operasi isu-isu ketidak patuhan yang diselesaikan dalam jangkamasa yang ditetapkan	ii) 100% isu ketidak patuhan diselesaikan dalam jangkamasa yang ditetapkan	Mencapai sasaran 100% dicapai; kesemua isu ketidak patuhan telah berjaya diselesaikan
	iii) % pemantauan audit	iii) 100% pemantauan audit diselesaikan dalam jangkamasa yang ditentukan	Semua kecuali satu pemantauan audit berjaya diselesaikan dalam jangkamasa yang ditentukan
	iv) Pendapat juruaudit berkanun	iv) Sijil Audit Bersih untuk Penyata Kewangan	Mencapai sasaran Mendapat Sijil Audit Bersih untuk Penyata Kewangan 2010 pada 6 April 2011
b) Pengurusan caruman	b) Kutipan caruman menepati masa	b) 90% pematuhan dalam tempoh 30 hari	Mengatasi sasaran 95.43% pematuhan dalam jangka masa yang ditentukan
c) Laporan Tahunan	c) Jangkamasa	c) Laporan tahunan dibentangkan di Parlimen pada Sidang Kedua (Jun 2011)	Mencapai sasaran i) Laporan tahunan telah dibentangkan di Parlimen pada 27 Jun 2011 ketika Sidang Kedua (Jun 2011)
d) Melaksanakan inisiatif baru berkaitan penambahbaikan keberkesanan operasi dan amalan tadbir urus	d) Jumlah inisiatif yang dilengkapkan	d) 4	Mencapai sebahagian sasaran Melaksanakan inisiatif berikut: i) Memperkukuhkan fungsi <i>middle office</i> ii) Memperolehi ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti Pelaburan untuk Ekuiti Domestik

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
			Inisiatif yang masih dilaksanakan sehingga 31 Disember 2011: i) Sistem Pengurusan Caruman 40% kadar pelaksanaan setakat 31 Disember 2011; kelewatan adalah kerana proses tender semula ii) Draf semakan semula Akta Kumpulan Wang Persaraan masih menanti kajian terakhir oleh penasihat perundangan luaran
Objektif Perkembangan & Pembelajaran	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
1. Melaksanakan tatacara pengurusan prestasi & modal insan			
a) Proses pengurusan prestasi & pengambilan modal insan	a) i) Kadar penggantian modal insan	a) i) Tidak melebihi 10% daripada modal insan	Mencapai sasaran Tiada perletakan jawatan setakat 31 Disember 2011
	ii) Pencapaian sasaran prestasi	ii) 70% kakitangan diberikan penarafan di atas 3.5 (berasaskan skala dari 1 hingga 5)	Mencapai sasaran
	iii) Jumlah Pelan Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan	iii) Melaksanakan dua pelan	Mengatasi sasaran Tiga pelan pembangunan yang dilaksanakan pada 2011: i) Program Pertukaran Modal Insan ii) Program Pembangunan Individu iii) Program Peningkatan Prestasi

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011


Objektif Perkembangan & Pembelajaran	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan	Prestasi Seluruh Tahun
			iv) Memperluaskan skop Skim Bantuan Kewangan Pendidikan v) Usaha pengambilan warga kerja baru di mana 31 warga kerja direkrut sepanjang 2011 vi) Menjalankan 8 kursus dalaman vii) 2 Siri Kepimpinan viii) 8 Siri <i>Golden Hour</i> dianjurkan, dengan 16 penceramah dari kalangan kakitangan KWAP ix) 11 Sesi Perkongsian Ilmu x) 2 sesi Kes Pembelajaran Pengurusan & 1 tayangan Video Pengurusan
b) Organisasi dengan pembelajaran berterusan	b) Purata jumlah latihan (hari) bagi setiap warga kerja	b) 7 hari latihan untuk setiap warga kerja	Mengatasi sasaran Purata hari latihan adalah 8.7 Inisiatif yang dilakukan berkaitan dengan kepimpinan / pengembangan kemahiran / pembelajaran: i) 4 ahli dari pihak pengurusan telah menghadiri Program Pembangunan Pengurusan Kanan oleh Alumni Harvard Business School Malaysia ii) 3 warga kerja telah menyertai Program Kepimpinan Dale Carnegie untuk meningkatkan kadar perkembangan warga kerja berpotensi iii) Menjalankan 9 program latihan dalaman
2. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)	a) Jumlah inisiatif yang dijalankan	a) 3 program CSR	Mengatasi sasaran i) Menjadi penganjur bersama bagi <i>Asian Pension Fund Roundtable</i> 2011 dengan Pacific Pension Institute, dimana 2 wakil KWAP menjadi penceramah ii) Menyumbangkan 5 artikel ke The Edge Financial Daily iii) Menganjurkan Bengkel Bahasa Inggeris untuk 2 sekolah – SK Salak & SK Bukit Tampoi (A) iv) Menganjurkan Seminar Perancangan Kewangan Persaraan kepada 30 peserta dari Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, MBPJ, Jabatan Akauntan Negara dan LHDN v) Lawatan ke rumah anak-anak yatim Rumah K.I.D.S di USJ Subang Jaya vi) Menganjurkan Cabaran <i>Fit & Fab</i> 2011 dari Jun hingga September 2011 yang melibatkan 18 warga kerja

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN



PRESTASI DANA

KWAP mencatatkan saiz dana berjumlah RM78.93 bilion pada akhir tahun 2011, dimana ianya adalah 12% lebih tinggi dari tahun sebelumnya iaitu RM70.52 bilion. Penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dana ini adalah pendapatan pelaburan sebanyak RM4.66 bilion, diikuti oleh caruman majikan dan Kerajaan Persekutuan masing-masing sebanyak RM2.52 bilion dan RM1.50 bilion.

Sepanjang tempoh lima tahun purata, pertumbuhan dana dicatatkan pada kadar 14% setahun, dengan pendapatan kumulatif daripada pelaburan sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan aset. Secara kumulatif, pendapatan pelaburan telah menyumbang sebanyak 52%, kadar tertinggi berbanding caruman majikan pada kadar 31%. Baki selebihnya 17% lagi adalah disumbangkan oleh caruman kerajaan persekutuan. Pencapaian tahap peningkatan aset yang kukuh merupakan keutamaan untuk membolehkan KWAP memenuhi tanggungjawab pembiayaan liabiliti masa hadapan dengan berkesan.




RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN




Setakat 31 Disember 2011, sejumlah RM52.45 billion (67%) dari dana telah dilaburkan dalam Sekuriti Pendapatan Tetap, RM24.52 billion (31%) dalam Ekuiti dan RM1.66 billion (2%) dalam pelaburan ekuiti dan hartanah. Selain itu, RM5.82 billion telah disalurkan kepada pengurus dana luaran untuk pelaburan pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Pada penghujung 2011, 93% dari dana diurus secara dalaman dan 7% telah diurus secara luaran. KWAP meneruskan program pelaburan antarabangsanya merangkumi pelbagai jenis aset, dimana dapat dilihat peningkatan yang ketara kepada RM3.06 billion pada penghujung Disember 2011.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

PENDAPATAN PELABURAN KASAR



Pada 2011, KWAP mencatatkan pendapatan pelaburan kasar yang direalisasikan berjumlah RM4.66 bilion. Ini adalah peningkatan sebanyak RM40 juta atau 0.9% berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM4.62 bilion. Ekuiti domestik menyumbang pendapatan kasar sebanyak RM2.18 bilion merangkumi 47% dari pendapatan keseluruhan. Pinjaman dan SHP menjana pendapatan sebanyak RM1.00 bilion, Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM903 juta, pasaran kewangan sebanyak RM456 juta dan ekuiti swasta dan hartanah sebanyak RM94 juta.



* Peningkatan dicapai walaupun terdapat kelemahan pasaran antarabangsa & domestik secara umumnya.


RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- PELABURAN

Pencapaian keseluruhan ROI kasar tahun 2011 adalah 6.30% berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 7.07%. Pelaburan ekuiti persendirian merekodkan ROI kasar tertinggi iaitu 13.39%, diikuti oleh ekuiti domestik 10.94% sementara pinjaman dan SHP ialah 5.82%. SKM dan pasaran wang masing-masing menyumbang 5.37% dan 2.58%. Pelaburan antarabangsa KWAP juga mencatatkan rekod pencapaian ROI kasar yang baik dengan ekuiti pada 3.07%, Pendapatan Tetap pada 2.20% dan hartanah pada 1.91%.

Disiplin yang teguh terhadap Alokasi Aset Strategik KWAP yang berjangka panjang, terbukti begitu anjal dan mampu menambah nilai pada tempoh yang lama. Sepanjang tempoh 5 tahun, KWAP telah berupaya mengekalkan purata kasar ROI tidak kurang dari 6.81% setahun.

PENDAPATAN PELABURAN BERSIH



Pencapaian ROI bersih pada tahun 2011 ialah 5.75% selepas mengambil kira peruntukan rosot nilai pelaburan sebanyak RM321.09 juta.

JUMLAH PULANGAN BERWAJARAN

Pada penghujung 2011, dana mencatatkan jumlah pulangan agregat 5.30%. Keseluruhan pasaran tempatan dalaman dan luaran mengurus ekuiti yang memberi pulangan sebanyak 7.22%. Jumlah pulangan aset Pendapatan Tetap dalaman, yang meliputi SKM, SHP, pinjaman dan pasaran wang masing-masing ialah 5.37%, 6.40%, 5.02% dan 2.58%. Pengurusan luaran dana tempatan pendapatan tetap mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 7.23%.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

PRESTASI RELATIF

Jadual dibawah menunjukkan pulangan setiap kelas-aset berbanding indeks penanda aras:

	TWRR (%)	Penanda Aras	Lebih / (Kurangan) Prestasi (%)
Ekuiti			
Tempatan	7.22	FBM100	5.28
Antarabangsa			
Pengurusan Dalam	11.30	MSCI Semua Negara Dunia	20.71
Pengurusan Luaran*	(18.45)	MSCI AC Asia kecuali Jepun	(0.43)
Pendapatan Tetap			
Tempatan			
SKM	5.37	Quantshop MGS (All) Yield	1.91
SHP	6.40	Quantshop Corp (Medium) Yield	2.01
Pendapatan Tetap Luaran	7.23	Quantshop MGS (All) Index + 130 bps	0.95
Pinjaman	5.02	Quantshop MGS (All) Yield + 50 bps	1.06
Pasaran Mata Wang	2.58	3-bulan KLIBOR	(0.61)
Antarabangsa			
Pengurusan Luaran (G7)	1.92	BofA Merrill Lynch Global Government Bond Index	0.04
Pengurusan Luaran (Global Sukuk)	(0.40)	Dow Jones Citigroup Sukuk	(0.46)

* Ini adalah portfolio baharu (< 1 tahun)

EKUITI

Pasaran ekuiti bermula dengan momentum positif pada bulan Januari dan Februari 2011 namun kemudiannya menjunam mulai bulan Mac dan seterusnya, kesan daripada kemeruapan pasaran diperingkat antarabangsa. Indeks FBMKLCI hanya mencatatkan kadar pulangan 0.78% berikutan kebimbangan terhadap berlakunya kemelesetan di negara-negara maju, pergolakan di Timur Tengah, tragedi gempa bumi dan krisis nuklear Jepun, serta bencana banjir teruk di Thailand dan sekitar IndoChina. Peristiwa-peristiwa yang berlaku

pada tahun 2011 ini sesungguhnya sangat menguji kekukuhan portfolio ekuiti KWAP. Hasil daripada kajian berterusan dan strategi pelaburan yang dinamik bagi mengatasi ketidakpastian dalam pasaran ekuiti, KWAP telah berjaya membentuk barisan portfolio yang berdaya tahan.

Walaupun menghadapi persekitaran pasaran ekuiti global yang kurang memberangsangkan, KWAP menganggap senario sebegini sebagai peluang untuk memperluaskan lagi capaian pelaburan diperingkat antarabangsa.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Sehubungan itu, Jabatan Ekuiti Antarabangsa dan sebuah pejabat di London, United Kingdom telah diwujudkan bagi mencapai hasrat tersebut.


Tahun ini juga menghasilkan beberapa pencapaian terhadap inisiatif yang telah diambil oleh Jabatan Ekuiti, antaranya termasuk:

- (i) Pembentukan portfolio sub-teras untuk mengambil keuntungan terhadap harga stok yang lemah pada kadar kos yang baru;
- (ii) Pembentukan portfolio Syariah; dan
- (iii) Memperluaskan pangkalan data berpusat untuk meliputi pasaran saham antarabangsa.

Selaras dengan proses pemantauan pelaburan KWAP, mesyuarat dan lawatan secara berkala dengan syarikat yang dilabur telah dilakukan sepanjang tahun. Bagi tahun 2011, KWAP telah menghadiri 83 Mesyuarat Agong Tahunan / Mesyuarat Agung Luarbiasa, 229 lawatan syarikat dan 6 lawatan oleh pihak pengurusan kanan ke syarikat yang dilabur.

Setakat 31 Disember 2011, pelaburan KWAP dalam pasaran ekuiti tempatan meningkat kepada RM21.09 bilion atau 27% daripada jumlah dana keseluruhan berbanding RM13.88 bilion atau 20% pada tahun 2010. Pendapatan kasar yang diperolehi adalah sebanyak RM1.80 bilion iaitu pada kadar ROI 10.32%. Pelaburan antarabangsa memberikan pulangan sebanyak RM22.49 juta hasil dari pelaburan dalam AIA Group Limited dengan kadar ROI sebanyak 3.97%. Daripada keseluruhan pendapatan ekuiti, RM1.072 bilion atau 59% adalah daripada penjualan saham manakala baki sebanyak RM732.60 juta daripada pendapatan dividen.

Sektor Alokasi 2011



RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Senarai sepuluh pelaburan tertinggi dengan pegangan saham utama dalam syarikat tersenarai di Bursa Malaysia setakat 31 Disember 2011:

No	Nama Syarikat	Peratusan Pegangan (%)
1	Bintulu Port Holdings Berhad	9.65
2	Gamuda Berhad	8.11
3	Benalec Holdings Berhad	7.91
4	Kossan Rubber Industries Berhad	7.55
5	Time DotCom Berhad	7.37
6	Axis Real Estate International	7.05
7	IJM Corporation Berhad	6.27
8	Mah Sing Group Berhad	5.98
9	Petronas Gas Berhad	5.76
10	JT International Berhad	5.55

Pengurus Dana Luaran - Ekuiti

Pada 1 Januari 2011, portfolio yang diurus pengurus dana luar telah ditempatkan dibawah Jabatan Ekuiti bagi memperkemarkan keseluruhan strategi pelaburan dan pemilihan keputusan untuk kelas aset ekuiti. Setakat 31 Disember 2011, dana yang diurus oleh pengurus dana ekuiti luar adalah RM2.94 bilion yang merangkumi 3.74% dari keseluruhan saiz dana KWAP. Dari segi pendedahan georafikal, 89.6% dari dana yang diurus luaran adalah dilaburkan didalam pasaran tempatan dan baki 10.4% dilaburkan di pasaran antarabangsa.

Domestik

Setakat 31 Disember 2011, jumlah dana yang diurus secara mandat pasaran domestik berjumlah RM2.64 bilion iaitu peningkatan sebanyak 20% dari RM2.19 bilion dari tahun sebelumnya. Daripada tujuh (7) EFM domestik, satu (1) adalah yang mendapat pengiktirafan Syariah.

Senarai Pengurus Dana Domestik Luaran setakat 31 Disember 2011:

EFM Tempatan	Saiz Dana (Tahun)
CIMB-Principal Asset Management	1997
Aberdeen Asset Management	2002
Libra Invest Berhad (Dahulunya Avenue)	2007
Nomura Asset Management	2008
RHB Investment Management	2009
Kenanga Invest Berhad	2011
i-Vcap Management Berhad	2011

Sebahagian daripada proses pengawasan KWAP, mesyuarat prestasi telah diadakan setiap suku tahun dengan kesemua pengurus dana luaran dan lawatan audit turut dilakukan di setiap pejabat pengurus dana ekuiti luaran. Sebanyak lima (5) audit pematuhan dan satu (1) audit 'due diligence' telah dijalankan untuk memastikan kepatuhan kepada prosedur kawalan dalaman yang berkaitan dan amalan perniagaan terbaik dalam aktiviti dagangan dan operasi.

Pada 31 Disember 2011, pengurus dana luar domestik mencatat pendapatan agregat sebanyak RM300.63 juta dengan purata pulangan ROI sebanyak 12.45% (berdasarkan modal dilabur). Daripada pendapatan keseluruhan, RM212.62 juta diperolehi hasil daripada penjualan saham, RM13.25 juta daripada pendapatan faedah dan RM74.76 juta daripada tuntutan cukai ke atas dividen.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Antarabangsa

Untuk pelaburan luar pesisir, jumlah pelaburan ekuiti adalah berjumlah USD100.0 juta (RM310.0 juta). Dicampur dengan portfolio antarabangsa yang diurus secara dalaman, keseluruhan pelaburan ekuiti merangkumi 1.12% daripada saiz pasaran dana KWAP, dinilai pada harga pasaran setakat 31 Disember 2011 yang mana termasuk dalam had Alokasi Aset Strategik baru iaitu 3% untuk 2011.

KWAP telah melantik State Street Global Advisors (SSGA) untuk mengurus dana indeks ekuiti bertanda aras kawasan Asia kecuali Jepun dengan modal permulaan sebanyak USD100.0 juta.

Sebagai sebahagian daripada proses pemantauan, beberapa perbincangan, termasuk lawatan telah diadakan diantara KWAP dengan pengurus dana antarabangsa untuk memahami pelaburan dan operasi perniagaan mereka. Mesyuarat berkala secara persidangan video (conference call) kerap dilakukan, dan penilaian suku tahun dijalankan untuk mengemaskini prestasi portfolio, penilaian dan gambaran pasaran pelaburan.

PENDAPATAN TETAP

Pada setengah tahun pertama 2011, pasaran ekonomi dan kewangan tempatan mengalami pemulihan yang agak baik didorong oleh polisi normalisasi. BNM telah menaikkan Kadar Polisi Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.0% pada Mei 2011 dan kadar tersebut dikekalkan sepanjang 2011 bagi menghadapi kejutan pertumbuhan ekonomi dan jangkaan kenaikan kadar inflasi. Beberapa pasaran serantau telah mengambil pendekatan yang lebih


agresif untuk menangani kelembapan pertumbuhan dan peningkatan risiko sistemik dengan mengurangkan kadar faedah dan memperkenalkan pakej rangsangan baru. Bagi kebanyakan negara maju, para pembuat dasar telah melaksanakan semula dasar kewangan yang dianggap asas iaitu melalui pelaksanaan 'Quantitative Easing', suntikan kecairan, 'operation twist' untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Kesannya, keluk bon kerajaan tempatan menonok atas jangkaan kadar faedah akan dinaikkan selepas pertumbuhan ekonomi dilihat semakin stabil dan juga tekanan kadar inflasi yang semakin meningkat. Bagaimanapun keadaan sebaliknya berlaku menyebabkan keluk hasil pulangan menyusut dan mendatar. Namun begitu, pasaran tempatan terus mendapat perhatian pelabur-pelabur asing di mana pasaran bon tempatan didapati lebih mampan berbanding pasaran luar terutama sekali sewaktu berlakunya ketidakpastian mengenai halatuju pasaran.

Di samping meneruskan inisiatif tahun sebelumnya, KWAP terus mencari peluang pelaburan yang lebih baik dengan melihat produk pelaburan baru; menganalisis pasaran pendapatan tetap serantau untuk meluaskan lingkungan pelaburan semasa bagi mencapai kepelbagaian dan pendapatan lebih tinggi KWAP juga menjalankan kajian dan pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan pembukaan operasi luar pesisir; pelantikan pengurus dana Pendapatan Tetap luaran untuk pendedahan di pasaran yang baru. Selain itu, KWAP telah melaksanakan garis panduan penarafan kredit dalaman untuk SHP dan pinjaman, seterusnya mengawal pendedahan kredit.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- PELABURAN

Walaupun berdepan situasi pelaburan yang mencabar, kesemua kelas aset dalam Pendapatan Tetap telah mencatat prestasi yang amat membanggakan. Keseluruhan ROI meningkat kepada 4.55%, lebih baik dari prestasi 2010, yang mana lebih tinggi dari purata kadar pulangan SKM 10 tahun. Walaupun risiko kadar faedah (duration) untuk keseluruhan portfolio Pendapatan Tetap adalah lebih rendah. Begitu juga, ROI untuk SHP mencatat 6.40%, lebih tinggi dari 5.35% yang dilaporkan pada 2010 disebabkan keuntungan modal bagi penebusan awal bon. ROI SKM adalah sebanyak 5.37% dari 5.41% pada tahun sebelumnya. ROI Pengurus Dana Luar Pendapatan Tetap untuk portfolio domestik adalah pada 7.30%, berbanding 6.18% pada 2010. Untuk Pengurus Dana Luar Antarabangsa, ROI ialah 3.20%, bagi tahun pertama pelaksanaannya. ROI pinjaman meningkat kepada 5.02% dari 4.5% disebabkan beberapa pinjaman telah ditebus awal dan dibiayai semula sementara ROI pasaran wang meningkat kepada 2.58% dari 2.05% selepas OPR dinaikkan kepada 3.0% dari 2.0% pada tahun sebelumnya.




Sumber: Bloomberg

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Sekuriti Hutang Persendirian (SHP)

Pelaburan dalam portfolio SHP yang diuruskan secara dalaman memerlukan keseimbangan antara toleransi risiko dan ganjaran (pulangan). Pelaburan KWAP dalam pasaran SHP mengambil kira risiko kredit, pulangan, pandangan kadar faedah dan pendedahan terhadap sesuatu syarikat. Untuk tahun 2011, jumlah terbitan SHP dalam pasaran melebihi RM65 bilion, peningkatan 32% dari RM49 bilion pada tahun 2010. Peningkatan terbitan SHP kebanyakannya didahului oleh surat jaminan kerajaan yang merangkumi hampir sepertiga dari jumlah pengeluaran pada 2011. Pegangan portfolio SHP KWAP pada 2011 menyaksikan penurunan sebanyak 15.1% kepada RM8.01 bilion dari RM9.43 bilion pada 2010 dengan SHP matang sebanyak RM641 juta pada 2011.


RM Bilion



Pelaburan Portfolio SHP Pada Kos

Pegangan SHP oleh KWAP telah menurun berbanding peningkatan jumlah terbitan dalam pasaran disebabkan jumlah SHP yang telah matang. Walaupun jumlah terbitan di pasaran meningkat pada 2011 berbanding 2010, kebanyakan terbitan adalah kertas jaminan kerajaan. Pada masa yang sama, kelebihan cairan di pasaran telah menyebabkan permintaan yang tinggi untuk SHP yang berkualiti, ditambah pula oleh kejatuhan ekonomi dunia yang menekan kadar hasil, sejajar dengan penurunan kadar pulangan SKM. Keadaan ini disebabkan BNM menaikkan kadar OPR sebanyak 25 mata asas pada 2011 dari 2.75% ke 3%. Namun demikian pendapatan dari pelaburan SHP meningkat dari RM511.5 juta pada 2010 ke RM559.6 juta pada 2011, disebabkan oleh keuntungan modal dari penebusan awal kertas PLUS SPV.

RM Juta




Pendapatan Portfolio SHP

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Bagi tahun 2011 pelaburan dalam SHP adalah sebanyak 10.18% dari jumlah saiz dana berbanding dengan 13.60% pada 2010. Pelaburan dalam SHP mengikut peratusan saiz dana pada nilai pasaran menurun kerana sebahagian besar tempoh matang tidak diganti dengan pembelian baru. Penurunan ini disebabkan terbitan baru menerima sambutan yang amat menggalakkan dari pelabur di samping kekurangan kecairan pasaran sekunder yang menggambarkan kekurangan bekalan SHP.

Dari segi kredit, KWAP mengekalkan kadar purata penarafan keseluruhan portfolio pada tahap AA1. Dengan penyelesaian bon SPLASH dalam bulan Jun 2011, kadar penarafan yang terendah dalam portfolio ialah A2, merangkumi 1.85% pegangan portfolio. Majoriti pegangan portfolio adalah pada kadar AA dengan purata durasi portfolio 4.44 tahun. Taburan nilai portfolio KWAP adalah seperti berikut:



Pendedahan KWAP kepada risiko kredit adalah kepada syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan aliran tunai yang baik. Ini gambarkan dalam lima pegangan tertinggi SHP KWAP. Pendedahan SHP KWAP merangkumi sektor seperti infrastruktur, jalan bertol, perbankan, telekomunikasi dan tenaga. Di bawah merupakan senarai pegangan tertinggi KWAP dalam SHP:

No	Nama Syarikat	Peratusan (%)
1	CIMB Group	20.35
2	Cagamas	19.48
3	Public Bank Group	8.80
4	Hijrah Pertama (TM SPV)	7.43
5	AmBank Group	7.31

Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon Kuasi

Arah aliran pemulihan kadar faedah berterusan pada permulaan tahun menyebabkan keluk hasil meningkat bagi keseluruhan tempoh pegangan. Tambahan pula, kalendar lelongan SKM dan TPK yang didapati lebih memihak kepada penerbitan jangka panjang mencuramkan lagi keluk menyebabkan tender primer pertama ditutup pada kadar purata keuntungan 4.17%. Walau bagaimanapun aliran penurunan ini tidak berpanjangan setelah pelabur asing dilihat membeli lebih banyak SKM dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kekal stabil dan memperolehi keuntungan pelaburan seterusnya menyebabkan keluk hasil lebih mendatar. Jumlah kasar terbitan SKM dan TPK pada 2011 adalah lebih tinggi pada RM90.2 billion berbanding RM60.5 billion pada 2010 bagi menggantikan sekuriti.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Jumlah pelaburan KWAP didalam Sekuriti Kerajaan (SKM, TPK dan bon Quasi kerajaan) berakhir dengan RM18.04 billion berbanding dengan RM15.64 billion pada penghujung tahun 2010. Pendapatan kasar pelaburan terus meningkat sebanyak 7.21% kepada RM903.99 juta berbanding dengan tahun sebelumnya iaitu RM843.18 juta walaupun Alokasi Aset Strategik bagi portfolio dikurangkan dari 29% kepada 24% pada tahun 2011. Portfolio juga mencatatkan ROI 5.37% tahun ini berbanding tahun lepas pada 5.41%. ROI portfolio semasa mengatasi tanda aras, Quantshop MGS All Yield pada 3.46% dengan kelebihan 191 mata asas.


Pinjaman

Sepanjang 2011, kepelbagaian kredit yang ketat merentasi pasaran bon korporat Malaysia memberikan bebanan untuk aktiviti pelaburan pinjaman dan pembiayaan KWAP. Oleh itu, tumpuan diberikan kepada peminjam dengan

profil kredit yang kukuh dan telah melepasi proses penilaian kredit yang ketat. Kesemua aktiviti pinjaman adalah dikawal oleh Dasar dan Garis Panduan Pelaburan.

Keseluruhan jumlah portfolio pinjaman menurun sebanyak 2.84% kepada RM7.53 billion pada 2011 berbanding dengan RM7.75 billion pada 2010. Penurunan dalam pengagihan pinjaman kepada badan korporat (RM1.7 billion) adalah berpunca terutamanya kerana pembayaran awal oleh peminjam. Namun demikian, pinjaman yang diagihkan kepada pihak agensi kerajaan dan korporat meningkat mendadak sebanyak 36.6% kepada RM6.10 billion. Pendapatan direalisasi meningkat sebanyak 7.31% kepada RM383.29 juta pada 2011, mencatatkan ROI sebanyak 5.02% melebihi tanda aras Quantshop MGS All Yield (tambah 50 mata asas), sebanyak 106 mata asas. Portfolio pinjaman merangkumi 9.58% dari jumlah saiz dana KWAP.

RM Juta



Profil Matang Pinjaman Setakat 31 Disember 2011

- Pihak Berkuasa Awam / Kepentingan Kerajaan
- Kerajaan Persekutuan / Negeri

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Pasaran Wang

Jumlah pelaburan dalam pasaran wang pada Januari 2011 adalah RM18.31 bilion. Pada penghujung tahun 2011 jumlah ini telah menyusut kepada RM16.97 bilion. Jumlah ini mewakili 21.57% dari jumlah saiz dana pada 2011 berbanding dengan 26.42% pada 2010. Jumlah yang tinggi pada awal 2011 adalah berpunca daripada pulangan pelaburan lain-lain pada penggal keempat tahun 2010. Pada 2011, pelaburan baru dalam kelas aset lain telah mengurangkan baki dalam pasaran wang. Seajar dengan pelan Alokasi Aset Strategik, kuantiti pelaburan pasaran wang akan dikurangkan kepada tahap sasaran optimum 2.00%.

Sebahagian besar pelaburan pasaran wang adalah dalam deposit, diikuti oleh Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID), Kertas Komersial (CP) dan Terimaan Jurubank (BA), berlandaskan terma konvensional dan Islam. Tempoh pegangan adalah dalam lingkungan semalaman dan 12 bulan.

Pendapatan kasar dihasilkan dari pelaburan pasaran wang pada 2011 ialah RM455.66 juta atau 18% lebih tinggi berbanding dengan RM387.31 juta pada 2010. Keputusan BNM untuk menaikkan OPR dari 2.75% kepada 3.00% dalam bulan Mei 2011 telah mengakibatkan kenaikan dalam kadar pasaran wang yang telah diterjemahkan kepada pendapatan kasar yang lebih tinggi.

Pendapatan Tetap - Pengurus Dana Luaran (EFM)

Pada permulaan 2011, portfolio Pengurus Luaran telah dipindahkan dibawah Jabatan Pendapatan Tetap untuk menyelaraskan strategi pelaburan dan pengurusan. Setakat 31 Disember 2011, jumlah kos dana yang diurus oleh Pengurus Dana Luaran adalah sebanyak RM1.63 bilion atau 2.08% dari keseluruhan saiz dana KWAP. Secara geografi, 53.9% dari aset yang diurus secara luaran adalah dilaburkan dalam pasaran bon domestik dan baki 46.1% dilaburkan diperingkat antarabangsa.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Domestik

Setakat 31 Disember 2011, jumlah kos dana terkumpul yang diuruskan oleh Pengurus Dana Luaran meningkat kepada RM880 juta, iaitu peningkatan sebanyak 57.1% dari RM560.0 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah portfolio yang diurus oleh Pengurus Dana Luaran merangkumi 1.1% dari keseluruhan pelaburan pendapatan tetap.

Senarai Pengurus Dana Luaran Domestik setakat 31 Disember 2011:

Pengurus Dana Luaran Domestik	Pelancaran dana (Tahun)
CIMB-Principal Asset Management Bhd	2006
Aminvestment Management Sdn Bhd	2007
HwangDBS Investment Management Berhad	2011

Sebagai sebahagian dari proses pengawasan KWAP, mesyuarat prestasi diadakan secara kerap dengan kesemua Pengurus Dana Luar dan lawatan audit telah dilakukan ke pejabat mereka. Sepanjang tahun 2011, sepuluh (10) mesyuarat suku tahunan, tiga (3) audit pematuhan dan empat (4) audit *due diligence* telah dijalankan untuk mengawasi pematuhan mereka kepada kawalan dalaman yang berkaitan, dan amalan terbaik perniagaan berhubung aktiviti perniagaan harian dan operasi sokongan.

Salah satu daripada inisiatif berterusan untuk mempertingkatkan pulangan daripada portfolio pengurus dana luaran, proses RFP (permintaan untuk cadangan) telah dijalankan dimana beberapa pengurus dana luaran bon domestik telah mengambil bahagian. Berdasarkan penilaian, satu (1) pengurus luaran baru telah dilantik untuk mengurus portfolio bon domestik.

Pengurus Dana Luaran bagi pendapatan tetap telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM52.54 juta dalam tahun 2011, berbanding RM32.75 juta pada tahun 2010. Ini mewakili ROI sebanyak 7.30%.

Antarabangsa

Dalam tahun 2011, KWAP telah meningkatkan pelaburan dalam pendapatan tetap antarabangsa melebihi pelantikan berjumlah USD250 juta. Gabungan bersama portfolio antarabangsa yang diuruskan secara dalaman mencatatkan keseluruhan pelaburan pendapatan tetap antarabangsa sebanyak 0.96% daripada jumlah dana KWAP.

Senarai Pengurus Dana Luar Antarabangsa setakat 31 Disember 2011:

Pengurus Dana Luaran Antarabangsa	Pelancaran dana (Tahun)
World Bank Treasury	2011
CIMB-Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd	2011
Amlslamic Funds Management Sdn Bhd	2011

Pada tahun 2011, World Bank Treasury secara rasminya telah menguruskan sebahagian dari dana KWAP dalam portfolio Bon Kerajaan G7 yang mana kebanyakannya dilaburkan didalam kertas hutang dan terbitan berkaitan kerajaan dari negara ahli G7. Sebagai pihak yang diberi keutamaan dibawah Program Penasihat Kewangan dan Pengurusan (RAMP), KWAP telah melibatkan diri didalam beberapa bengkel pembangunan dan perkhidmatan nasihat sebagai sebahagian daripada pengurusan aset dan bantuan teknikal dan perkhidmatan perundingan yang ditawarkan oleh World Bank Treasury. Program yang berlangsung tahun ini termasuklah nasihat teknikal berkenaan *asset allocation work bench system*, Bengkel RAMP dan program penempatan di ibu pejabat World Bank Treasury di Washington DC.

Sebagai sebahagian dari pelan pembangunan dalam pelaburan Syariah, mandat Sukuk Global telah dimulakan pada tahun yang sama dan ketika ini diuruskan oleh dua (2) pengurus dana tempatan. KWAP juga menghantar pegawai-pegawai untuk turut serta didalam siri forum persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh pengurus dana luaran sebagai sebahagian dari komitmen mereka untuk membangunkan industri pengurusan dana Malaysia serta menawarkan perkhidmatan nilai tambah.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

Sebagai sebahagian dari proses pengawasan, KWAP mengadakan beberapa perbincangan mengenai perkara berkaitan pelaburan dan operasi, termasuk lawatan kerja ke pejabat Pengurus Dana Luaran untuk memastikan pematuhan mereka kepada terma perjanjian dan amalan terbaik perniagaan. Beberapa perbincangan dan kajian suku tahun dijalankan untuk mengemas kini prestasi portfolio, kajian semula dan jangkaan pelaburan.

Setakat 31 Disember 2011, pengurus dana luaran antarabangsa mencatatkan pendapatan terkumpul sebanyak USD2.96 juta (RM9.10 juta) mewakili purata ROI sebanyak 2.42%.

PELABURAN ALTERNATIF

Kajian Pasaran Ekuiti Persendirian

Pasaran ekuiti persendirian Asia-Pasifik (termasuk Australia) terus berkembang sepanjang sedekad lepas. Banyak firma ekuiti persendirian global telah bertukar tumpuan mereka ke pasaran Asia-Pasifik terutamanya selepas krisis kewangan global 2007. Pengumpulan dana Asia-Pasifik mencatat jumlah 6% dari kesemua dana terkumpul seluruh dunia pada tahun 2003. Dalam tempoh Januari hingga Ogos 2011 bahagian tersebut telah meningkat kepada 16%. Semasa tempoh ini, sejumlah 70 dana ekuiti persendirian telah ditubuhkan di Asia-Pasifik dengan jumlah nilai meningkat kepada USD25.6 billion.

Minat ke atas pasaran Asia-Pasifik berpunca dari pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan. Kemunculan *Emerging Asia* sendiri dijangka berkembang 8.4% pada 2012¹. Pertumbuhan penggunaan dan pasaran di pasaran *Emerging Asia* akan meningkatkan permintaan modal untuk perkembangan pasaran baru, tindak balas terhadap aliran pengguna dan pembaharuan teknologi dan produktiviti. Populasi kelas menengah dalam kemunculan pasaran *Emerging Asia* berkembang 7.0% setahun dari 1990-2010; sementara permintaan meningkat 8.8% setahun pada tempoh yang sama².

Kemajuan ekonomi yang menggalakkan dan struktur demografi diterjemahkan kepada pulangan pelaburan yang lebih baik di kawasan Asia-Pasifik. Prestasi agregat ekuiti Asia-Pasifik yang ditubuhkan dari 2003-2008 menunjukkan prestasi lebih baik dari dana ekuiti persendirian di Amerika Utara dan Eropah. Dana Asia-Pasifik yang ditubuh pada tahun-tahun bernilai ini telah merekodkan IRR bersih diantara 8-25% berbanding dengan IRR bersih yang kurang dari 15% untuk Amerika Utara dan Eropah³.

Selari dengan senario pasaran, KWAP telah menumpukan pelaburan ekuiti persendirian 2011 di kawasan Asia-Pasifik.

Sorotan Pasaran Hartanah

Hartanah komersil global mencatatkan lebih kurang USD200 billion jumlah transaksi pada suku ketiga 2011 dimana ianya peningkatan 27% dari tahun ke tahun dengan minat yang tinggi⁴ untuk pasaran utama. Pasaran utama AS, UK, Jepun dan Australia mencatatkan lebih dari 50% bahagian pasaran transaksi global.

Sektor pejabat di Australia CBD menyaksikan penurunan kadar purata kekosongan hartanah dari 8.4% kepada 8.0% pada pertengahan pertama 2011⁵. Pasaran telah disokong oleh kekuatan sektor perlombongan yang menguntungkan dan industri perkhidmatan kewangan. Penyewa di Sydney CBD bersaing untuk ruang pejabat gred tinggi yang terhad. Melbourne CBD, dengan ketiadaan penyilapan pada suku kedua 2011 mencatatkan kadar purata terendah kekosongan di Australia iaitu 5.8%. Pejabat berkualiti gred A menghasilkan hasil pendapatan bersih melebihi 6% setahun.

Di Central London, purata kadar kekosongan hartanah meningkat kepada 7.1% pada bulan November 2011 daripada 6.4% pada Oktober 2011⁶ selepas siapnya empat (4) buah bangunan dengan keluasan 100,000 kaki persegi. Purata kadar pulangan bagi ruang pejabat di kawasan Central London pada suku ketiga tahun 2011 adalah 5.1%⁷. Walaupun kadar pulangan adalah agak sederhana, ia memberi lebih kebaikan memandangkan

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PELABURAN

kebanyakan industri lazimnya lebih berminat terhadap kontrak jangka panjang. Tambahan lagi, oleh kerana nilai tukaran matawang pound sterling lebih baik dari matawang lain, pasaran hartanah UK terus menarik minat pelabur selain daripada tahap kecairan yang baik dan proses yang lebih telus. Pada suku ketiga 2011, pelabur asing mewakili 54% dari jumlah transaksi dalam sektor hartanah UK iaitu susut sebanyak 14% daripada 68% yang direkodkan pada suku ketiga tahun 2010.

Pasaran pelaburan Malaysia didominasi oleh pelabur tempatan kerana pelabur asing mengambil langkah berwaspada. Purata kadar penghunian bangunan pejabat pada suku ketiga 2011 adalah 13.10% dan 7.4 juta kaki persegi ruang baru dijangka memasuki pasaran pada 2012⁸. Namun begitu, pasaran dijangka akan berkembang bersama ekonomi Malaysia dengan pelaksanaan agresif Pelan Malaysia ke 10 dan ETP disokong oleh kadar pengangguran yang rendah, kewangan yang kukuh dan juga hutang luaran yang rendah.

Ekuiti Persendirian

Mandat pelaburan dana adalah secara global. Memandangkan ketidaktentuan ekonomi global sepanjang 2011 terutamanya di AS dan Eropah, aktiviti pelaburan KWAP ditumpukan di Asia dan Australia.

Sepanjang 2011, KWAP melabur dalam lima (5) dana ekuiti persendirian baru seperti dinyatakan di bawah:

No	Dana Ekuiti Persendirian	Negara
1	Tata Capital Growth I	India
2	Asia Water Fund I	China
3	Ancora Fund II	Indonesia
4	Saratoga Asia III	Indonesia
5	Advent VI	Australia/ New Zealand

Pada tempoh yang sama, KWAP telah mendapat kelulusan dari Panel Pelaburan untuk melabur di empat (4) dana ekuiti persendirian baru di Asia dan di pasaran bukan Asia yang berpotensi.

No	Dana Ekuiti Persendirian	Negara
1	Saratoga Asia III L.P	Indonesia
2	DragonRider Opportunity Fund II	Emerging East Asia
3	Advent VI	Australia/ New Zealand
4	Templeton Strategic Emerging Market IV	Emerging Market

Ekuiti Langsung Persendirian

Setakat 31 Disember 2011, KWAP memiliki dua (2) pelaburan ekuiti langsung persendirian. Sepanjang tahun 2011, KWAP telah mengenalpasti dan mempertimbangkan beberapa peluang pelaburan ekuiti langsung domestik.

Hartanah

Pada 31 Disember 2011, jumlah pelaburan KWAP dalam hartanah antarabangsa adalah RM998.88 juta atau 1.27% dari jumlah saiz dana KWAP dan dalam lingkungan kelulusan pelaburan antarabangsa Alokasi Aset Strategik sebanyak 3.0%. Penggunaan dana adalah untuk pembelian bangunan pejabat 737 Bourke Street Melbourne, dibeli dalam 2010 dan pembelian 20 Bridge Street, Sydney (Bangunan ASX) yang siap pada Disember 2011.

Pada Disember 2011, kedua-dua pelaburan hartanah di Australia menghasilkan pendapatan tunai bersih RM24.86 juta dengan kedua-dua hartanah menghasilkan ROI melebihi 6%.

¹ IMF's World Economic Outlook, April 2011.

² ADB Key Indicators 2010.

³ Preqin Special Report: Asia-Pacific Private Equity, September 2011

⁴ Credit Suisse Global Real Estate, December 2011

⁵ CBRE Market View Australian CBD Third Quarter 2011

⁶ CBRE Monthly Overview on London Offices December 2011

⁷ CBRE Research Central London Property Market Review Q3 2011

⁸ DTZ Research Property Times Kuala Lumpur Third Quarter 2011

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PENGURUSAN CARUMAN

CARUMAN PENCEN

Salah satu fungsi KWAP adalah mengurus caruman pencen yang dibayar ke KWAP oleh majikan di bawah Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12/2008 mengenai Dasar dan Prosedur Pelantikan secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap. Seperti yang diperuntukan oleh Akta, majikan yang merangkumi badan-badan berkanun, pihak berkuasa tempatan dan agensi diwajibkan membayar caruman pencen kepada KWAP bagi kakitangan yang mendapat status pencen. Selain caruman majikan, KWAP juga menerima bahagian kerajaan dari agensi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG).

Pada tahun 2011, KWAP menerima sejumlah RM4.02 bilion merangkumi caruman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.5 bilion, terimaan bahagian kerajaan sebanyak RM1.84 bilion dan caruman majikan sebanyak RM675.77 juta.

Caruman Majikan

Kutipan caruman majikan pada tahun 2011 ialah RM675.77 juta.

Pecahan caruman majikan:

Kategori Majikan	Caruman (RM Juta)
Badan Berkanun	539.73
Pihak Berkuasa Tempatan	127.93
Agensi	8.11

Terimaan Bahagian Kerajaan

Terimaan bahagian kerajaan dibayar kepada KWAP oleh KWSP, LTAT, JPA dan organisasi kerajaan lain pada tahun 2011 adalah RM1.84 bilion.

Agensi Kerajaan	Caruman (RM Juta)
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,442.90
Lembaga Tabung Angkatan Tentera	342.37
Jabatan Perkhidmatan Awam	56.00
Lain-lain Agensi Kerajaan	1.28

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PENGURUSAN CARUMAN

Majikan baru (Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan) didaftarkan pada tahun 2011.

No	Majikan Baru	Tarikh Daftar
1	Selangor Housing and Property Board (Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor)	14.01.2011
2	Sabah State Sports Board (Lembaga Sukan Negeri Sabah)	10.03.2011
3	Land Public Transport Commission (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat)	12.04.2011
4	Malacca Housing Board (Lembaga Perumahan Melaka)	24.05.2011
5	Desatra Sdn Bhd	17.06.2011
6	The Commission of the City of Kuching North Dewan Bandaraya Kuching Utara	04.07.2011
7	Perak State Park Corporation (Perbadanan Taman Negeri Perak)	07.10.2011

20 Pencarum Tertinggi

No	Majikan Yang Mencarum	Jumlah (RM Juta)
1	Universiti Teknologi Mara (UiTM)	71.08
2	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	41.63
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	35.68
4	Universiti Malaya (UM)	25.71
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	24.80
6	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	24.80
7	Universiti Putra Malaysia (UPM)	22.43
8	Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	19.80
9	Universiti Sains Malaysia (USM)	16.90
10	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	16.38
11	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	13.90
12	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	13.20
13	Universiti Utara Malaysia (UUM)	13.05
14	Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	11.94
15	Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	10.96
16	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	8.76
17	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	8.43
18	Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)	7.74
19	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	7.51
20	Universiti Teknikal Malaysia (UTEM)	7.10

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011 - PENGURUSAN CARUMAN

Statistik Majikan dan Ahli-Ahli

Bilangan Majikan yang Mencarum

	2007	2008	2009	2010	2011
Badan Berkanun	172	173	175	176	181
Pihak Berkuasa Tempatan	143	144	145	148	149
Agensi	160	176	218	244	271
Jumlah	475	493	538	568	601

Bilangan Ahli

	2007	2008	2009	2010	2011
Badan Berkanun	73,292	74,420	86,421	90,789	96,881
Pihak Berkuasa Tempatan	30,274	31,991	34,497	34,924	36,349
Agensi	915	533	654	671	825
Jumlah	104,081	106,944	121,572	126,384	134,055

Kerjasama dengan Agensi Kerajaan

Salah satu daripada inisiatif KWAP ialah mengadakan mesyuarat dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Sumber Manusia), KWSP, JPA, kementerian dan lain-lain agensi persekutuan. Matlamat mesyuarat ialah untuk mengumpul maklumat berkaitan peminjaman pegawai persekutuan dan negeri serta memperkemas dan meyelaras isu-isu caruman dan bayaran balik diantara agensi-agensi berkaitan.

Kerjasama dengan Agensi Kerajaan Persekutuan pada tahun 2011.

Bil	Tarikh Mesyuarat	Agensi Kerajaan
1	25 Februari	Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan, Sabah
2	1 Mac	Mesyuarat tiga-hala dengan JPA, KWSP & KWAP
3	6 April	Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya
4	12 April	Pejabat Setiausaha Negeri Selangor
5	27 Mei	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA)
6	12 Julai	KWSP (Jabatan Kewangan)
7	29 September	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
8	6 Oktober	Pejabat Setiausaha Negeri Sarawak
9	6 Oktober	JPA (Bahagian Pencen) Cawangan Sarawak

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- PENGURUSAN CARUMAN

Pematuhan dan Penguatkuasaan

Salah satu inisiatif kami ialah lawatan pematuhan dan penguatkuasaan yang telah dijalankan ke atas majikan semenjak tahun 2007. Matlamat lawatan ialah untuk memastikan pematuhan kepada Akta 239 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 12/2008. Semasa lawatan, taklimat dan perbincangan isu berkaitan pengurusan caruman seperti pendaftaran ahli, kegagalan mencarum, denda dan bayaran balik. Sebanyak 51 majikan telah dilawati pada tahun 2011 di negeri-negeri berikut:

Negeri	Bilangan Majikan Dilawati	Tarikh Lawatan
Selangor	14	4 – 14 April
Wilayah Persekutuan	16	12 Sept – 12 Okt
Sarawak & Labuan	21	31 Okt – 4 Nov
Jumlah	51	

Program Latihan Majikan

KWAP juga telah mengadakan program latihan majikan untuk membimbing majikan mengenai penggunaan borang caruman, pengiraan penalti, isu bayaran balik dan lain-lain. Biasanya, program ini dijalankan atas permintaan majikan baru. Majikan yang telah menghadiri program latihan adalah:

- Lembaga Perumahan Melaka - Jun 2011
- Suruhanjaya Bandaraya Kuching Utara - Julai 2011
- Universiti Teknologi MARA - Julai 2011
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan - September 2011
- Majlis Daerah Sarikei - Disember 2011

Bayaran Balik

Terdapat tiga (3) kategori bayaran balik yang merangkumi bayaran balik kepada majikan, agensi kerajaan dan individu. Sepanjang tahun 2011, sebanyak 4,801 permohonan bayaran balik telah diluluskan yang berjumlah RM13.20 juta.

Tahun	2007	2008	2009	2010	2011
Jumlah Bayaran Balik (RM Juta)	-	14.91	10.57	11.26	13.20
Bilangan Permohonan	-	5,008	3,403	4,087	4,801

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
CARUMAN	1. Kutipan caruman (Caruman Majikan dan Terimaan Bahagian Kerajaan) RM4.03 billion. 2. Mencapai lebih daripada 95.4% kadar pematuhan oleh majikan yang mencarum. 3. Sehingga kini telah menyempurnakan 35% Pelaksanaan Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu (ICMS). 4. Bekerjasama dengan agensi kerajaan pusat berikut dalam hal berkenaan pinjaman, bayaran balik dan terimaan bahagian kerajaan: • Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah; • Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia; • Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Sarawak; dan • Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen) Cawangan Sarawak. 5. Menjalankan lawatan penguatkuasaan ke atas 51 premis majikan dalam tahun 2011. 6. Menjalankan Program Latihan Majikan dengan: • Lembaga Perumahan Melaka; • Dewan Bandaraya Kuching Utara; • Universiti Teknologi Mara; • Agensi Anti Dadah Kebangsaan Malaysia; dan • Majlis Daerah Sarikei.
	LANGKAH KE HADAPAN Pembangunan sistem ICMS siap sepenuhnya. Kerjasama akan diperluaskan kepada agensi kerajaan dan kementerian yang lain. Lawatan pematuhan dan penguatkuasaan pada tahun 2012 ke atas 35 majikan di Kelantan, Terengganu dan Perak. Mengadakan Bengkel Majikan setelah sistem ICMS dilaksanakan sepenuhnya.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
KUSTODIAN	- Mewujudkan keperluan operasi dengan kustodian global yang dilantik termasuk: - Membangunkan dan mengkaji polisi pelaburan dan garis panduan berkaitan kustodian. - Pembukaan akaun-akaun sekuriti dan penjelasan pelaburan dalam pelbagai pasaran dengan kustodian luaran. - Perbincangan bersama pengurus portfolio dan kustodian untuk membina portfolio KWAP. - Mewujudkan prosedur operasi dan pemantauan kustodian. - Menjalankan dan menghadiri latihan berkaitan operasi kustodian. - Fungsi kustodian domestik yang dilantik oleh pengurus dana luaran KWAP diselaraskan dan diseragamkan kepada satu kustodian yang dilantik terus oleh KWAP. Aktiviti yang terlibat ialah: - Proses pemilihan kustodian domestik. - Pelantikan kustodian dan merumus pelan pemindahan aset. - Memindahkan aset dari kustodian sedia ada kepada kustodian yang dilantik. - Penubuhan kemudahan Pinjaman dan Pembiayaan Pinjaman Sekuriti (SBL) di KWAP. Aktiviti termasuklah: - Permohonan kepada Bursa Malaysia untuk menjadi "Non-Trading Clearing Participant" (NCTP). - Permohonan kepada Bursa Malaysia untuk menjadi "Authorised SBL Agent and Authorised Lender". - Latihan dengan Bursa Malaysia mengenai SBL. - Pengurusan sistem SBL Bursa di KWAP. - Mewujudkan prosedur berkaitan operasi SBL.
	LANGKAH KE HADAPAN Memberi tumpuan terhadap peningkatan keupayaan iaitu penambahbaikan proses kerja, pengetahuan pasaran dan mengguna pakai amalan terbaik dalam perkhidmatan kustodian. Membuka lebih banyak akaun sekuriti dan penjelasan pelaburan dengan kustodian global. Tahap perkhidmatan yang diberi oleh kustodian global akan dipantau dari masa ke masa untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan pematuhan piawaian antarabangsa.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
SUMBER MANUSIA	1. Pengurusan Talent Program Talent Exchange (TeX) - Objektif: Mempercepatkan pembangunan kepimpinan warga kerja KWAP yang berpotensi tinggi dengan memberi pendedahan kepada tugas dan tanggungjawab yang lebih besar dan mencabar. - Peminjaman seorang warga kerja KWAP ke sebuah syarikat pelaburan KWAP untuk tempoh satu tahun. Program Job Rotation - Objektif: Mempelbagaikan kemahiran dan pengetahuan di kalangan warga kerja KWAP dengan memberi pendedahan kepada tugas dan tanggungjawab yang berbeza di samping memantapkan kebolehan mereka. - Sebagai perintis, seorang warga kerja KWAP telah berjaya ditempatkan di bawah program ini. Pelan Pembangunan Prestasi (Performance Improvement Plan) - Objektif: Program ini diwujudkan untuk membantu warga kerja KWAP yang menunjukkan prestasi kerja yang kurang cemerlang dan mengalami masalah di dalam mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI). - Membolehkan warga kerja tersebut mengenalpasti dan mengatasi isu berkaitan prestasi kerja mereka untuk kebaikan organisasi dan pekerja berkenaan. Program Persediaan Pengurusan (Management Preparation Program) - Objektif: Untuk membantu warga kerja KWAP yang ditugaskan berkhidmat di luar negara mengukuhkan kemahiran teknikal mereka di samping memantapkan kebolehan kepimpinan dan pengurusan yang diperlukan untuk menjadi pengurus dana yang lebih efektif. - Program ini turut melibatkan pembangunan sahsiah, etika dan kemahiran protokol bagi membantu mereka yang dipilih menjalankan tanggungjawab sebagai wakil KWAP di peringkat antarabangsa. Program Cross Fertilisation Bersama MOF - Objektif: Menyediakan platform bagi pertukaran pengetahuan dan kemahiran di kalangan warga kerja di bawah Kementerian Kewangan Malaysia. - Melalui program ini, seorang warga kerja KWAP telah ditempatkan di Jabatan Perancangan Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia bagi tempoh dua (2) bulan.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
SUMBER MANUSIA (sambungan)	2. Pencarian dan Pengambilan Warga Kerja KWAP - Seiring dengan perkembangan semasa, KWAP kini aktif menggunakan media sosial seperti Facebook dan Linked-In di dalam pencarian tenaga kerja baru. - Seramai 31 warga kerja baru telah dilantik pada tahun 2011, dan merupakan bilangan pengambilan baru terbesar dalam setahun setakat ini. - Sistem 'buddy' telah diperkenalkan bagi memastikan warga kerja baru di KWAP diterima dengan baik dan juga bagi membantu mereka mengenali rakan sekerja dengan lebih dekat serta membantu memahami budaya kerja di KWAP. 3. Pembelajaran dan Pembangunan Skim Bantuan Pelajaran - Objektif: Membantu warga kerja KWAP meningkatkan tahap pendidikan dan kemahiran teknikal di dalam bidang berkaitan pekerjaan mereka. Ini juga merupakan salah satu usaha untuk membantu mempertingkatkan tahap prestasi kerja mereka di KWAP. 4. Perhubungan Pekerja Majlis Jamuan Tahunan KWAP 2011 - Dianjurkan sebagai salah satu tanda penghargaan untuk semua warga kerja di atas sumbangan dan pencapaian mereka. Program Pembangunan Pasukan KWAP Kali Kedua - Dianjurkan dengan objektif untuk memastikan semua warga kerja KWAP memahami dan berpegang teguh kepada Nilai Korporat KWAP, di samping membina semangat berpasukan dan komited di dalam membantu mencapai matlamat organisasi. Program Familiarisation - Diperkenalkan sebagai lanjutan kepada program kemasukan warga kerja baru KWAP dimana semua warga kerja baru diberi penerangan terperinci mengenai setiap jabatan dan diberi pendedahan kepada budaya kerja serta nilai-nilai korporat KWAP. Sesi Minum Pagi Bersama KPE - Membolehkan setiap warga kerja baru berkenalan dan beramah mesra bersama KPE di dalam suasana tidak rasmi. Menyediakan platform untuk KPE mengalukan kemasukan warga kerja baru serta berkongsi harapan dan aspirasi beliau. Sesi Pertukaran Hadiah Tahunan - Merupakan satu tradisi sejak penubuhan KWAP pada tahun 2007. Sesi pertukaran hadiah ini menyediakan platform bagi warga kerja KWAP mengakhiri tahun 2011 secara positif.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN UTAMA DALAM
SUMBER MANUSIA (sambungan)	5. Kajian Semula Skim Faedah dan Pampasan Kakitangan Objektif: Bagi memastikan skim yang dimiliki KWAP kekal kompetitif di pasaran terutamanya bagi menarik tenaga pakar dan profesional terbaik di dalam industri. Ia juga bagi mengekalkan dan menjadi motivasi kepada warga kerja berprestasi tinggi di KWAP.
	6. Pentadbiran Sumber Manusia Modul E-Tuntutan di Bawah Sistem Pengurusan Sumber Manusia Modul ini membolehkan warga kerja KWAP membuat tuntutan berkaitan perbelanjaan pekerjaan secara atas talian (online). Proses pemindahan pengesahan dan kelulusan tuntutan secara manual kepada elektronik telah dapat mengurangkan kos pentadbiran proses tuntutan.
	LANGKAH KE HADAPAN - Mentakrifkan semula KWAP sebagai sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi (HPO) bagi meningkatkan prestasi organisasi, kecekapan warga kerja dan tahap produktiviti. - Penjenamaan semula program latihan industri KWAP untuk para pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia sebagai sebahagian daripada strategi pencarian bakat berpotensi dari peringkat awal. - Penggiliran pekerjaan di bawah Program Penggiliran Pekerjaan (Job Rotation) akan diteruskan bagi memastikan perkembangan dan pendedahan berterusan warga kerja KWAP di dalam semua bidang meliputi jabatan pelaburan dan juga jabatan sokongan perniagaan. Ini secara tidak langsung akan menyediakan platform bagi menyokong pembangunan kerjaya di KWAP. - Meluaskan penggunaan media sosial sebagai sebahagian daripada strategi pencarian dan pengambilan kakitangan baru, terutamanya pengambilan tenaga kerja untuk perniagaan antarabangsa KWAP. - Memperkenalkan program bagi mempromosikan kepelbagaian dan budaya di KWAP. - Menggabungkan pembelajaran tradisional dengan e-pembelajaran (electronic learning) bagi meningkatkan akses dan fleksibiliti pembelajaran, di samping menyediakan platform pembelajaran yang lebih kos efektif bagi menyokong usaha pembelajaran berterusan di KWAP. - Menjalankan <i>Employee Engagement Survey</i> bagi menilai hubungan di antara warga kerja KWAP dengan organisasi serta komitmen mereka terhadap kecemerlangan organisasi. - Menaiktaraf Sistem Pengurusan Sumber Manusia di KWAP. - Memaksimumkan penggunaan modul yang sedia ada di dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia KWAP bagi memastikan automasi dapat dilaksanakan secara keseluruhan.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
PENJELASAN PELABURAN	1. Real Time Electronic Transfer System (RENTAS) - Objektif: Untuk membolehkan KWAP mengurus akaun penjelasan tunai dan sekuriti hutang tanpa sijil dalam masa sebenar. - Pengurangan ketara risiko penjelasan serta penambahbaikan dan keselamatan bagi struktur dan sistem bayaran KWAP.
	2. Penubuhan Bahagian Pra-Penjelasan Urusniaga (Middle Office) - Pra-Penjelasan Urusniaga mula beroperasi pada 15 Julai 2011. - Objektif : - Menawarkan pelbagai fungsi sokongan kepada tugas Jabatan Pelaburan dan bahagian Penjelasan. - Membuat pengesahan berkaitan urusniaga, semakan serta pengesahan dengan pihak ketiga untuk semua aktiviti pelaburan harian KWAP. - Pengasingan tugas yang jelas antara fungsi pelaburan dan sokongan. - Untuk mengurus semua instrumen pelaburan yang baru.
	LANGKAH KE HADAPAN Pelaksanaan RENTAS Full STP Gateway yang baru - Sistem <i>front end</i> baru yang membolehkan semua ahli RENTAS menggunakan perkhidmatan hos baru RENTAS. - Tarikh pelaksanaan disasarkan pada 2014. Memperkukuhkan Bahagian Pra-Penjelasan Urusniaga: Menerima pakai dan memastikan pematuhan dengan amalan terbaik dalam aktiviti pelaburan secara berterusan dan menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Pengurusan Risiko & Pematuhan mengenai isu-isu pematuhan.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT	1. Penubuhan Tadbir Urus IT / Rangka Kerja Keselamatan dan Fungsi Menghasilkan Rangka Kerja Keselamatan IT untuk mengawal cara KWAP melaksanakan keselamatan maklumat. Ini termasuk Polisi Keselamatan IT, penetapan Garis Dasar Keselamatan IT dan penubuhan Prosedur IT untuk menyediakan amalan pengawalan dan konsisten. 2. Pelaksanaan Pematuhan Keselamatan / Sistem Pengurusan Tatarajah Penubuhan garis dasar ke atas pelayan, peralatan rangkaian dan pangkalan data serta melaksanakan satu Pematuhan Keselamatan / Sistem Pengurusan Tatarajah untuk memudahkan pengawasan pematuhan dan tindak balas insiden yang lebih cekap. 3. Peningkatan Produktiviti Komputer Pengguna & Penggunaan Sumber IT - Perisian Antivirus yang lebih menyeluruh menampilkan Pelayan Pelanggan (Client Server) & teknologi <i>Cloud</i> telah dilaksanakan bagi memenuhi keperluan pelbagai penggunaan. - Sistem penapisan web telah dipertingkatkan untuk memastikan ROI ke atas jalur lebar Internet. - Melaksanakan Sistem Keselamatan e-mel untuk mengurangkan risiko keselamatan dan penggunaan sumber IT secara tidak produktif. 4. Kajian Penilaian Penembusan Dan Kelemahan Keselamatan Web Telah berjaya menjalankan kajian (dalaman) Penilaian Penembusan dan Kelemahan Keselamatan Web ke atas rangkaian, pelayar dan keselamatan sistem. 5. Kesedaran dan Pendidikan Keselamatan IT Berjaya mengadakan pendidikan Kesedaran Keselamatan IT secara teratur. 6. Menambahbaik Pusat Data KWAP Pusat Data yang bersesuaian telah dibina untuk mengurangkan risiko jangka hayat dan menambahbaik keselamatan fizikal dan persekitaran kawalan keselamatan dan tindak balas insiden. 7. Meningkatkan Infrastruktur Pelayan Teknologi Pelayan Virtual telah diatur untuk memudahkan pengurusan pelayar, menambahbaik kebolehpercayaan/ketersediaan dan menambahbaik ROI atas pelaburan IT. 8. Mengkaji dan Menambahbaik Rangkaian IT, Infrastruktur Keselamatan dan Perkhidmatan Telco. Rangkaian telah direka semula dengan memasukkan ciri-ciri yang menonjol seperti peningkatan keselamatan, kebolehpercayaan dan ketersediaan, dan kecekapan.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT (sambungan)	9. Sistem Pangkalan Data Kajian Ekuiti dan Sistem Pangkalan Data Kajian Ekonomi Kemudahan berdasarkan pengetahuan kajian dan analisis yang lebih produktif, memendekkan jangka masa dengan kadar 60%. 10. Dashboard Pengurusan Risiko <i>Dashboard</i> telah direka bersama RMCD untuk berkomunikasi mengenai maklumat risiko utama merentasi organisasi dengan pihak pengurusan, menyediakan penunjuk risiko berkaitan, metrik dan arah aliran yang menolong pengemudian taktik dan strategi keputusan perniagaan. 11. Inisiatif RPS (Strategi Prestasi Risiko) dan ICMS (Sistem Pengurusan Caruman Bersepadu) • Untuk memudahkan membuat keputusan secara lebih baik bagi Pengurusan Aset yang telah meningkat, jabatan-jabatan RMCD, Prestasi Perniagaan, dan Strategi Portfolio serta IT melaksanakan inisiatif RPS. • Untuk mengautomasi dan menambahbaik keseluruhan pengurusan caruman pencen / kutipan / denda / proses bayaran, Jabatan Caruman dan ITD menjalankan inisiatif ICMS. LANGKAH KE HADAPAN Pada 2011, KWAP memberi tumpuan untuk menambahbaik Sumber IT (perkakasan / sistem) dan sebahagian inisiatif ini akan diselesaikan dalam tahun 2012. Untuk memperkukuhkan dan menyediakan Perkhidmatan Penghantaran IT, kami akan melatih dan memperaku warga kerja IT. Dalam 2012 KWAP akan memulakan perjalanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) untuk menyediakan Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menyeluruh untuk menghadapi ancaman siber, merangkumi manusia, proses, sistem dan pembekal perkhidmatan. Inisiatif ISMS ini diselarikan dengan kehendak kami iaitu mengawal Infrastruktur Maklumat Penting Kebangsaan. ISMS dijangka akan mendapat pengiktirafan ISO 27001 pada 2013.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN	1. Pengurusan Operasi dan Risiko Strategik Kajian Semula Proses Jangkahayat (LPR) - Menyiapkan LPR ke atas enam proses utama seperti Pembelian dan jualan ekuiti tersenarai, Pelaburan dalam ekuiti swasta dan pelaburan dalam instrumen berpendapatan tetap. Pengurusan Kesenambunagan Perniagaan - Mengkaji semula bencana strategi pemulihan memandangkan perubahan ketara dalam sistem dan proses di KWAP. Profil Risiko Jabatan - Menyiapkan enam profil untuk jabatan berkaitan pelaburan utama seperti Jabatan Berpendapatan Tetap, Jabatan Ekuiti dan Jabatan Penyelesaian Pelaburan. Analisis Jurang Rangka Kerja Pengurusan Risiko - Menyiapkan analisis jurang terhadap Rangka Kerja Pengurusan Risiko sedia ada berbanding piawaian ISO 31000 (Pengurusan Risiko). Rangka kerja Pengurusan Risiko Strategik (SRMF) - Membina dan mengesahkan SRMF. Profil Risiko Korporat (Penunjuk Risiko Utama) - Perumusan penunjuk risiko utama untuk risiko utama korporat, seperti kegagalan mencapai sasaran pendapatan, risiko pihak berlawanan, sumber manusia. 2. Pengurusan Risiko Pasaran Sistem Risiko Pengurusan - Melantik pembekal untuk membekal sistem bersepadu risiko, prestasi dan strategi (RPS) kepada KWAP. Ini adalah kerjasama di antara Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan (RMCD), Jabatan Prestasi Perniagaan (BPD) dan Jabatan Strategi Portfolio (PSD). Pengukuran Risiko Pasaran - Meningkatkan langkah risiko pasaran (perumusan dan pengeluaran laporan analisis secara harian, mingguan, dan bulanan untuk Ekuiti, Pendapatan Tetap dan Tukaran Asing). - Menambahbaik laporan risiko alternatif (memperkenalkan laporan risiko alternatif ke dalam laporan kepada ERMCD dan RMC).

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
PENGURUSAN RISIKO DAN PEMATUHAN (sambungan)	3. Pengurusan Risiko Kredit - Garis Panduan Had <i>counterparty</i> melaksanakan garis panduan dalam mengurus risiko <i>counterparty</i> untuk pasaran kewangan, tukaran asing dan produk terbitan. - Pendedahan Pelaburan Kumpulan menambahbaik mekanisma pemantauan melalui "Model Petunjuk Lampu Isyarat". - Pemerhatian Kadar Negatif PDS menjalankan langkah jangkaan awalan dalam menangani kemungkinan turun gred dan/atau bon ingkar.
	4. Pematuhan Pelaksanaan Rangka Kerja Pematuhan dan Senarai Semakan Pematuhan Sendiri: - Menyiapkan pelaksanaan Rangka Kerja Pematuhan dalam KWAP - Had Pematuhan: Melaksanakan had Pematuhan dalam Sistem Pelaburan.
	LANGKAH KE HADAPAN - Selain dari meneruskan kerja baik dalam Kajian Semula Proses Jangka hayat, Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan dan Profil Risiko Jabatan. - Untuk menapis pematuhan Rangka Kerja Pengurusan Risiko bagi mendapatkan ISO 31000 sejajar dengan penanda aras industri lain ke atas pengurusan risiko. - Untuk memahat pengurusan risiko strategik sepertimana SRMF ke dalam perancangan strategik dan proses pemantauan. - Melaksanakan RPS dan belanjawan risiko. - Pemformalan dan pelaksanaan analisis senario dan rangka kerja pemeriksaan tekanan. - Penubuhan dan pemformalan rangka kerja pengurusan risiko kredit dan polisi pengurusan risiko kredit. - Penambahbaikan kepada peralatan pematuhan untuk memastikan peningkatan kesedaran pematuhan dalam KWAP, dengan memasukkan pelaksanaan Pematuhan Sendiri yang lebih teguh dan ujian sampel. - Untuk melaksanakan struktur had yang lebih menyeluruh terhadap semua kelas aset termasuk pengurus dana luaran.

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011
- ULASAN OPERASI JABATAN

JABATAN	PENCAPAIAN UTAMA DALAM 2011 DAN LANGKAH KE HADAPAN
AKAUN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN	1. Kajian Kesediaan FRS - Objektif: Untuk membolehkan KWAP menentukan dan menilai kesediaan menerima pakai FRS untuk pelaksanaannya di masa akan datang. - Keputusan: Laporan yang terperinci serta penilaian ke atas keperluan kesediaan FRS KWAP.
	2. Polisi Penyimpanan Dokumen - Objektif: Untuk menyemak, menyimpan, dan melupuskan dokumen secara automatik. - Keputusan: Garis panduan untuk mengenalpasti, menyelenggara dan menyimpan dokumen sebelum pelupusan.
	LANGKAH KE HADAPAN Penambahbaikan proses dan prosedur KWAP secara keseluruhan - Menambahbaikan proses dan prosedur KWAP selaras dengan cadangan Kajian Kesediaan FRS untuk pelaksanaan di masa akan datang. Pelaksanaan Polisi Penyimpanan Dokumen - Sasaran: Penggal pertama 2012

RUMUSAN OPERASI DAN PENCAPAIAN 2011

- ULASAN OPERASI DAN PENCAPAIAN TAHUN 2011

PERBELANJAAN OPERASI

Perbelanjaan operasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 berjumlah RM65.78 juta. Jumlah ini merupakan peningkatan 56.10% atau RM23.64 juta dibandingkan dengan tahun kewangan 2010. Kos yang lebih tinggi ini adalah disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi ke atas yuran profesional dan perkhidmatan terutamanya yuran pengurus dana, yuran profesional serta perkhidmatan untuk pelaburan hartanah, dan yuran kustodian serta kos berkaitan kakitangan. Kumpulan juga mencatatkan perbelanjaan setahun ke atas pelaburan hartanah dalam tahun 2011 berbanding dengan 22 hari perbelanjaan ke atas pelaburan hartanah dalam tahun 2010.

Dalam tahun 2011, Kumpulan meneruskan pelaburan modal insan melalui pengambilan pekerja serta program latihan. Sepanjang tahun 2011, Kumpulan merekrut seramai 26 orang warga kerja tambahan yang meningkatkan jumlah keseluruhan warga kerja kepada 152 orang. Jumlah keseluruhan emolumen bagi 2011 adalah 33.41% dari perbelanjaan mengurus keseluruhan untuk tahun tersebut. Kumpulan juga telah melantik tujuh (7) pengurus dana luaran yang baru yang mengakibatkan peningkatan yuran pengurus dana pada 2011. Tambahan lagi, Kumpulan meneruskan tumpuannya ke atas penambahbaikan dan pembangunan sistem IT terutamanya sepanjang tahun 2011, untuk Pusat Pemulihan Bencana di bawah Pelan (BCP) Kesenambungan Perniagaan dan ICMS.

Pengurusan meneruskan pelan menyumbangkan Kumpulan di dalam pasaran asing dalam tahun 2011 melalui penubuhan sebuah anak syarikat di UK bagi tujuan pemberian perkhidmatan pengurusan berhubung dengan pelaburan Kumpulan di dalam pasaran ekuiti UK. Tambahan pula, penubuhan sebuah amanah hartanah baru yang berkaitan dengan hartanah di Sydney, Australia turut dimasukkan di bawah anak syarikat Australia yang sedia ada. Pelebaran sayap antarabangsa telah menyumbang kepada peningkatan dalam keseluruhan yuran guaman dan profesional bagi Kumpulan.

Sehingga 31 Disember 2011, susut nilai Kumpulan telah meningkat sebanyak 346.19% kepada RM14.70 juta berbanding RM3.29 juta dalam tahun 2010. Caj susut nilai dari pelaburan hartanah antarabangsa telah meningkat sebanyak 712.0% kepada RM12.70 juta berbanding tahun 2010. Angka ini dijangka akan terus meningkat memandangkan peningkatan pelaburan dalam hartanah antarabangsa.

Perbelanjaan Modal

Kumpulan terus membina infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif terutamanya dalam IT, dengan penambahbaikan dan perkembangan sistem IT seperti Sistem Pengurusan Caruman Integrated (ICMS) serta penambahbaikan ke atas sistem pelaburan yang sedia ada, IFIMS. Kesemua peningkatan gred dan penambahbaikan infrastruktur operasi IT, bersama dengan rangkaian dan keselamatan terkini telah disempurnakan pada tahun 2011.

Perbelanjaan modal keseluruhan pada tahun 2011 bagi Kumpulan adalah lebih kurang RM 633.74 juta terutamanya untuk hartanah.

KAD SKOR KORPORAT UNTUK 2012

Objektif Pihak Berkepentingan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Meningkatkan saiz dana	a) Pertumbuhan saiz dana dalam peratusan	a) Meningkatkan saiz dana (mengikut kos) sekurang-kurangnya pada 9.9% dari anggaran baki pada pembukaan tahun 2012
2. Membiayai liabiliti persaraan Kerajaan	b) Mengenalpasti cadangan penyelesaian pembiayaan pada jangka masa yang ditetapkan (berkaitan dengan caruman kerajaan kepada KWAP)	b) Penyerahan cadangan penyelesaian pembiayaan

Objektif Kewangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Mencapai sasaran ROI	a) KDNK 2012 b) Penanda aras khas (purata wajar dari penanda aras kesemua kelas aset)	a) ROI 5.00% b) Mengatasi sasaran penanda aras yang disasarkan
2. Meningkatkan penggunaan alokasi aset antarabangsa	a) % alokasi aset antarabangsa dari keseluruhan saiz dana	a) Lebih dari 6% dari keseluruhan saiz dana

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Menambahbaik pengurusan pelaburan	a) Jumlah inisiatif operasi yang dilengkapkan di bawah objektif 'menambahbaik strategi pelaburan' b) % cadangan pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan	a) 6 inisiatif operasi b) 90%
2. Mengadaptasi amalan terbaik	a) Jumlah inisiatif operasi yang diselesaikan mengikut 'adaptasi amalan terbaik' b) % pematuhan terhadap perundangan / peraturan	a) 13 inisiatif operasi b) 100% dipatuhi

KAD SKOR KORPORAT UNTUK 2012

Objektif Operasi	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
2. Melaksana amalan terbaik (sambungan)	c) % pemerhatian audit diselesaikan dalam jangkamasa yang ditetapkan d) Pendapat juruaudit berkanun e) Pendapat Audit Negara berkaitan audit prestasi	c) 100% diselesaikan d) Sijil Audit Bersih ke atas Penyata Kewangan e) Tiada pemerhatian material dibangkitkan oleh Audit Negara dan sebarang pemerhatian bukan-material yang dibangkitkan harus diselesaikan dalam tempoh 6 bulan
3. Menjalankan kajian kemungkinan ke atas pekerja KWAP untuk: a) Membina kebolehan dan kewangan Islam b) Terlibat dalam industri Skim persaraan swasta	a) Kajian diselesaikan mengikut jangkamasa yang ditetapkan	a) Dibentangkan kepada Lembaga pada Mei 2012

Objektif Pembelajaran dan Perkembangan	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Menambahbaik model pengurusan modal insan a) Mengkaji semula rangkakerja HRM b) Mengkaji semula ganjaran dan manfaat c) Menggalakkan pembelajaran berterusan d) Budaya berprestasi tinggi	a) Jumlah inisiatif baru berdasarkan kajian semula b) Kelulusan dari Lembaga mengikut jangkamasa ditetapkan c) i) Pelaksanaan Skim Bantuan Pendidikan Pekerja ii) Jumlah program yang dilaksanakan d) Jumlah program yang dilaksanakan	a) Empat (4) program b) April 2012 c) i) Januari 2012 ii) Dua belas (12) program d) Tiga (3) program

KAD SKOR KORPORAT UNTUK 2012

Objektif Perkembangan Pembelajaran	Ukuran KPI	Sasaran Tahunan
1. Menambahbaik model pengurusan modal insan (sambungan) e) Pembelajaran f) Pelan Penggantian	e) Purata hari latihan untuk setiap warga kerja f) Penyiapan Rangka Kerja Pelan Penggantian	e) 7 hari latihan untuk setiap warga kerja f) Menyiapkan Rangka Kerja Pelan Penggantian pada Ogos 2012
2. Penglibatan pekerja	a) Melaksanakan pelan aksi pasca Kajian Penglibatan Pekerja b) % penglibatan	a) Minimum 2 program b) Kadar penyertaan 65% - 75%
3. Meningkatkan profil KWAP di arena tempatan dan antarabangsa	a) Penyertaan warga kerja KWAP sebagai penceramah dalam seminar b) Penyertaan KWAP sebagai urusetia dalam program Kerajaan / Badan Berkanun / industri	a) 2 seminar b) 4 penyertaan
4. Program CSR	a) Jumlah inisiatif yang dilakukan	a) 4 program CSR

RINGKASAN PELAN KORPORAT 2012-2014

STRATEGI KAMI

KWAP diperbadankan pada tahun 2007. Fasa pertama inisiatif transformasi strategik KWAP telah dilaksanakan dari tahun 2007 sehingga 2011. Fasa ini yang dikenali sebagai Gelombang 1 dipacu ke arah membina keupayaan dan meningkatkan saiz aset.

Sebagai pengurus aset berfokus kepada pulangan, strategi utama adalah ke arah melaksanakan model perniagaan baru serta peralihan kepada Pengagihan Aset Strategik yang baru. Secara ringkas, kemajuan yang dicapai di bawah Gelombang 1 termasuklah perkara-perkara berikut:

- Pelaksanaan 20 inisiatif yang dikenalpasti di bawah Kajian Model Perniagaan bertujuan menambahbaik rekabentuk organisasi, ganjaran dan manfaat serta juga amalan pengurusan pelaburan dan risiko.
- Lebih kurang 3% daripada pengagihan aset antarabangsa telah digunakan sehingga kini.
- KWAP mencatatkan purata 5-tahun (2007-2011) ROI sebanyak 6.81%.
- KWAP mencatatkan purata 3-tahun (2009-2011) kadar pulangan wajar masa keputusan, sebanyak 8.61%.
- Saiz dana berkembang sebanyak 64.2% daripada RM48.08 billion dalam tahun 2008 kepada RM78.93 billion pada akhir tahun 2011.

Salah satu inisiatif utama yang dilancarkan adalah untuk terlibat secara aktif di dalam proses pembentukan dasar-dasar yang berkaitan dengan pencen. Sorotan terhadap kemajuan yang dicapai dalam bidang ini termasuk perkara-perkara berikut:

- Menyiapkan Kajian Liabiliti Pencen yang telah pun diluluskan oleh Kabinet pada November 2010. KWAP sedang bekerjasama dengan Kerajaan melalui Kementerian Kewangan ke arah melaksanakan kelulusan tersebut.
- KWAP telah menganggotai jawatankuasa yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dalam tahun 2011 yang dipertanggungjawabkan untuk membangunkan skim caruman pencen baru.
- KWAP juga dijemput menganggotai dalam Jawatankuasa Sekuriti Sosial dan Pencen yang diwakili oleh pelbagai agensi, dan diterajui oleh Kementerian Kewangan untuk mengkaji sistem sekuriti sosial dan pencen di Malaysia.

Tumpuan Kami

Mengorak langkah ke Gelombang 2 yang bermula pada tahun 2012, teras strategik KWAP akan bertumpu kepada perkara-perkara berikut:

- a) Penglibatan dan kerjasama dengan kerajaan dalam hal-hal berkaitan dengan polisi kerajaan termasuk pelaksanaan hasil Kajian Liabiliti Pencen. KWAP berhasrat untuk bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam perkara berkaitan dengan perkembangan dalam sektor pencen awam.

RINGKASAN PELAN KORPORAT 2012-2014

- b) Menambahbaik amalan pengurusan pelaburan melalui pelbagai pendekatan. Bagi tahun 2012, ini termasuk meningkatkan penggunaan alokasi aset antarabangsa, mengkaji semula Alokasi Aset Strategik, pengurusan aktif pelaburan ekuiti antarabangsamelaluipenubuhanJabatan Ekuiti Antarabangsa serta melaksanakan strategi menambah nilai bagi pelaburan hartanah.
- c) KWAP akan terus mengamalkan amalan perniagaan terbaik, antara lain, melalui pensijilan ISO dan membina infrastruktur teknologi maklumat yang diperlukan.
- d) KWAP akan terus menambahbaik amalan pengurusan modal insan dengan memberi tumpuan kepada penarikan, perlantikan dan mengekalkan modal insan.
- e) KWAP akan memberi tumpuan kepada inisiatif untuk memprofilkan KWAP di peringkat dalam negara dan antarabangsa, khususnya dalam bidang pencen dan pelaburan. Ini akan dilakukan melalui penglibatan dalam domestik tempatan dan antarabangsa serta program tanggungjawab sosial korporat yang disasarkan.
- f) KWAP akan membuat kajian tertentu untuk membina keupayaan baru seperti Kewangan Islam dan inisiatif perniagaan tertentu yang lain.

Seksyen **IV** PENYATA KEWANGAN


- 113** Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga
- 114** Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) 2011
- 115** Pensijilan Ketua Audit Negara
- 116** Lembaran Imbangan
- 117** Penyata Pendapatan
- 118** Penyata Perubahan Rizab
- 120** Penyata Aliran Tunai
- 122** Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

PENYATA PENGGERUSI

DAN SEORANG AHLI LEMBAGA

Kami, **Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah** dan **Cheah Teik Seng** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dengan ini mengatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan didalamnya, adalah disediakan berpandukan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dan Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian (PERS), iaitu Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan Oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Bin Wan Abdullah**
Gelaran : Pengerusi Lembaga
Tarikh : 22 MAC 2012
Tempat : Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga,



Nama : **Cheah Teik Seng**
Gelaran : Ahli Lembaga
Tarikh : 22 MAC 2012
Tempat : Kuala Lumpur

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN) 2011

Saya, Dato' Azian Binti Mohd Noh, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan di halaman 122 hingga 143 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan
pada 21 MAC 2012

)
)
)
)



.....
Di hadapan saya,



Level 16, Menara Tokio Marine Life
169, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur.

.....
PESURUHJAYA SUMPAH


PENSIJILAN KETUA AUDIT NEGARA

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada Penyata Kewangan Disatukan. Saya berpuas hati bahawa Penyata Kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.



TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
23 MAC 2012

LEMBARAN IMBANGAN

PADA 31 DISEMBER 2011

		KUMPULAN		KWAP	
	Nota	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Aset Bukan Semasa					
Hartanah Dan Peralatan	4	1,005,923	388,422	9,149	8,515
Pelaburan	5	60,245,451	50,431,863	60,245,451	50,431,863
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	770,967	383,045
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	7	2,354,367	2,289,487	16,670	16,670
		63,605,741	53,109,772	61,042,237	50,840,093
Aset Semasa					
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	8	-	-	251,176	-
Penghutang Perniagaan	9	878,684	1,338,205	891,470	1,338,175
Penghutang Pelbagai	10	142,912	72,185	142,867	72,181
Deposit Dan Prabayar	11	32,260	9,842	31,875	8,712
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	12	17,022,440	18,339,549	16,970,903	18,313,561
		18,076,296	19,759,781	18,288,291	19,732,629
Liabiliti Semasa					
Pemiutang Perniagaan	13	391,833	46,833	384,053	45,763
Pemiutang Pelbagai	14	1,811	355	455	365
Perbelanjaan Terakru	15	26,159	33,531	19,789	10,335
		419,803	80,719	404,297	56,463
Aset Semasa Bersih					
		17,656,493	19,679,062	17,883,994	19,676,166
		81,262,234	72,788,834	78,926,231	70,516,259
Dibiayai oleh:					
Peruntukan Kumpulan Wang Terkanun	16	19,601,944	18,101,944	19,601,944	18,101,944
Caruman Pencen	17	32,438,170	29,919,843	32,438,170	29,919,843
Pendapatan Tertunda	18	1,094	1,945	1,094	1,945
Rizab		29,221,026	24,765,102	26,885,023	22,492,527
		81,262,234	72,788,834	78,926,231	70,516,259

Nota di mukasurat 122 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	KUMPULAN		KWAP	
		2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pendapatan Pelaburan Kasar (Elaun Rosot Nilai) / Elaun Rosot Nilai Pelaburan Dicatat Semula	19	4,634,062 (321,091)	4,568,911 269,583	4,663,551 (321,091)	4,617,126 269,583
		4,312,971	4,838,494	4,342,460	4,886,709
Pendapatan Bukan Pelaburan		1,611	900	887	869
		4,314,582	4,839,394	4,343,347	4,887,578
Perbelanjaan Operasi	20	(65,777)	(42,139)	(43,772)	(40,073)
Keuntungan Operasi		4,248,805	4,797,255	4,299,575	4,847,505
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai Dalam Syarikat Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti		565,296	431,207	-	-
Pendapatan Bersih		4,814,101	5,228,462	4,299,575	4,847,505

Nota di mukasurat 122 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

KUMPULAN

	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Rizab Penilaian Semula (RM'000)	Kepentingan Bukan Kawalan (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2010	18,717,722	-	606,182	-	19,323,904
Pelarasan Tahun Sebelum	(5,001)	-	-	-	(5,001)
Baki Pada 1 Januari 2010	18,712,721	-	606,182	-	19,318,903
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	5,228,462	-	-	-	5,228,462
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	223,757	-	223,757
(Kerugian) Atas Tukaran Matawang Asing	-	(6,020)	-	-	(6,020)
Baki Pada 31 Disember 2010	23,941,183	(6,020)	829,939	-	24,765,102
Baki Pada 1 Januari 2011	23,948,398	(6,020)	829,939	-	24,772,317
Pelarasan Tahun Sebelum	(7,215)	-	-	-	(7,215)
Baki Pada 1 Januari 2011	23,941,183	(6,020)	829,939	-	24,765,102
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,814,101	-	-	-	4,814,101
Agihan Tahun Semasa	(648)	-	-	-	(648)
Caj Penilaian Semula Bagi Tahun Semasa	-	-	(452,086)	-	(452,086)
Keuntungan Atas Tukaran Matawang Asing Belum Direalisasi	-	92,878	-	-	92,878
Rizab Atas Penyatuan Syarikat Bersekutu	-	-	-	1,679	1,679
Baki Pada 31 Disember 2011	28,754,636	86,858	377,853	1,679	29,221,026

PENYATA PERUBAHAN RIZAB
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	KWAP		
	Lebihan Terkumpul (RM'000)	Rizab Tukaran Matawang Asing (RM'000)	Jumlah (RM'000)
Baki Pada 1 Januari 2010	17,651,040	-	17,651,040
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,847,505	-	4,847,505
(Kerugian) Atas Tukaran Matawang Asing	-	(6,018)	(6,018)
Baki Pada 31 Disember 2010	22,498,545	(6,018)	22,492,527
Baki Pada 1 Januari 2011	22,498,545	(6,018)	22,492,527
Pendapatan Bersih Tahun Semasa	4,299,575	-	4,299,575
Untung Atas Tukaran Matawang Asing	-	92,921	92,921
Baki Pada 31 Disember 2011	26,798,120	86,903	26,885,023

Nota di mukasurat 122 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Nota	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Alliran Tunai Dari Aktiviti Operasi				
Terimaan Tunai Dari				
Pelanggan Dan Pekerja	2,893	58	1,796	24
Bayaran Tunai Kepada				
Pembekal Dan Pekerja	(33,136)	(27,933)	(32,001)	(25,778)
Wang Tunai Diguna Untuk Aktiviti Operasi	(30,243)	(27,875)	(30,205)	(25,754)
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan				
<u>Pendapatan Diterima</u>				
Jualan Saham	13,083,611	15,564,841	13,083,611	15,564,841
Dividen Pasaran Saham	754,484	665,899	754,484	665,899
Tuntutan Cukai Atas Dividen	1,726	53,411	1,726	53,411
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti	228,867	167,859	228,867	167,859
Pendapatan Pengurus Dana Bon	32,746	27,483	32,746	27,483
Bayaran Balik Pinjaman	2,692,657	439,866	2,692,657	439,866
Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia	31,164,229	18,285,691	31,164,229	18,285,691
Faedah Pinjaman	378,255	344,337	378,255	344,337
Jualan Sekuriti				
Hutang Persendirian	3,785,952	887,126	3,785,952	887,126
Faedah Sekuriti				
Hutang Persendirian	571,152	507,122	571,152	507,122
Faedah Simpanan Tetap	311,076	238,543	311,076	238,543
Faedah Pasaran Wang				
Jangka Pendek	150,057	128,874	150,057	128,874
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	900,178	791,336	900,178	791,336
Faedah Akaun Semasa				
Pasaran Wang	431	107	431	107
Faedah Akaun Semasa Bank	18	20	18	20
Jualan Saham Syarikat Subsidiari	-	-	251,207	-
Pulangan Dana Ekuiti Persendirian	25,596	18,681	25,596	18,681
Pendapatan Dana				
Ekuiti Persendirian	12,408	1,565	12,408	1,565
Sewa Hartanah	48,799	2,100	-	-
Dividen Syarikat Bersekutu	50,009	50,009	50,009	50,009

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Nota	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pembayaran				
Saham Tersiar Harga	(18,199,300)	(14,890,643)	(18,199,300)	(14,890,643)
Pengurus Dana	(1,820,452)	(360,000)	(1,820,452)	(360,000)
Yuran Pengurus Dana	(9,369)	(6,427)	(9,369)	(6,427)
Yuran Kustodian	(1,191)	(207)	(1,191)	(207)
Pinjaman	(2,474,215)	(1,021,907)	(2,474,215)	(1,021,907)
Sekuriti Kerajaan Malaysia	(33,107,642)	(17,809,941)	(33,107,642)	(17,809,941)
Bon	(2,861,608)	(1,375,133)	(2,861,608)	(1,375,133)
Pendahuluan Sekuriti Kerajaan Malaysia	(241,599)	(132,292)	(241,599)	(132,292)
Dana Ekuiti Persendirian	(133,196)	(62,974)	(133,196)	(62,974)
Pelaburan Dalam Subsidiari	-	-	(623,026)	(375,355)
Pembelian Aset Tetap	(654,368)	(357,714)	(2,634)	(1,307)
Perbelanjaan Berkaitan Hartanah	(5,812)	(630)	-	-
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	(251,207)	-
Wang Tunai Bersih (Diguna) / Diperolehi Dari Aktiviti Pelaburan	(5,316,501)	2,157,002	(5,330,780)	2,136,584
Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan				
Terimaan Peruntukan Wang Terkanun	1,500,000	1,000,000	1,500,000	1,000,000
Terimaan Caruman Pencen	2,531,532	3,190,450	2,531,532	3,190,450
Bayaran Balik Caruman Pencen	(13,205)	(11,259)	(13,205)	(11,259)
Wang Tunai Bersih Diperoleh Dari Aktiviti Pembiayaan	4,018,327	4,179,191	4,018,327	4,179,191
(Pengurangan) / Pertambahan Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai Tukaran Matawang Asing Atas Terjemahan Penyata Kewangan Operasi Luar Negara Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	(1,328,417)	6,308,318	(1,342,658)	6,290,021
	11,308	7,691	0.00	-
	18,339,549	12,023,540	18,313,561	12,023,540
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	12	17,022,440	16,970,903	18,313,561

Nota di mukasurat 122 hingga 143 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

1. MAKLUMAT UMUM

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ditubuhkan pada 1 Mac 2007 di bawah Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) dengan geran pelancaran sebanyak RM27.0 juta dari Kerajaan Persekutuan.

Tanggungjawab utama KWAP adalah untuk mengurus Kumpulan Wang Persaraan (Dana) sejajar dengan kehendak seksyen 13 Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) untuk mencapai pulangan terlaras risiko atas pelaburannya. Sumber utama Dana KWAP diperolehi dari peruntukan Kerajaan Persekutuan serta caruman pencen yang terdiri daripada caruman Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, lain-lain Agensi, caruman daripada syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain serta pendapatan pelaburan. Dana dilaburkan dalam kelas-kelas aset berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik dan Polisi dan Garis Panduan Pelaburan yang diluluskan oleh Panel Pelaburan dan Lembaga. Dana diuruskan bagi mencapai pulangan optimum ke atas pelaburan untuk membantu Kerajaan Persekutuan membiayai liabiliti pencen Kerajaan.

KWAP adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan di Malaysia. Alamat berdaftar dan tempat perniagaan utama KWAP adalah Aras 4, 5, 6 & 8, Menara Yayasan Tun Razak, 200 Jalan Bukit Bintang, 55100 Kuala Lumpur.

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

KWAP terdedah kepada pelbagai risiko kewangan termasuk risiko kredit, risiko kecairan dan risiko aliran tunai. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan secara keseluruhan adalah bertujuan mengoptimumkan pulangan kepada KWAP.

2.1 Risiko Kewangan

Pengurusan risiko kewangan dilakukan melalui kajian semula risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan kepada pengurusan kewangan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko sentiasa menyemak dan memantau risiko-risiko ini.

2.2 Risiko Kredit

KWAP memastikan risiko kredit adalah terkawal dengan membuat pemantauan berterusan terhadap kedudukan kewangan dan prestasi kredit pihak berkaitan.

2.3 Risiko Pasaran

Pengurusan risiko pasaran menggunakan pendekatan nilai atas risiko. Nilai atas risiko adalah pengukuran secara statistik yang menganggarkan perubahan yang mungkin berlaku dalam nilai portfolio kesan dari perubahan kadar pasaran harian ke atas tempoh pegangan tertentu pada tahap keyakinan yang telah ditentukan dalam keadaan pasaran biasa.

2.4 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

KWAP mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi pada bila-bila masa dan menyediakan dana yang mencukupi bagi memenuhi anggaran komitmen bagi perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING**3.1 ASAS PERAKAUNAN**

Penyata kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah sejajar dengan Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662) mengikut Piawaian Perakaunan Bagi Entiti Persendirian yang diluluskan di Malaysia.

Persembahan penyata kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua angka dibundarkan kepada ribuan Ringgit Malaysia terhampir, selain dinyatakan sebaliknya.

3.2 ENTITI EKONOMI DALAM KUMPULAN**3.2.1 Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari ialah entiti di mana KWAP mempunyai kuasa kawalan atas dasar kewangan dan operasi untuk memperolehi faedah daripada aktiviti-aktivitinya, secara dasarnya melalui pegangan melebihi 50 peratus hak mengundi. Pelaburan dalam *Management Investment Trust* (Australia) dan *Prima Ekuiti* (UK) Limited adalah dikategorikan sebagai syarikat subsidiari selaras dengan definisi ini.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan dalam penyata kewangan menurut kaedah kos sejajar dengan MASB 11. Kos luaran yang menyumbang secara terus ke atas pengambilalihan syarikat subsidiari dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pengambilalihan. Syarikat subsidiari digabungkan sepenuhnya dari tarikh kawalan diambilalih oleh KWAP dan diasingkan dari tarikh kawalan luput.

Penyata kewangan digabungkan adalah termasuk penyata kewangan KWAP dan syarikat subsidiari. Segala urusaniaga dan baki yang material di antara syarikat-syarikat dalam kumpulan dilupuskan dan penyata kewangan gabungan hanya menggambarkan urusaniaga luaran kumpulan.

3.2.2 Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana KWAP mempunyai pengaruh ketara, tetapi bukan kawalan, secara dasarnya, serta mempunyai pegangan ekuiti jangka panjang dan hak mengundi di antara 20 peratus hingga 50 peratus. Pengaruh ketara ialah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan kewangan dan polisi operasi dalaman syarikat bersekutu tetapi bukan kuasa untuk mengawal polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan dalam penyata kewangan menurut kaedah ekuiti sejajar dengan MASB 12.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**3.3 HARTANAH DAN PERALATAN****3.3.1 Pengiktirafan Dan Nilai**

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada nilai kos selepas ditolak susut nilai dan penjejasan nilai aset terkumpul, sekiranya ada.

Kos termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset tersebut dan lain-lain kos yang terlibat secara langsung dalam membawa aset kepada keadaan sedia guna bagi tujuan kegunaan aset tersebut dan kos-kos meroboh, memindah dan mengembalikan keadaan asal tempat di mana aset itu berada.

3.3.2 Kerugian Penjejasan

Polisi untuk pengiktirafan dan penilaian kerugian terjejas akan diperuntukkan jika nilai aset dibawa melebihi nilai semasa yang dapat diperolehi seperti dinyatakan di Nota 3.4.

3.3.3 Kos Selepasnya

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada hartanah atau peralatan diiktiraf di dalam nilai dibawa jika ianya berkebarangkalian besar bahawa faedah ekonomi masa hadapan akan diterima oleh KWAP dan kosnya boleh dinilai dengan yakin. Nilai dibawa bahagian yang diganti tersebut akan dikeluarkan. Kos penyenggaraan harian hartanah dan peralatan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan sebaik ianya ditanggung.

3.3.4 Susut nilai

Kerja dalam kemajuan dan lukisan tidak disusut nilaikan. Susut nilai dinyatakan menurut kaedah garis lurus kecuali pelaburan dalam aset hartanah yang dikategorikan sebagai kumpulan nilai rendah di mana susutnilai dinyatakan berdasarkan kepada kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira untuk mengurangkan kos aset kepada nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut.

Kadar susut nilai hartanah dan peralatan adalah seperti berikut:

(i) Pelaburan Hartanah	2.50% setahun
(ii) Pelaburan Hartanah - Kumpulan Nilai Rendah	18.75% pada tahun pertama dan 37.5% setahun pada tahun-tahun berikutnya
(iii) Ubahsuai Pejabat	16.67% setahun
(iv) Perabot	15.00% setahun
(v) Peralatan Pejabat	15.00% setahun
(vi) Komputer	20.00% setahun
(vii) Perisian Komputer	20.00% setahun
(viii)Kenderaan	20.00% setahun

Nilai baki bersih, usia penggunaan dan kaedah susut nilai aset disemak dan diselaraskan jika bersesuaian pada tarikh Lembaran Imbangan untuk memastikan keseragaman, kaedah dan tempoh susut nilai dengan anggaran sebelumnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.3 HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

3.3.5 Pelupusan

Aset dihapus kira apabila dijual atau apabila tiada faedah ekonomi yang dijangka pada masa hadapan daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan bersih atas pelupusan dengan nilai dibawa aset adalah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

3.4 PENJEJASAN ASET

Aset yang tidak mempunyai usia guna adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila berlaku peristiwa atau perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai dibawa berkemungkinan tidak akan diperolehi. Jika jelas terdapat tanda-tanda penjejasan aset, nilai aset boleh direalisasi dianggarkan untuk menentukan amaun kerugian penjejasan.

Kerugian terjejas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan apabila nilai dibawa aset melebihi nilai diperolehi. Nilai diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos jualan atau nilai diguna. Jika terdapat sebarang kenaikan dalam amaun yang akan diperolehi, ianya diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali terdapat pembalikan rugi terjejas atas aset yang dinilai semula di mana ianya akan diambil kira ke akaun Lebihan Penilaian Semula di Lembaran Imbangan.

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan.

3.5 PELABURAN

Pelaburan utama KWAP terdiri daripada pelaburan dalam Saham Tersiar Harga, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Persendirian, Dana Ekuiti Persendirian dan Hartanah.

3.5.1 Saham Tersiar Harga

Butir terperinci perakaunan dan pengiktirafan Saham Tersiar Harga adalah seperti berikut:

- (i) Pendedahan Nilai Pelaburan Saham Tersiar Harga Di Penyata Kewangan
Pelaburan Saham Tersiar Harga hendaklah didedahkan di penyata kewangan pada nilai kos atau nilai pasaran, mana yang terendah, pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan harga belian bersih saham. Manakala nilai pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangan.
- (ii) Penentuan Elaun Rosot Nilai
Pengiraan elaun rosot nilai belum direalisasi dikira berdasarkan portfolio secara individu dan diperuntukkan elaun rosot nilai pelaburan sebanyak 100% atas kos atau harga pasaran, mana yang terendah, pada tarikh berakhir sesuatu tempoh kewangan berdasarkan IAS 25. Nilai buku saham tersiar harga akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun rosot nilai. Sekiranya dalam tahun berikutnya saham tersebut telah dijual atau harga pasaran saham lebih tinggi daripada kos, maka kerugian belum direalisasi tersebut akan diselaraskan sebagai pendapatan dengan amaun pelarasan terhad kepada baki elaun rosot nilai yang telah diperuntukkan sebelumnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**3.5 PELABURAN (sambungan)****3.5.1 Saham Tersiar Harga (sambungan)**

- (iii) Perakaunan Jualan Pelaburan Saham Tersiar Harga
Apabila terdapat jualan dalam pelaburan Saham Tersiar Harga, perbezaan di antara nilai perolehan bersih atas jualan dan nilai dibawa pelaburan adalah dicaj atau dikreditkan dalam Penyata Pendapatan bagi tahun tersebut.

3.5.2 Sekuriti Kerajaan Malaysia

Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang didapati dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.3 Sekuriti Hutang Persendirian

Pelaburan dalam Sekuriti Hutang Persendirian seperti Bon dan Nota Jangka Sederhana dengan tujuan pegangan hingga tarikh matang, dinyatakan pada nilai buku yang dikira dari nilai kos dan diselaraskan di mana perlu bagi pelunasan premium dan diskaun daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang.

3.5.4 Dana Ekuiti Persendirian

Pelaburan dalam Dana Ekuiti Persendirian dinyatakan pada kos tolak pemulangan modal, jika ada.

3.6 PERTUKARAN MATA WANG ASING**3.6.1 Mata Wang Fungsian Dan Persembahan**

Penyata Kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana KWAP beroperasi (mata wang fungsian).

3.6.2 Urus Niaga Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukarkan ke Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran ketika tarikh urus niaga. Item kewangan yang didominasi dalam mata wang asing diterjemahkan dengan menggunakan kadar pertukaran penutup pada tarikh Lembaran Imbangan. KWAP akan menguruskan pendedahan terhadap matawang asing secara proaktif.

Perbezaan kadar pertukaran mata wang berikutan penjelasan item kewangan dan terjemahan item kewangan pada tarikh Lembaran Imbangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan. Perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam ekuiti jika untung atau rugi item bukan mata wang diiktiraf dalam ekuiti. Manakala perbezaan kadar pertukaran mata wang bagi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan jika untung atau rugi item bukan kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)**3.6 PERTUKARAN MATA WANG ASING (sambungan)****3.6.3 Syarikat Dalam Kumpulan**

Keputusan dan kedudukan kewangan KWAP dan syarikat-syarikat subsidiari dengan matawang fungsian yang berbeza dengan matawang persembahan adalah diterjemahkan kepada matawang persembahan seperti berikut:

- (i) Aset dan liabiliti bagi setiap Lembaran Imbangan yang dipersembahkan diterjemahkan pada kadar tukaran matawang penutup pada tarikh Lembaran Imbangan;
- (ii) Pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap Penyata Pendapatan diterjemahkan pada kadar pertukaran purata; dan
- (iii) Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf sebagai komponen berasingan dalam ekuiti.

3.7 PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

KWAP menerima peruntukan tahunan daripada Kerajaan Persekutuan mengikut seksyen 13, Akta Kumpulan Wang Persaraan 2007 (Akta 662).

3.8 CARUMAN PENCEN

Caruman pencen diambil kira apabila caruman tersebut diterima daripada Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain Agensi serta syer Kerajaan, ganjaran dan potongan lain sejajar dengan Akta Pencen Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan 1980 (Akta 239) dan Pekeliling Perkhidmatan No. 12/2008.

3.9 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Pendapatan dan perbelanjaan diambil kira berasaskan prinsip akruan.

3.10 CUKAI

KWAP dikecualikan daripada cukai pendapatan ke atas pendapatannya di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi semua pendapatan daripada punca domestik. Semua punca pendapatan antarabangsa adalah tertakluk kepada kadar dan undang-undang cukai negara terbabit.

3.11 SEWA KEWANGAN

Sewa kewangan diklasifikasikan sebagai sewa di mana KWAP adalah penyewa yang menanggung hampir keseluruhan risiko dan pemilikan. Aset yang diperolehi di bawah perjanjian sewa kewangan dipermodalkan pada kos belian dan disusut nilaikan pada asas yang sama seperti aset yang telah dimiliki. Jumlah amaun yang tertunggak di bawah perjanjian sewa kewangan telah diklasifikasikan sebagai pemiutang sewa kewangan di Lembaran Imbangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

3. RINGKASAN DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

3.12 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki bank dan wang tunai, deposit di bank dan institusi kewangan lain serta pelaburan berjangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dengan tempoh kematangan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh mula pegangan dan sedia ditukar dalam bentuk tunai dengan risiko perubahan nilai yang rendah.

Penyata Aliran Tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

3.13 MANFAAT PEKERJA

3.13.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial serta manfaat-manfaat lain seperti faedah perubatan diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana pekerja menyumbang perkhidmatan mereka.

3.13.2 Pelan Caruman Wajib

Sepertimana yang dikehendaki oleh undang-undang, KWAP mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi pekerjaanya. Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

3.14 GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan berkaitan dengan aset diklasifikasikan dalam ekuiti sebagai pendapatan tertunda dan akan dikreditkan ke Penyata Pendapatan secara bulanan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan kepada anggaran jangka hayat penggunaan aset-aset tersebut sejajar dengan kehendak piawaian perakaunan MASB 31.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

4. HARTANAH DAN PERALATAN

KUMPULAN

	Tanah & Bangunan RM'000	Ubahsuai Pejabat RM'000	Peralatan Perabot RM'000	Pejabat RM'000	Komputer RM'000	Perisian Komputer RM'000	Kenderaan RM'000	Kerja Dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
Kos									
Pada 1 Januari 2011	381,471	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	395,654
Penambahan	629,671	171	311	145	138	1,935	163	1,208	633,742
Pelarasan / Pelupusan	-	(302)	(497)	(94)	(34)	(66)	-	(450)	(1,443)
Pada 31 Disember 2011	1,011,142	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	1,027,953
Susutnilai Berkumpul									
Pada 1 Januari 2011	1,564	2,265	885	353	1,757	301	107	-	7,232
Caj Bagi Tahun Semasa	12,700	695	279	146	607	241	29	-	14,697
Pelarasan / Pelupusan	104	-	-	-	(3)	-	-	-	101
Pada 31 Disember 2011	14,368	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	22,030
Nilai Dibawa									
Pada 31 Disember 2011	996,774	1,307	1,159	541	754	2,427	174	2,787	1,005,923
Kos									
Pada 1 Januari 2010	-	4,679	1,577	852	2,959	923	147	1,734	12,871
Penambahan	381,471	385	649	137	52	177	-	295	383,166
Pelarasan / Pelupusan	-	(666)	283	-	-	-	-	-	(383)
Pada 31 Disember 2010	381,471	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	395,654
Susutnilai Berkumpul									
Pada 1 Januari 2010	-	1,821	551	223	1,106	143	78	-	3,922
Caj Bagi Tahun Semasa	1,564	675	334	130	651	158	29	-	3,541
Pelarasan / Pelupusan	-	(231)	-	-	-	-	-	-	(231)
Pada 31 Disember 2010	1,564	2,265	885	353	1,757	301	107	-	7,232
Nilai Dibawa									
Pada 31 Disember 2010	379,907	2,133	1,624	636	1,254	799	40	2,029	388,422

Tanah dan bangunan adalah Pelaburan Hartanah oleh KWAP MIT dalam sub amanah iaitu 737 Bourke Street Trust dan Bridge Street Trust. Caj susutnilai terkumpul tanah dan bangunan adalah 2.5% (2010 : tiada) pada asas garis lurus dan 18.75% pada tahun pertama dan 37.50% setahun selepasnya (2010 : tiada) pada kaedah baki berkurangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

4. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

KWAP								
	Ubahsuai Pejabat RM'000	Perabot RM'000	Peralatan Pejabat RM'000	Komputer RM'000	Perisian Komputer RM'000	Kenderaan RM'000	Kerja Dalam Kemajuan RM'000	Jumlah RM'000
Kos								
Pada 1 Januari 2011	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	14,183
Penambahan	171	311	145	138	1,935	163	1,208	4,071
Pelarasan / Pelupusan	(302)	(497)	(94)	(34)	(66)	-	(450)	(1,443)
Pada 31 Disember 2011	4,267	2,323	1,040	3,115	2,969	310	2,787	16,811
Susutnilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2011	2,265	885	353	1,757	301	107	-	5,668
Caj Bagi Tahun Semasa	695	279	146	607	241	29	-	1,997
Pelarasan / Pelupusan	-	-	-	(3)	-	-	-	(3)
Pada 31 Disember 2011	2,960	1,164	499	2,361	542	136	-	7,662
Nilai Dibawa								
Pada 31 Disember 2011	1,307	1,159	541	754	2,427	174	2,787	9,149
Kos								
Pada 1 Januari 2010	4,679	1,577	852	2,959	923	147	1,734	12,871
Penambahan	385	649	137	52	177	-	295	1,695
Pelarasan / Pelupusan	(666)	283	-	-	-	-	-	(383)
Pada 31 Disember 2010	4,398	2,509	989	3,011	1,100	147	2,029	14,183
Susutnilai Berkumpul								
Pada 1 Januari 2010	1,821	551	223	1,106	143	78	-	3,922
Caj Bagi Tahun Semasa	675	334	130	651	158	29	-	1,977
Pelarasan / Pelupusan	(231)	-	-	-	-	-	-	(231)
Pada 31 Disember 2010	2,265	885	353	1,757	301	107	-	5,668
Nilai Dibawa								
Pada 31 Disember 2010	2,133	1,624	636	1,254	799	40	2,029	8,515

Termasuk dalam nilai dibawa komputer pada 31 Disember 2011 adalah amaun berjumlah RM96,080.03 (2010 : RM288,278) berkaitan sewa kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

5. PELABURAN

	KUMPULAN DAN KWAP			
	2011		2010	
	Kos/ Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran/ Aset Ketara Bersih (RM'000)	Kos/ Nilai Buku (RM'000)	Nilai Pasaran/ Aset Ketara Bersih (RM'000)
Saham Tersiar Harga	24,560,738	24,712,805	16,695,463	17,216,923
Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan Saham	(497,971)		(174,735)	
	24,062,767		16,520,728	
Saham Tidak Tersiar Harga	393,136		393,136	
Sekuriti Kerajaan Malaysia (Pengurangan Premium)	16,544,437 (74,502)	16,783,463	14,456,072 (85,021)	14,556,140
	16,469,935		14,371,051	
Sekuriti Hutang Persendirian	11,458,723	12,045,374	11,094,427	11,653,106
Pertambahan Diskaun	79,731		166,609	
	11,538,454		11,261,036	
Penyertaan Dalam Dana Ekuiti Persendirian	247,909		134,221	
Pinjaman	7,533,250		7,751,691	
	60,245,451		50,431,863	

Struktur kematangan kasar bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sekuriti Hutang Persendirian (tidak termasuk Pengurus Dana Bon Luar) adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Matang Dalam Tempoh 12 bulan	1,388,362	924,247
Matang Dalam Tempoh Melebihi 12 bulan	24,942,798	24,066,253
	26,331,160	24,990,500

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI**6.1 PELABURAN DALAM PENGURUSAN AMANAH PELABURAN**

	Nota	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pada Kos:			
Unit Pegangan			
Pada 1 Januari		375,355	375,355
Tambah : Langganan Unit Tambahan		623,026	-
Tolak : Pengeluaran Pinjaman	8	(251,207)	-
		747,174	375,355
Perbezaan Tukaran Matawang Asing		23,793	7,690
Pada 31 Disember		770,967	383,045

Butiran pelaburan dalam Pengurusan Amanah Pelaburan adalah seperti berikut:

Nama	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif		Kegiatan Utama
		2011 %	2010 %	
KWAP Managed Investment Trust (KWAP MIT)*	Australia	100	100	Pengurusan Amanah Pelaburan
Amanah Pelaburan Oleh KWAP MIT				
737 Bourke Street Trust*	Australia	100	100	Penyewaan Hartanah
Bridge Street Trust*	Australia	100	-	Penyewaan Hartanah

* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (sambungan)**6.1 PELABURAN DALAM PENGURUSAN AMANAH PELABURAN (sambungan)**

KWAP telah membuat pelaburan awal di dalam KWAP MIT pada 4 November 2010 di mana kegiatan utama KWAP MIT adalah pengurusan amanah pelaburan. Jumlah unit pegangan KWAP di dalam KWAP MIT pada 1 Januari 2011 adalah 120,538,000 unit pada AUD1.00 seunit dan jumlah unit pegangan KWAP MIT di dalam 737 Bourke Street Trust adalah 120,538,000 unit pada AUD1.00 seunit. Pada 20 Mei 2011 KWAP telah mengurangkan unit pegangan di dalam KWAP MIT melalui pinjaman kepada KWAP MIT sebanyak AUD78,000,000 pada AUD1.00 seunit. Seterusnya, pada 14 Disember 2011 dan 20 Disember 2011, KWAP telah meningkatkan unit pegangan di dalam KWAP MIT sebanyak 9,250,000 pada AUD 1.00 seunit dan 187,628,000 pada AUD1.00 seunit melalui pelaburan KWAP MIT di dalam Bridge Street Trust. Pada 31 Disember 2011, jumlah unit pegangan KWAP di dalam KWAP MIT adalah 239,416,000 pada AUD1.00 seunit dan jumlah unit pegangan KWAP MIT di dalam 737 Bourke Street Trust dan Bridge Street Trust adalah 120,538,000 pada AUD1.00 seunit dan 196,878,000 pada AUD1.00 seunit.

6.2 PELABURAN DALAM PRIMA EKUITI (UK) LIMITED

KWAP telah membuat pelaburan awal di dalam Prima Ekuiti (UK) Ltd. pada 6 Oktober 2011 berjumlah GBP2.00 secara tunai. Kegiatan utama Prima Ekuiti (UK) Ltd. adalah pembekalan perkhidmatan pengurusan dana bagi pelaburan KWAP di dalam pasaran saham di United Kingdom. KWAP berhajat untuk meningkatkan modal berbayar Prima Ekuiti (UK) Ltd kepada GBP50,000.00 pada tahun 2012.

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pada Kos:				
Saham Tidak Disenarai	16,670	16,670	16,670	16,670
Bahagian Keuntungan Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	2,141,533	1,576,236	-	-
Bahagian Penilaian Semula Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	377,853	829,939	-	-
Bahagian Kepentingan Bukan Kawalan Selepas Pengambilalihan Dalam Syarikat Bersekutu	1,679	-	-	-
	2,537,735	2,422,845	16,670	16,670
Tolak: Dividen Yang Diterima	(183,368)	(133,358)	-	-
Bahagian Aset Bersih	2,354,367	2,289,487	16,670	16,670

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (sambungan)**7.1 PERATUSAN PEGANGAN EFEKTIF DAN KEWANGAN SYARIKAT BERSEKUTU**

Ringkasan maklumat kewangan untuk syarikat bersekutu, tidak diselaras untuk peratus milikan yang dipegang oleh Kumpulan:

2011	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif %	Kegiatan Utama	Hasil 100% (RM'000)	Pendapatan Bersih 100% (RM'000)	Jumlah Aset 100% (RM'000)	Jumlah Liabiliti 100% (RM'000)
Valuecap Sdn Bhd	Malaysia	33.34	Pelaburan dalam sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia	2,318,376	1,695,614	12,252,715	5,190,941

2010	Negara Ditubuhkan	Pegangan Efektif %	Kegiatan Utama	Hasil 100% (RM'000)	Pendapatan Bersih 100% (RM'000)	Jumlah Aset 100% (RM'000)	Jumlah Liabiliti 100% (RM'000)
Valuecap Sdn Bhd	Malaysia	33.34	Pelaburan dalam sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia	1,705,247	1,293,379	17,258,708	10,391,537

8. PINJAMAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pada Kos	-	-	251,207	-
(Kerugian) Atas Tukaran Wang Asing Belum Direalisasi	-	-	(31)	-
Pada 31 Disember	-	-	251,176	-

Pinjaman kepada syarikat subsidiari dicatatkan dalam Dolar Australia (AUD), adalah tidak bercagar, tertakluk pada kadar faedah 8% setahun, tertakluk kepada kajian semula secara tahunan (2010 : tiada) dan dibayar balik atas permintaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

9. PENGHUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Jualan Saham	90,752	634,500	90,752	634,500
Pendapatan Dividen	6,743	7,178	7,534	7,178
Pendapatan Pengurus Dana Ekuiti	300,278	228,867	300,278	228,867
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	156,364	153,422	156,364	153,422
Pendapatan Pengurus Dana Bon	61,910	32,746	61,910	32,746
Faedah Sekuriti Hutang Persendirian	88,405	105,024	88,405	105,024
Faedah Pinjaman	97,309	94,035	97,309	94,035
Faedah Pasaran Wang Jangka Pendek	10,656	20,563	10,656	20,563
Faedah Simpanan Tetap	65,820	61,840	65,820	61,840
Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	12,442	-
Pendapatan Sewa Belum Diterima	447	30	-	-
	878,684	1,338,205	891,470	1,338,175

10. PENGHUTANG PELBAGAI

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Tuntutan Pembayaran Balik Cukai Pendapatan	135,600	64,905	135,600	64,905
Tuntutan Pembayaran Balik Pelaburan*	7,254	7,254	7,254	7,254
Pelbagai	58	26	13	22
	142,912	72,185	142,867	72,181

* KWAP sedang mengambil tindakan mahkamah ke atas sebuah firma pengurusan dana bagi tuntutan pembayaran balik pelaburan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

11. DEPOSIT DAN PRABAYAR

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pendahuluan Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	29,513	6,861	29,513	6,861
Pendahuluan Lain	209	7	594	7
Prabayar Pelbagai	278	433	278	433
Deposit Pelbagai*	1,490	1,411	1,490	1,411
Prabayar Berkaitan Dengan Hartanah:				
Yuran Pembangunan Hartanah	-	315	-	-
Insurans	36	217	-	-
Prabayar Perbelanjaan Hartanah	734	598	-	-
	32,260	9,842	31,875	8,712

* Tiada liabiliti luar jangka untuk KWAP bagi tahun 2011 selain daripada deposit berkaitan tuntutan yuran perunding oleh sebuah firma guaman berjumlah RM1,346,625 (2010 : RM1,346,625).

12. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Baki Bank Dan Wang Tunai	72,494	96,864	20,956	70,876
Deposit Dengan Institusi Kewangan				
- Bank Perdagangan	10,766,534	8,151,095	10,766,535	8,151,095
- Bank Islam	2,804,532	3,977,380	2,804,532	3,977,380
- Bank Pembangunan	1,490,000	4,473,180	1,490,000	4,473,180
- Bank Pelaburan	1,888,739	1,403,490	1,888,739	1,403,490
- Bank Negara Malaysia	141	46	141	46
Kertas Komersial	-	237,494	-	237,494
	17,022,440	18,339,549	16,970,903	18,313,561

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

13. PEMIUTANG PERNIAGAAN

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Yuran Pengurus Dana	3	-	3	-
Yuran Broker Saham	384,050	45,763	384,050	45,763
Pemiutang Berkaitan Hartanah:				
Pemiutang Perniagaan	121	116	-	-
Insentif Sewa	7,377	318	-	-
Pemulangan Kepada Penyewa	282	-	-	-
Pemasangan Hartanah	-	636	-	-
	391,833	46,833	384,053	45,763

14. PEMIUTANG PELBAGAI

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Cukai Jualan Kerajaan Belum Bayar	1,356	(10)	-	-
Lain-Lain	455	365	455	365
	1,811	355	455	365

15. PERBELANJAAN TERAKRU

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Peruntukan Bonus	8,000	5,645	8,000	5,645
Peruntukan Perkhidmatan	2,138	1,875	2,138	1,875
Peruntukan Yuran Pengurus Dana	9,438	2,798	9,438	2,798
Peruntukan Yuran Kustodian	213	17	213	17
Perbelanjaan Berkaitan Hartanah:				
Kos Pembelian Hartanah	3,575	21,909	-	-
Kos Kajian Usaha Wajar	539	366	-	-
Kos Penubuhan	-	343	-	-
Perbelanjaan Lain	2,256	578	-	-
	26,159	33,531	19,789	10,335

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

16. PERUNTUKAN KUMPULAN WANG TERKANUN

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pada 1 Januari	18,101,944	17,101,944	18,101,944	17,101,944
Tambah: Peruntukan Tahun Semasa	1,500,000	1,000,000	1,500,000	1,000,000
Pada 31 Disember	19,601,944	18,101,944	19,601,944	18,101,944

17. CARUMAN PENCEN

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain	7,234,260	6,558,487	7,234,260	6,558,487
Caruman Syer Kerajaan, Ganjaran Dan Potongan Lain	25,203,910	23,361,356	25,203,910	23,361,356
	32,438,170	29,919,843	32,438,170	29,919,843

17.1 Caruman Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Agensi Lain

KWAP menerima caruman bulanan bagi kakitangan yang bertaraf tetap dan berpencen daripada majikan seperti Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Agensi di mana pegawai dipinjamkan. Caruman dibuat berdasarkan kadar 17.5% dari gaji hakiki bulanan kakitangan.

	Caruman Terkumpul 01/01/2011 (RM'000)	Terimaan 2011 (RM'000)	Baki 31/12/2011 (RM'000)	Caruman Terkumpul 01/01/2010 (RM'000)	Terimaan 2010 (RM'000)	Baki 12/31/2010 (RM'000)
Badan Berkanun	5,146,901	539,778	5,686,679	4,644,741	502,160	5,146,901
Pihak Berkuasa						
Tempatan	1,344,005	127,934	1,471,939	1,223,143	120,862	1,344,005
Agensi Lain	69,900	8,131	78,031	62,786	7,114	69,900
	6,560,806	675,843	7,236,649	5,930,670	630,136	6,560,806
Tolak:						
Tuntutan						
Bayaran Balik	(2,319)	(70)	(2,389)	(2,134)	(185)	(2,319)
	6,558,487	675,773	7,234,260	5,928,536	629,951	6,558,487

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

17. CARUMAN PENCEN (sambungan)**17.2 Caruman Daripada Syer Kerajaan, Ganjaran Dan Potongan Lain**

Berikut adalah caruman bahagian Kerajaan, ganjaran dan potongan lain yang diserahkan kepada KWAP apabila pegawai-pegawai awam bersara atau membuat pengeluaran di bawah Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen dan Skim Pengeluaran Pesara:

	Caruman Terkumpul 01/01/2011 (RM'000)	Terimaan 2011 (RM'000)	Baki 31/12/2011 (RM'000)	Caruman Terkumpul 01/01/2010 (RM'000)	Terimaan 2010 (RM'000)	Baki 31/12/2010 (RM'000)
KWSP	18,512,832	1,456,649	19,969,481	16,357,048	2,155,784	18,512,832
KWSG	146,613	30	146,643	146,595	18	146,613
KWSG - Sabah	13,236	(757)	12,479	13,236	-	13,236
LTAT	3,956,755	342,365	4,299,120	3,588,286	368,469	3,956,755
SESCO	45,309	-	45,309	45,309	-	45,309
JPA - Ganjaran	736,059	56,148	792,207	700,872	35,187	736,059
Lain-Lain	29,321	1,254	30,575	28,466	855	29,321
	23,440,125	1,855,689	25,295,814	20,879,812	2,560,313	23,440,125
Tolak: Tuntutan						
Bayaran Balik	(78,769)	(13,135)	(91,904)	(67,695)	(11,074)	(78,769)
	23,361,356	1,842,554	25,203,910	20,812,117	2,549,239	23,361,356

KWSP adalah merujuk kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, KWSG merujuk kepada Kumpulan Wang Simpanan Guru, LTAT merujuk kepada Lembaga Tabung Angkatan Tentera, SESCO merujuk kepada Sarawak Electricity Supply Corporation dan JPA merujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

18. PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda adalah berkaitan dengan geran yang diterima daripada Kerajaan yang telah dibelanjakan untuk pembelian aset tetap.

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Pendapatan Tertunda	1,945	2,797	1,945	2,797
Tolak : Perlunasan Pendapatan Tertunda	(851)	(852)	(851)	(852)
Pendapatan Tertunda Selepas Pelunasan	1,094	1,945	1,094	1,945

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

19. PENDAPATAN PELABURAN KASAR

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Keuntungan Jualan Saham	1,090,911	1,453,845	1,090,911	1,453,845
Dividen Saham	753,841	658,314	804,643	708,323
Tuntutan Cukai Atas Dividen	72,421	64,356	72,421	64,356
Pendapatan Pengurus Dana Luar	361,859	301,337	361,859	301,337
Faedah Sekuriti Kerajaan Malaysia	684,144	653,694	684,144	653,694
Keuntungan Jualan Sekuriti Kerajaan Malaysia	197,845	166,572	197,845	166,572
Keuntungan Jualan Sekuriti Hutang Persendirian	55,725	22,355	55,725	22,355
Faedah Dan Dividen Sekuriti Hutang Persendirian (Pelunasan Pelaburan) / Pertambahan	554,532	511,485	554,532	511,485
Diskaun Pelaburan	(23,310)	645	(23,310)	645
Keuntungan / (Kerugian) Modal Dana				
Ekuiti Persendirian	13,516	(9,978)	13,516	(9,978)
Faedah Pinjaman	383,288	357,181	383,288	357,181
Faedah Pinjaman Kepada Syarikat Subsidiari	-	-	12,321	-
Faedah Deposit	455,206	387,184	455,206	387,184
Faedah Dari Baki Bank	450	127	450	127
Pendapatan Sewa Hartanah	33,634	1,794	-	-
	4,634,062	4,568,911	4,663,551	4,617,126

20. PERBELANJAAN OPERASI

	KUMPULAN		KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Gaji Dan Elaun	18,977	16,216	18,977	16,216
Caruman KWSP	2,929	2,951	2,929	2,951
Caruman PERKESO	72	57	72	57
Perkhidmatan Dan Bekalan	31,345	18,195	28,329	18,021
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	84	42	84	42
Susutnilai Atas Hartanah Dan Peralatan	14,697	3,294	1,997	1,746
(Keuntungan) / Kerugian Pertukaran Asing	(8,616)	1,040	(8,616)	1,040
Perbelanjaan Lain - Hartanah	6,289	344	-	-
	65,777	42,139	43,772	40,073

Bilangan pekerja KWAP pada 31 Disember 2011 adalah seramai 152 orang (2010 : 126 orang).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

21. KOMITMEN MODAL

	KUMPULAN DAN KWAP	
	2011 (RM'000)	2010 (RM'000)
Dikontrakkan Kerja Dalam Kemajuan	2,787 (2,787)	2,029 (2,029)
Dikontrakkan Tetapi Belum Diperakaunkan Dalam Penyata Kewangan	-	-

22. ANGKA PERBANDINGAN**22.1 Penyataan Semula**

Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula untuk menunjukkan perubahan dalam penyata kewangan diaudit syarikat bersekutu dan juga dividen dari syarikat bersekutu yang terkurang catat, seperti berikut:

	Seperti Dilaporkan Sebelum Ini (RM'000)	Seperti Dinyatakan Semula (RM'000)
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010		
KUMPULAN		
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai Dalam Syarikat Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti	433,421	431,207
Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2010		
KUMPULAN		
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	2,296,702	2,289,487

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

22. ANGKA PERBANDINGAN (sambungan)**22.2 Pelarasan semula**

Beberapa angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mematuhi persembahan penyata kewangan tahun semasa bertujuan untuk memberikan persembahan yang lebih saksama, seperti berikut:

	Seperti Dilaporkan Sebelum Ini (RM'000)	Seperti Dinyatakan Semula (RM'000)
--	--	---

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010**KUMPULAN**

Pendapatan Dari Syarikat Bersekutu	433,421	-
Bahagian Keuntungan Selepas Cukai Dalam Syarikat Bersekutu Yang Diperakaunkan Secara Ekuiti	-	431,207

Pelarasan semula adalah berkenaan bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu yang sebelum ini dimasukkan ke dalam pendapatan dari syarikat bersekutu yang sekarang telah diklasifikasikan semula ke dalam bahagian keuntungan selepas cukai dalam syarikat bersekutu, seperti yang dibenarkan di bawah MASB 12.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

22. ANGKA PERBANDINGAN (sambungan)**22.2 Pelarasan semula (sambungan)**

	Seperti Dilaporkan Sebelum Ini (RM'000)	Seperti Dinyatakan Semula (RM'000)
Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010		
KWAP		
Pendapatan Pelaburan Kasar	4,567,117	4,617,126
Pendapatan Dari Syarikat Bersekutu	50,009	-

Pelarasan semula adalah berkenaan dividen yang diterima dari syarikat bersekutu yang sebelum ini dimasukkan ke dalam pendapatan dari syarikat bersekutu dan sekarang telah diklasifikasikan semula ke dalam pendapatan pelaburan kasar, bagi mempersembahkan operasi Kumpulan secara lebih baik.

Seksyen ARTIKEL

- 145** Ketua Pegawai Eksekutif KWAP: 25 Orang Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset
- 147** Statistik - Sumber Manusia
- 150** Kepentingan ISO9001:2008 Untuk KWAP
- 151** Aktivisme Pemegang Saham
- 152** SPARC

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KWAP: 25 ORANG WANITA PALING BERPENGARUH DALAM PENGURUSAN ASET



Tugas mentransformasi KWAP dari sebuah unit kerajaan kepada organisasi yang dikorporatkan telah dipikul oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Azian Mohd Noh. Kepimpinan berwawasannya telah membawa KWAP ke puncak yang lebih tinggi, dengan melipat-gandakan pulangan kasar pelaburan serta aset di bawah pengurusan KWAP. Pada masa yang sama, beliau telah menjenamakan KWAP menjadi salah sebuah institusi pelaburan terbesar di Malaysia.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KWAP: 25 ORANG WANITA PALING BERPENGARUH DALAM PENGURUSAN ASET

Perkembangan pantas dan konsisten KWAP telah mencuri perhatian ramai, baik dari dalam mahupun luar industri termasuk organisasi antarabangsa. Ini telah terbukti apabila kepimpinan Dato' Azian diiktiraf di persada antarabangsa.

Pengiktirafan tersebut terlarak saat Dato' Azian disenaraikan sebagai salah seorang dari 25 Wanita Paling Berpengaruh Dalam Pengurusan Aset oleh majalah *AsianInvestor*, Hong Kong.

Bagi edisi Mei 2011, majalah tersebut telah mengiktiraf 25 wanita hebat dari kalangan pengurus dana, pelabur institusi, pengedar dan para usahawan yang telah merubah landskap bidang pengurusan aset di Asia.

AsianInvestor dalam pengiktirafan pencapaian memberangsangkan oleh Dato' Azian, turut menggambarkan beliau sebagai seorang yang mempunyai keupayaan jangkaan pelaburan yang mengagumkan. Ianya terbukti sewaktu keputusan dibuat untuk membuat pelaburan langsung antarabangsa pertama KWAP dengan membeli hartanah di Australia pada jumlah lebih AUD317.32 juta.

Walau bagaimanapun, itu hanyalah sebahagian kecil dari keseluruhan resume Dato' Azian yang membanggakan. Beliau telah membawa pelbagai perubahan besar sepanjang perkhidmatannya bersama KWAP.

Dato' Azian telah menerajui transformasi KWAP dari sebuah unit kerajaan kepada entiti korporat; membina modal insan KWAP dari hanya 30 orang kepada lebih 150 warga kerja dengan pelan perkembangan berterusan. Beliau membina infrastruktur keseluruhan KWAP, termasuk penyediaan *blueprint* antaranya untuk tadbir urus, penanda aras, pengurusan risiko dan alokasi aset strategik KWAP. Beliau turut mengembangkan skop pelaburan KWAP dengan memperkenalkan produk dan kelas aset baharu serta menyusun semula arah tuju KWAP sebagai Pengurus Dana Berfokus Pulangan.

Usaha Dato' Azian membentuk KWAP menjadi organisasi berprestasi tinggi dengan kredibiliti cemerlang telah diakui pelbagai badan antarabangsa, termasuk dengan terpilihnya KWAP menjadi hos bersama bagi

Mana-mana pemimpin akan turut mengatakan bahawa tugas seorang Ketua Pegawai Eksekutif tidak terhad kepada apa yang dibincang dan diputuskan di dalam bilik mesyuarat. Ia turut meliputi langkah-langkah dalam membuat keputusan yang tepat dan efektif; mengambil risiko yang lebih besar namun tepat, dan menggunakan peluang sebaik mungkin. Saya cukup bertuah kerana mempunyai pasukan cemerlang yang berkerja bersama saya di KWAP.

Persidangan *Asian Pension Fund Roundtable* 2011 anjuran Pacific Pension Institute, sebuah organisasi dana persaraan terkemuka yang berpusat di California.

Ditanya mengenai pengiktirafan majalah tersebut, Dato' Azian menyatakan pengalaman berkerja selama 30 tahun di bawah pelbagai badan kerajaan sebagai lapangan latihan yang telah membentuk beliau menjadi seorang *tour de force* pada masa kini.




Dato' Azian juga merupakan seorang dari tiga rakyat Malaysia yang dipilih untuk anugerah *AsianInvestor* tersebut. Majlis penganugerahan telah diadakan di Hong Kong pada bulan Jun 2011 dengan disaksikan pelbagai tokoh dalam industri berkenaan.

Pengiktirafan terkemuka ini telah sekaligus memperkukuhkan reputasi KWAP dalam dunia pelaburan terutamanya dalam bidang pengurusan pelaburan.






Nota: AsianInvestor merupakan majalah terkemuka khas untuk dunia pengurusan aset di rantau ini. Diterbitkan 10 kali setahun, ia meliputi pelbagai topik, antaranya pelaburan alternatif, khidmat sekuriti, reformasi persaraan, pengurusan risiko, dana amanah, pelaburan berinstitusi dan pematuhan di seluruh rantau.

STATISTIK - SUMBER MANUSIA

Seiring dengan perkembangan KWAP, 2011 telah mencatatkan jumlah tertinggi pengambilan tenaga kerja baru sejak diperbadankan pada tahun 2007 iaitu seramai 31 warga kerja. Tahun 2011 juga mencatatkan pemberhentian kerja secara sukarela seramai 5 warga kerja. Walau bagaimanapun jumlah pemberhentian kerja masih dianggap rendah berbanding purata industri yang sama. Pemberhentian kerja warga kerja tersebut adalah dikalangan warga kerja muda di bahagian kumpulan sokongan.



STATISTIK - SUMBER MANUSIA




STATISTIK - SUMBER MANUSIA

PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN


Sebagai sebuah organisasi yang menitikberatkan pembelajaran berterusan, KWAP sentiasa menyarankan agar warga kerjanya melibatkan diri dalam aktiviti serta program yang dapat membantu mempercepatkan kemajuan peribadi serta kerjaya mereka. Seperti tahun-tahun sebelum ini, budaya ini diteruskan dalam tahun 2011 dimana setiap warga kerja memperoleh purata 8.5 hari latihan dalam program berunsur pembelajaran berterusan.

Dalam tahun 2011, KWAP telah melaburkan sebahagian besar bajet program pembelajaran dan pembangunan dalam bidang kepimpinan dan pengurusan serta mempertingkatkan kompetensi warga kerjanya dalam bidang pelaburan dan kewangan. KWAP telah membelanjakan lebih kurang 65% daripada bajet pembelajaran dan pembangunan dalam dua bidang ini. Sebagai inisiatif untuk memastikan warga kerja KWAP sentiasa sejajar dengan nilai-nilai teras korporat, KWAP juga telah membelanjakan lebih kurang 14% daripada bajet pembelajaran dan pembangunan dalam bidang ini.


Hari Latihan Mengikut Kategori Tenaga Kerja




Hari Latihan Mengikut Jenis Program



Perbelanjaan Latihan Mengikut Kategori Tenaga Kerja



Perbelanjaan Latihan Mengikut Jenis Program



KEPENTINGAN ISO9001:2008 UNTUK KWAP

KWAP percaya kepada penambahbaikan yang berterusan untuk mencapai peningkatan yang lebih tinggi. Di sepanjang tahun, KWAP telah mengambil langkah untuk mendapatkan pensijilan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti dengan skop Pengurusan Pelaburan dalam Ekuiti Domestik.

KWAP telah melalui proses penilaian yang ketat. Ini termasuk audit dalaman, penilaian pra-pensijilan, semakan dokumentasi dan pembetulan ketidakakuratan. KWAP ingin memastikan Sistem Pengurusan Kualitinya memenuhi aspirasi dan jangkaan pihak yang berkepentingan di samping mencapai standard antarabangsa.

KWAP telah dianugerahkan sijil ISO 9001:2008 oleh Moody International di bawah akreditasi Jabatan Standard Malaysia dan *United Kingdom Accreditation Services* (UKAS) pada 9 September, 2011. Ini membuktikan proses dalaman KWAP adalah teratur dan dikawal bagi mematuhi peraturan dan memenuhi kehendak pihak yang berkepentingan. Pengiktirafan ini akan memberi KWAP peluang bagi meningkatkan nilai aktivitinya dan memperbaiki prestasinya secara berterusan dengan memberi tumpuan kepada proses teras untuk memastikan kepuasan pihak yang berkepentingan.

Standard antarabangsa ini mengiktiraf dan memperakui dedikasi KWAP kepada kepuasan pihak berkepentingan yang sentiasa menjadi tunjang visi dan amalan perniagaan KWAP. Penganugerahan ISO ini adalah permulaan perjalanan pensijilan ISO bagi KWAP.

Melalui pensijilan ini, warga kerja KWAP akan lebih bermotivasi dan komited kerana mereka terlibat secara langsung dalam Sistem Pengurusan Kualiti. Setiap warga kerja adalah pelaksana sekurang-kurangnya satu proses kualiti, dan bertanggungjawab melaksanakan penambahbaikan yang berterusan.

AKTIVISME PEMEGANG SAHAM

PENTINGNYA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga KWAP, Panel Pelaburan dan pengurusannya mengenalpasti kepentingan prinsip tadbir urus korporat dalam mengendalikan hal ehwal KWAP dan syarikat-syarikat pelaburnya.

"Tadbir Urus Korporat adalah satu proses dan struktur yang digunakan untuk mengurus perniagaan dan hal ehwal syarikat ke arah meningkatkan kemajuan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan matlamat utamanya untuk merealisasikan nilai pemegang saham pada jangka panjang sambil mengambil kira kepentingan pihak yang berkepentingan"

- Jawatankuasa Kewangan Mengenai Tadbir Urus Korporat
(Laporan Mengenai Tadbir Urus Korporat, Malaysia, Februari 1999)

Berdasarkan kepada kepercayaan bahawa pelaburan dalam syarikat yang diurus dengan amat baik daripada perspektif tadbir urus korporat akan memberi pulangan yang lebih tinggi dengan risiko lebih rendah dalam masa jangka panjang, pihak KWAP telah memilih menjadi pro-aktif dalam aktivisme pemegang saham. Dalam konteks ini, aktivisme pemegang saham adalah merujuk kepada tadbir urus korporat dan isu-isu berkaitan tanggungjawab syarikat kepada perkara yang bersangkutan dengan aspek sosial dan alam sekitar.

Kepentingan ini diperkukuhkan lagi dengan persekitaran ekonomi yang mudah berubah pada masa kini di mana aktivisme pemegang saham bersabit dengan impaknya kepada tadbir urus korporat akan memastikan hanya pelaburan yang diurus dengan baik dari segi kecekapan dan ketaatan kepada nilai etika terbaik sahaja yang akan dipertahankan.

KWAP menyokong sepenuhnya bahawa aktivisme pemegang saham bukanlah satu tugas yang dipikul hanya oleh badan pengawal atur seperti : Bursa Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti. Dengan dasar dan pengawalan dikenakan oleh badan pengawal atur, adalah menjadi tanggungjawab pemegang saham sendiri yang mempunyai kedudukan terbaik bagi menguatkuasakan hak mereka.

Berdasarkan perkara di atas, KWAP melancarkan Tadbir Urus Korporat: Prinsip dan Garis Panduan Pengundian dan dokumen ini akan menjadi garis panduan untuk KWAP memantau tingkah laku syarikat pelaburnya, dan cara KWAP akan mengundi untuk resolusi yang akan dibangkitkan di AGMs / EGMs.

SPARC

Kelab Sukan dan Rekreasi (SPARC) KWAP telah ditubuhkan oleh warga kerja KWAP bagi mempromosikan gaya hidup yang sihat dan cara hidup bekerja yang seimbang di tempat kerja melalui sukan, pendidikan dan lain-lain aktiviti riadah. Semua warga kerja KWAP adalah ahli SPARC. Mereka memilih satu jawatankuasa di kalangan mereka untuk menguruskan kelab dan mendorong aktiviti-aktivitinya. Dato' Azian Mohd Noh adalah Penasihat kelab ini sementara Khairul Azwa bin Kamalul Bahrin adalah Pengerusinya yang mengetuai sekumpulan 12 orang ahli daripada semua peringkat di KWAP bagi tempoh 2 tahun.

SPARC menganjurkan sesi Kecergasan Selepas Jam 5 (Fitness after Five) setiap minggu, iaitu sesi berjalan kaki dengan pantas atau berjoging yang diadakan setiap hari Selasa di Taman KLCC. Sekiranya hujan, kami mengadakan senaman aerobik di premis KWAP yang diketuai oleh kumpulan sukarela kami. Biro Sukan dan Kecergasan juga menganjurkan Kanival Sukan Tahunan yang sangat ditunggu-tunggu dan disokong dengan meriahnya.

Kanivalsukan ini diadakan sepanjang tahun dan kemuncaknya adalah acara pemberian hadiah yang diadakan setelah tamatnya karnival. Kesemua ahli SPARC dibahagikan kepada tiga kumpulan yang mana mereka kemudiannya akan bertanding dalam 10 hingga 12 permainan yang meliputi berbagai

pertandingan sukan dan permainan seperti futsal, boling, badminton, dart, congkak, catur dan *scrabble*. Hadiah diberi mengikut acara individu, kumpulan terbaik, ahli sukan lelaki dan wanita yang terbaik.

Di bahagian rekreasi, SPARC juga menganjurkan lawatan dan acara seperti percutian di hujung minggu ke tempat peranginan di Pulau Redang dan aktiviti luar seperti permainan *paintball*. Kami juga turut memenuhi keperluan pendidikan dan kerohanian yang seimbang dengan mengadakan aktiviti keagamaan bersiri terutama sekali di bulan Ramadan termasuk ceramah agama, serta pengagihan bubur lambuk untuk berbuka puasa kepada semua warga kerja.

SPARC

Pada tahun ini, kami mengadakan solat khas untuk meraikan sahabat-sahabat kami yang pergi menunaikan fardhu Haji. Kami juga bernasib baik kerana dapat menjadi hos kepada MAKNA untuk mengadakan ceramah mengenai kanser di premis KWAP.

Lewat tahun 2010, SPARC telah berjaya dalam permohonannya menjadi ahli Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-anggota Kementerian Kewangan (MKSAKK); satu badan yang terdiri dari semua jenis sukan, rekreasi dan kelab kebajikan atau organisasi di bawah naungan Kementerian Kewangan, di mana ahli-ahlinya turut terdiri dari BNM, EPF dan Suruhajaya Sekuriti.

Selain menganjurkan aktiviti sukan dan rekreasi untuk ahli-ahlinya, aktiviti utamanya ialah Karnival Sukan Kementerian Kewangan atau Pesta Sukan Kementerian Kewangan di mana KWAP telah terlibat secara aktif pada tahun 2011.

Seksyen VI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

- 155** Berkongsi Nilai Kita
- 156** Tanggungjawab Sosial Korporat
 - 156** Tanggungjawab Terhadap Pasaran
 - 156** Tanggungjawab Terhadap Tempat Kerja
 - 158** Tanggungjawab Terhadap Alam Sekitar
 - 158** Tanggungjawab Terhadap Komuniti

BERKONGSI NILAI KITA

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) memainkan peranan penting di dalam KWAP. Sebagai organisasi yang beraspirasi menjadi peneraju contoh dalam industrinya, komitmen KWAP terhadap usaha CSR berkembang setiap tahun. Dalam tahun 2011 ia menunjukkan peningkatan memberangsangkan bagi peringkat dalaman mahupun luaran.

KWAP percaya setiap individu di dalam organisasinya merupakan penyumbang positif kepada keperluan komuniti di sekeliling mereka; lantas CSR merupakan landasan yang lengkap bagi merealisasikan aspirasi ini. Penglibatan dalam aktiviti yang bercirikan keprihatinan ini memupuk rasa keterujaan dalam mencurahkan bakti dan ianya menjadi kebanggaan setiap warga kerja. Secara tidak langsung, ia akan diterjemahkan kepada daya kerja yang lebih baik, bila mana penglibatan mereka menjadi lebih bermakna dan dinamik.

Memahami impak suasana kerja yang positif kepada pertumbuhan organisasi, KWAP telah menjalankan beberapa program yang membantu menyemai persekitaran kerja yang diingini. Seperti cogan katanya, **“Berkongsi Nilai Kita”**, KWAP menumpukan komitmennya terhadap 4 kumpulan utama iaitu Pasaran, Tempat Kerja, Alam Sekitar dan Masyarakat.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB TERHADAP PASARAN

MENJADI HOS BERSAMA PERSIDANGAN ASIAN PENSION FUND ROUNDTABLE 2011

KWAP telah diberi penghormatan sebagai hos bersama bagi *Asian Pension Fund Roundtable 2011*, sebuah acara tahunan yang dianjurkan oleh Pacific Pension Institute, San Francisco. Acara selama tiga hari ini telah mengumpulkan lebih daripada 170 orang peserta dari 15 buah negara di seluruh Asia. Dua warga KWAP telah dipilih sebagai ahli panel di seminar tersebut. Nazaiful Affendi Zainal Abidin, Pengarah di Jabatan Portfolio Strategik telah membentangkan topik *Today's Optimum Portfolio: Comparative Perspectives from Asia and North America*, sementara Khairul Azwa Kamalul Bahrin, Pengarah Pengurusan Risiko dan Pematuhan telah membentangkan topik *Kelas Master: Strategies for Institutional Investors in The Face of Volatility*.

SUMBANGAN ARTIKEL

KWAP meneruskan komitmennya dalam mempromosikan perbincangan yang menarik mengenai isu-isu industri kewangan dan pasaran modal melalui sumbangan artikel yang berterusan kepada *The Edge Financial Daily*. Dalam tahun 2011, KWAP telah membuat sumbangan artikel seperti *What Can Bond Investors Do To Mitigate Defaults*, oleh Ahmad Zahir bin Mohd. Tabri, *Five Lines of Defense* oleh Uzair bin Ali dan Lim Hui Si, *The Outsourcing Disappointment* oleh Azizan bin Abdul Rahman, *Managing Large Equity Funds Versus Small Funds* oleh Mohamed Irfan bin Mohamed Khalif dan *Weathering the Rough Weather* oleh Muhammad Hafiz Abas dan Yeap Lay Yan. KWAP merancang untuk meneruskan usaha menggalakkan perbincangan pasaran dengan awam melalui akhbar dan saluran media lain.



TANGGUNGJAWAB TERHADAP TEMPAT KERJA

CABARAN FIT & FAB 2011

KWAP telah menganjurkan cabaran *Fit & Fab* yang pertama, iaitu satu program menurunkan berat badan yang menekankan gaya hidup yang sihat di kalangan warga kerja KWAP. Dalam masa tiga bulan, 18 orang warga kerja dengan BMI melebihi 25 telah dilengkapi dengan garis panduan dan diari pemakanan harian. Mereka diajar regimen pemakanan yang betul dan turut menyertai sesi latihan kardio mingguan yang direka khas untuk penurunan berat badan maksimum. Kelas dan aktiviti percuma ini turut menerima sambutan positif dari warga kerja lain, lalu menjadikan program ini satu kejayaan. Pemenang telah menerima hadiah lumayan, namun apa yang lebih penting; ia menggalakkan kakitangan KWAP meneruskan gaya hidup baru yang lebih sihat.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

KEMPEN ANTI ROKOK

Penjagaan kesihatan kadang kala tidak dititikberatkan dalam kesibukan dunia korporat dan KWAP mengambil langkah untuk merubah isu tersebut dengan menjalankan kempen kesedaran kesihatan sebagai usaha ke arah keseimbangan minda-badan mereka. Salah satu aktiviti yang diadakan adalah Kempen Anti Rokok KWAP. Warga kerja diberi kesedaran melalui emel dan video berkaitan yang telah dimuatnaikkan ke dalam PULSE, intranet portal KWAP. Gula-gula getah nikotin telah disediakan untuk membantu warga kerja yang merokok agar berhenti merokok.

**HARI KESEDARAN KANSER PAYUDARA**

Bersempena Bulan *Pink October*, KWAP telah mengadakan Hari Kesedaran Kanser Payudara pada Oktober 2011. Warga kerja wanita mahupun lelaki telah menerima poster kesedaran Kanser Payudara serta teknik melakukan Pemeriksaan Sendiri Payudara.

HARI AIDS SEDUNIA

Pada bulan Disember, KWAP meraikan Hari Aids Sedunia dengan mengadakan pelbagai aktiviti selama satu minggu. Warga kerja diberi pendedahan melalui tayangan filem mengenai AIDS, testimoni mereka yang hidup dengan HIV, ceramah oleh pegawai Majlis AIDS Malaysia, dan bahan-bahan pendidikan berkaitan stigma HIV/AIDS. Warga kerja juga digalakkan membuat perbincangan positif mengenai mangsa dan mereka yang menghadapi AIDS di seluruh dunia dengan rakan-rakan dan keluarga.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

TANGGUNGJAWAB TERHADAP ALAM SEKITAR

EARTH HOUR

KWAP menyokong penuh tindakan menentang perubahan cuaca dengan pelaksanaan pemadaman lampu disepanjang tempoh kempen *Earth Hour*. Dengan cogan kata *Going Beyond the Hour*, semua warga kerja telah memadamkan peralatan elektrik selepas waktu bekerja selama seminggu. Kertas dinding skrin komputer *Earth Hour* dan tajuk kepala emel telah dipasang di semua stesen kerja, dan poster kesedaran telah disebarikan melalui emel. Pengurangan penggunaan beg plastik dan pengurangan jejak karbon dengan menggalakkan warga kerja berjalan kaki ke tempat makan tengahari yang berhampiran turut dipromosikan sepanjang minggu tersebut.

TANGGUNGJAWAB TERHADAP KOMUNITI

BENGKEL FUN KIDS WITH KWAP

KWAP telah mengadakan dua bengkel Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan Bukit Tampoi (A) dan Sekolah Kebangsaan Salak, Sepang. Memasuki tahun ketiganya, bengkel setengah hari tersebut telah memperkenalkan beberapa cara untuk menjadikan pembelajaran di bilik darjah lebih ceria dan menyeronokkan serta menggalakkan penyertaan positif semua pelajar.

Selama tiga jam, seramai 10 hingga 12 orang warga kerja KWAP mengambil sekumpulan 10 orang pelajar tahun 5 dan 6 untuk sesi penceritaan dan pembelajaran alternatif yang menarik. Modul yang digunakan dalam bengkel ini telah direka khas oleh KWAP agar menepati sukatan pelajaran terkini sekolah.

SEMINAR PERANCANGAN KEWANGAN UNTUK PERSARAAN

Usaha murni KWAP menjangkau lebih dari pendidikan bahasa Inggeris. KWAP turut mengadakan Seminar Perancangan Kewangan untuk Persaraan secara percuma di bulan November khas buat mereka yang bakal bersara. Peserta yang mengambil bahagian tahun ini termasuk warga kerja Kastam diRaja Malaysia, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Pejabat Akauntan Negara. Berbagai tajuk telah dibentangkan dalam seminar satu hari tersebut, termasuk bajet dan pelaburan untuk persaraan serta kesihatan dan kesejahteraan di hari tua.



TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

LAWATAN KE BILIK URUSNIAGA KWAP OLEH MAHASISWA UNIVERSITI MALAYA

2011 menyaksikan KWAP menambah inisiatif baharu dalam bidang pendidikan melalui kerjasama dengan Universiti Malaya, salah satu universiti terulung di Malaysia.

Organisasi ini membuka pintunya kepada 30 orang mahasiswa daripada Fakulti Perakaunan dan Pengurusan Perniagaan untuk lawatan selama setengah hari ke Bilik Urusniaga KWAP (*Trading Room*), di mana wakil daripada Jabatan Ekuiti dan Pendapatan Tetap membuat demonstrasi Penggunaan Terminal Bloomberg dan Reuters. Selain dari menunjukkan demonstrasi secara praktikal, pelajar juga diberi ceramah mengenai bidang Pendapatan Tetap oleh Md Hayrani Mireso, manakala Mushida Muhammad menunjukkan aktiviti pelaburan ekuiti KWAP dan panduan perjalanan kerjaya dalam industri pelaburan. KWAP berharap akan terus proaktif dalam banyak lagi sesi lawatan dan peluang kerjasama lain dengan universiti tersebut di masa hadapan.

**LAWATAN AKHIR TAHUN KE RUMAH K.I.D.S.**

Untuk membina sebuah organisasi berprofil tinggi, setiap ahli hendaklah memupuk sifat kedermawanan dan sukarelawan, dan ia tidak harus terhenti pada skop yang kecil.

Mengakui perlunya sumbangan amal kepada masyarakat, KWAP telah berkongsi kegembiraan dengan penghuni Rumah K.I.D.S (Kanak-Kanak ini Disayangi), rumah anak-anak yatim di Subang Jaya. Sekumpulan warga kerja KWAP yang diketuai oleh Dato' Azian Mohd Noh telah melawat rumah tersebut dengan membawa makanan dan hadiah-hadiah. Kanak-kanak ini yang berumur di antara 7 hingga 17 tahun cukup teruja menerima beg sekolah dengan set alat-tulis serta buku sekolah yang tiba bertepatan dengan sambutan perayaan Hari Natal.



Seksyen VII KALENDAR KORPORAT

161 Kalendar Korporat Untuk 2011

KALENDAR KORPORAT UNTUK 2011



JANUARI

- 1 **11 Jan**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 2 **14 Jan**
Mandat Ketua Pegawai Eksekutif
- 3 **19 Jan**
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 4 **24 Jan**
Mesyuarat Jawatankuasa Khas Audit dan Lembaga

FEBRUARI

- 5 **9 Feb**
Ceramah Kesedaran Kanser
- 6 **11 Feb**
Sambutan Tahun Baharu Cina dan Perasmian Bilik Server
- 7 **16 Feb**
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 8 **22 Feb**
Majlis Makan Malam Tahunan KWAP
- 9 **25 Feb**
Siri *Golden Hour*
- 10 **28 Feb**
Mesyuarat Lembaga

MAC

- 11 **15 Mac**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 12 **25 Mac**
Siri *Golden Hour*
- 13 **27 Mac**
CSR: *Earth Hour*
- 14 **28 Mac**
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 15 **29 Mac**
Ceramah Siri Kepimpinan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Munir Abdul Majid

KALENDAR KORPORAT UNTUK 2011



APRIL

- 16 **11 Apr**
Mesyuarat
Jawatankuasa
Pengurusan Risiko
- 17 **15 Apr**
Kajian Kes
Pengurusan
- 18 **20 Apr**
Mesyuarat Panel
Pelaburan
- 19 **22 Apr**
Sesi Perkongsian Ilmu
- 20 **25 Apr**
Mesyuarat Lembaga
- 21 **29 Apr**
Pertandingan
Pembacaan Dana
Yang Berkat

MEI

- 22 **3 Mei**
Program Kesedaran
Keselamatan IT
- 23 **7 Mei**
CSR : Bengkel Bahasa
Inggeris, SK Bukit Tampoi (A)
- 24 **11 Mei**
Mesyuarat Lembaga
Perolehan
- 25 **18-20 Mei**
Latihan *Disaster
Recovery*
- 26 **20 Mei**
Siri Golden Hour

KALENDAR KORPORAT UNTUK 2011



MEI

- 27 **21-22 Mei**
Program Membina Pasukan, Nilai Spring
- 28 **23 Mei**
Mesyuarat Lembaga dan Panel Pelaburan
- 29 **31 Mei**
CSR : Hari Tanpa Rokok

JUN

- 30 **1 Jun**
Mesyuarat Lembaga
- 31 **21 Jun**
CSR : Cabaran *Fit & Fab*
- 32 **24 Jun**
Majlis Penganugerahan 25 Wanita Paling Berpengaruh dalam Pengurusan Aset
- 33 **30 Jun**
Siri Golden Hour

JULAI

- 34 **5 Jul**
Mesyuarat Panel Pelaburan & Lembaga
- 35 **8 Jul**
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- 36 **12 Jul**
Lawatan Tapak : Iskandar Investment Berhad
- 37 **14 Jul**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit

KALENDAR KORPORAT UNTUK 2011



JULAI

- 38 **16 Jul**
CSR : Bengkel Bahasa Inggeris, SK Salak
- 39 **19 Jul**
Mesyuarat Panel Pelaburan Khas
- 40 **21 Jul**
Pengumuman Kewangan 2010 oleh Menteri Kewangan II
- 41 **27 Jul**
Majlis Penyerahan Cek Pinjaman dari Kerajaan Negeri Sembilan kepada KWAF
- 42 **28 Jul**
Ceramah Ramadhan
- 43 **29 Jul**
Siri *Golden Hour*

OGOS

- 44 **8 Ogos**
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 45 **22 Ogos**
Mesyuarat Lembaga
- 46 **23 Ogos**
Ceramah Siri Kepimpinan oleh YBhg. Tan Sri Lim Wee Chai
- 47 **24 Ogos**
Mesyuarat Jawatankuasa Audit

KALENDAR KORPORAT UNTUK 2011



SEPTEMBER

- 48 **9 Sep**
Sambutan Hari Raya
Aidilfitri KWAP
- 49 **22 Sep**
Mesyuarat Panel Pelaburan
- 50 **23 Sep**
Mesyuarat Lembaga

OKTOBER

- 51 **8 Okt**
Mesyuarat Jawatankuasa
Pengurusan Risiko
- 52 **24 Okt**
Mesyuarat Lembaga
- 53 **27 Okt**
Mesyuarat Lembaga
Perolehan

NOVEMBER

- 54 **9 Nov**
Mesyuarat Panel
Pelaburan
- 55 **9-11 Nov**
KWAP / PPI *Asian Pension
Fund Round Table*
- 56 **12 Nov**
Karnival Sukan
Kementerian Kewangan
- 57 **16 Nov**
Mesyuarat Panel
Pelaburan dan
Jawatankuasa Imbuhan
- 58 **22 Nov**
Mesyuarat Lembaga
- 59 **29 Nov**
Mesyuarat
Jawatankuasa Imbuhan

DISEMBER

- 60 **13 Dis**
Mesyuarat Lembaga dan
Panel Pelaburan
- 61 **14 Dis**
Mesyuarat
Jawatankuasa Audit
- 62 **15 Dis**
Mesyuarat
Jawatankuasa
Pengurusan Risiko
- 63 **16 Dis**
Majlis Pertukaran Hadiah
- 64 **17 Dis**
Sesi Ceramah Kepimpinan
dan *Management Retreat*
- 65 **25 Dis**
CSR : Lawatan ke
Rumah K.I.D.S

Seksyen LAMPIRAN

167 Glosari Istilah

GLOSARI ISTILAH

AC

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa audit adalah sebuah jawatankuasa peringkat Lembaga yang ditugaskan untuk mengawasi laporan dan pendedahan maklumat kewangan. Ahli-ahli jawatankuasa diambil dari kalangan Lembaga di mana seorang Pengerusi dipilih antara ahli-ahli jawatankuasa tersebut.

BCM

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan

Pengurusan Kesenambungan Perniagaan merupakan proses pengurusan yang mengenalpasti insiden yang berpotensi mengancam sesebuah operasi dan menyediakan satu rangka kerja untuk membina ketahanan dan keupayaan untuk bertindak balas secara berkesan demi menjaga kepentingan para pihak berkepentingan utamanya serta memastikan kesinambungan perniagaan selepas kejadian bencana yang dijangkakan.

BCP

Pelan Kesenambungan Perniagaan

Pelan Kesenambungan Perniagaan (BCP) merupakan natijah daripada proses BCM. Ia mentakrif bagaimana organisasi berkenaan akan bertindak balas semasa berlaku sesuatu krisis atau bencana.

BNM

Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia atau BNM merupakan sebuah bank pusat bagi Malaysia. Ditubuhkan pada 26 Januari 1959 sebagai Bank Negara Tanah Melayu, matlamat utama bank ini adalah untuk mengeluarkan matawang, bertindak sebagai jurubank dan penasihat kepada Kerajaan Malaysia serta mengawal situasi kredit negara.

CCS

Pertukaran Matawang Bersilang

Perjanjian antara dua pihak untuk menukar pembayaran faedah dan pokok daripada denominasi pinjaman dalam dua matawang berbeza.

CRP

Profil Risiko Korporat

Profil Risiko Korporat adalah alat laporan yang meringkaskan risiko utama yang dihadapi oleh sesebuah organisasi menurut tahap impak dan kebarangkalian ia berlaku.

CSR

Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab Sosial Korporat adalah satu bentuk usaha kesukarelawan korporat yang diintegrasikan ke dalam model perniagaan. CSR bermatlamat memastikan organisasi bertanggungjawab ke atas tindakannya, serta memberi impak positif melalui aktiviti melibatkan alam sekitar, kakitangan, masyarakat, pihak berkepentingan dan golongan awam.

DR

Pemulihan Bencana

Pemulihan Bencana adalah proses, dasar dan prosedur berkaitan persiapan untuk pemulihan atau bencana penyambungan infrastruktur teknologi yang kritikal kepada sesebuah organisasi selepas berlakunya bencana alam atau bencana yang disebabkan oleh kesilapan manusia. Pemulihan bencana merupakan satu pecahan kecil dari BCM. Kesenambungan perniagaan melibatkan perancangan untuk memastikan semua aspek sesebuah organisasi kekal berfungsi semasa berlakunya bencana, manakala pemulihan bencana pula memfokus kepada IT atau sistem teknologi yang menyokong fungsi sesebuah organisasi.

EM

Pasaran Baharu

Pasaran Baharu merupakan negara-negara yang mempunyai aktiviti sosial dan perniagaan yang sedang mengalami proses pertumbuhan dan perindustrian yang pesat. Pada tahun 2010, terdapat lebih 40 pasaran baharu di dunia, di mana ekonomi India dan China merupakan ekonomi terbesar.

GLOSARI ISTILAH

ERM**Pengurusan Risiko Perniagaan**

Pengurusan Risiko Perniagaan (ERM) dalam organisasi meliputi kaedah dan proses yang digunakan oleh organisasi untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko berkaitan organisasi dan matlamatnya.

GCSP**Penyedia Perkhidmatan Kustodian Global**

Penyedia Perkhidmatan Kustodian Global, biasanya sebuah bank atau institusi kewangan bukan bank, memproses dagangan sekuriti merentas sempadan, menyimpan aset kewangan serta menyediakan perkhidmatan portfolio berkaitan.

HR**Sumber Manusia**

Sumber Manusia juga merupakan nama fungsi di dalam organisasi yang ditugaskan bagi menggalas keseluruhan tanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan dasar berkaitan pengurusan kakitangan.

HRM**Pengurusan Sumber Manusia**

Pengurusan Sumber Manusia adalah suatu pendekatan strategik dan tersusun terhadap pengurusan aset paling bernilai dalam sesebuah organisasi iaitu warga kerja yang menyumbang secara individu atau berkumpulan kepada pencapaian objektif perniagaan.

ICP**Pelan Komunikasi Insiden**

Pelan Komunikasi Insiden dirangka untuk menyediakan satu pelan komunikasi yang tersusun bagi sesebuah organisasi apabila berhadapan dengan krisis atau insiden di mana masa dan sumber adalah terhad. Ia berfungsi sebagai panduan untuk dituruti semasa krisis atau insiden bagi memastikan maklumat penting disampaikan kepada pihak-pihak berkaitan dengan efisien, berkesan serta tepat pada masanya.

ICT**Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Teknologi Maklumat dan Komunikasi meliputi semua kaedah teknikal yang digunakan untuk mengendalikan maklumat bagi memudahkan komunikasi, termasuk komputer, rangkaian dan perisian komunikasi.

IDP**Program Pembangunan Individu**

IDP adalah salah satu inisiatif yang diperkenalkan pada tahun 2010, bertujuan untuk membangunkan bakat dalam bagi memacu kemajuan kerjaya melalui program-program seperti Program *Cross Fertilisation* dan Program *Job Rotation*.

IFIMS

Sistem Pengurusan Pelaburan Dana Bersepadu

IMP

Pelan Pengurusan Insiden

IPG**Dasar dan Garis Panduan Pelaburan**

Dasar dan Garis Panduan Pelaburan untuk menyampaikan dengan jelas prosedur, falsafah pelaburan, garis panduan dan halangan kepada pihak-pihak berkaitan yang perlu dipatuhi.

IRS**Pertukaran Kadar Faedah**

IRS adalah pertukaran satu kumpulan aliran tunai (berdasarkan kepada spesifikasi kadar faedah) kepada yang lain. Ia merupakan suatu pertukaran bagi pembayaran tetap dengan pembayaran terapung yang dihubungkan dengan kadar faedah.

IT**Teknologi Maklumat**

Teknologi Maklumat adalah pemerolehan, pemprosesan, penyimpanan dan penyebaran maklumat vokal, bergambar, berteks dan bernombor menerusi gabungan pengkomputeran dan telekomunikasi berasaskan mikroelektronik.

JPA

Jabatan Perkhidmatan Awam

GLOSARI ISTILAH

KDNK**Keluaran Dalam Negara Kasar**

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merujuk kepada nilai pasaran bagi semua barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan di dalam sesebuah negara dalam tempoh masa tertentu. Ia sering dianggap sebagai petunjuk taraf kehidupan sesebuah negara.

KWAP**Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)**

KWAP ditubuhkan pada 1 Mac 2007 untuk menggantikan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

KWSG

Kumpulan Wang Simpanan Guru

KWSP**Kumpulan Wang Simpanan**

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau KWSP telah ditubuhkan secara rasmi selepas enakmen Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452), yang memberi faedah persaraan kakitangan melalui sebuah badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus simpanan mereka.

LTAT**Lembaga Tabung Angkatan Tentera**

Lembaga Tabung Angkatan Tentera atau lebih dikenali sebagai LTAT, ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 oleh Akta Parlimen.

MOF

Kementerian Kewangan

MSWG

Kumpulan Pemerhati Pemegang Saham Minoriti

NEM**Model Ekonomi Baharu**

Model Ekonomi Baharu merupakan pelan ekonomi di Malaysia yang dilancarkan pada 30 Mac 2010 bertujuan untuk menggandakan pendapatan per kapita di Malaysia menjelang tahun 2020. Ia bermatlamat untuk menganjak tindakan afirmatif daripada berasaskan etnik kepada berasaskan keperluan, justeru, menjadi lebih kompetitif dan lebih mesra pasaran dan pelabur.

OPR**Kadar Faedah Semalaman**

Kadar Faedah Semalaman adalah kadar faedah semalaman yang ditetapkan oleh BNM yang digunakan untuk hala tuju dasar kewangan. Ia adalah kadar sasaran bagi operasi kecairan harian BNM.

ORE**Peristiwa Risiko Operasi**

Peristiwa Risiko Operasi adalah peristiwa yang berlaku disebabkan oleh kegagalan manusia, sistem dan proses dalam sesebuah organisasi.

RENTAS

Sistem Pemindahan Elektronik Dana dan Sekuriti

RMC**Jawatankuasa Pengurusan Risiko**

Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah sebuah jawatankuasa peringkat Lembaga terdiri daripada ahli-ahli yang menjalankan peranan pengawasan risiko dalam sesebuah organisasi.

RMCD**Jabatan Pengurusan Risiko dan Pematuhan**

Sebuah jabatan yang diamanahkan untuk menguruskan risiko organisasi dan memastikan pematuhan dalam organisasi berkenaan.

ROI**Pulangan Pelaburan**

Pulangan Pelaburan adalah nisbah keuntungan atau kerugian pendapatan yang direalisasi berbanding saiz dana purata (pada kos) bagi sesuatu tahun.

SAA**Alokasi Aset Strategik**

Matlamat utama alokasi aset strategik adalah untuk mewujudkan suatu gabungan aset yang akan menyediakan keseimbangan optimum antara risiko dan pulangan jangkaan bagi horizon pelaburan jangka panjang.

SDL

Had Pendeposit Tunggal Menghadkan jumlah maksimum peletakan deposit yang dibenarkan bagi sesebuah organisasi dengan sebuah institusi pengambilan deposit tunggal, seperti bank.

GLOSARI ISTILAH

SHP

Sekuriti Hutang Persendirian

SKM

Sekuriti Kerajaan Malaysia

SOC SO**Organisasi Sekuriti Sosial**

Fungsi SOC SO meliputi pendaftaran majikan dan pekerja, kutipan caruman, pemprosesan tuntutan manfaat dan pembayaran yang dikeluarkan kepada pekerja yang mengalami kecederaan dan tanggungan mereka. SOC SO turut menyediakan manfaat pemulihan vokasional dan fizikal serta mempertingkatkan keselamatan pekerjaan dan kesedaran kesihatan di kalangan pekerja. Kajian Liabiliti Persaraan Sebuah kajian bersama yang dijalankan antara KWAP, MOF dan JPA untuk mengenal pasti pilihan yang tersedia bagi KWAP untuk membantu Kerajaan Persekutuan Malaysia membiayai liabiliti persaraan masa depannya.

TAA**Alokasi Aset Taktikal**

Ia merupakan kaedah di mana pelabur mengambil pendekatan lebih aktif dengan cuba menyesuaikan satu portfolio kepada aset, sektor atau saham secara individu yang menunjukkan tahap potensi paling tinggi untuk memperoleh keuntungan.

TE**Tracking Error**

Tracking Error mengukur sisihan lebihan pulangan bagi sesebuah portfolio berbanding indeks.

TEx Program**Program Talent Exchange**

Program TEx diwujudkan dengan objektif untuk menyediakan peluang kepada bakat-bakat di KWAP bagi mempertingkat dan membangunkan kemahiran teknikal dan kepimpinan mereka serta menyediakan mereka dengan suatu landasan bagi mereka untuk mengalami dan mempelajari budaya yang berlainan menerusi program *attachment* ke GLC/GLIC/Kerajaan/Syarikat Multinasional dan sebaliknya.

TPK


Terbitan Pelaburan Kerajaan atau *Government Investment Issue*

TWRR**Kadar Pulangan Berwajaran Masa**

Kadar Pulangan Berwajaran Masa adalah suatu ukuran berasaskan pulangan bagi perubahan dalam nilai pelaburan dalam tempoh masa tertentu.

VaR**Value-at-Risk**

Suatu metrik risiko yang digunakan untuk menganggar kuantum kerugian portfolio dalam lingkungan nilai kebarangkalian yang diberi dengan tempoh yang ditakrif terlebih dahulu.



LAPORAN TAHUNAN 2007 LAPORAN TAHUNAN 2008 LAPORAN TAHUNAN 2009 LAPORAN TAHUNAN 2010 PORTAL WEB : <http://www.kwap.gov.my>

www.kwap.gov.my

Aras 4, 5, 6 & 8
Menara Yayasan Tun Razak
200 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Malaysia.

Tel +603 2174 8000
Faks +603 2163 1860